

Hari Rabu
10 April 1996

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KESEMBILAN PENGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA

**Mesyuarat Kali Yang Pertama
Pada 8 - 10 April 1996
Bersamaan 19 - 21 Zulkaedah 1416**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT PERTAMA
PENGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEMBILAN**

**PADA 8 - 10 APRIL 1996
BERSAMAAN 19 - 21 ZULKAEDAH 1416**

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 101]
2. Soalan-soalan Yang Telah
Diberi Notis [Muka 18]
3. Usul-usul Yang Telah
Diberi Notis
 - i. *Merakam dan merafakkan sembah
ucapan penghargaan dan menjunjung
kasih Ke Bawah Duli Yang Maha
Mulia Sultan.* [Muka 131]
 - ii. *Perbelanjaan Rancangan Kemajuan
Negeri Bagi Tahun 1996.* [Muka 176]
4. Rang Undang-Undang
 - i. *Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri
(Pindaan) 1996.* [Muka 179]
 - ii. *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama
Islam (Pindaan) 1996.* [Muka 194]
5. Tangguhan. [Muka 211]

10 April 1996

**DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL
9.30 PAGI.**

HADIR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA
Engku Bijaya Sura (Dato' Syed Omar bin Mohamad),
DSMT., DPMT., AMN., PJC., PJK., BLB.
WAKIL PAKA

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Amar Di Raja, (Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.,
WAKIL CUKAI.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
DSMT., DPMT., JSM., PJC., PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR.

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Mohd Noor,
SPMT., DSSA., JMN., PPT., KMN.
WAKIL KAMPUNG RAJA.

Yang Berhormat Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., PJK.
WAKIL LANGKAP.

Yang Berhormat Dato' Aziz @ Ibrahim bin Awang,
DPMT., PJK.,
WAKIL SURAU.

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, PJK.
WAKIL KIJAL.

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG.

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang,
DPMT., PPT., PJK.,
WAKIL BUKIT PAYUNG.

10 April 1996

Yang Berhormat Encik Wong Foon Meng,
WAKIL BANDAR.

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,PPN.,
WAKIL KUALA BESUT.

Yang Berhormat Dato' Haji Muda bin Mamat,
DPMT.,PJK.,PPN.,
WAKIL PENGKALAN BERANGAN.

Yang Berhormat Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.,
WAKIL BATU RAKIT.

Yang Berhormat Haji Harun bin Hassan,
AMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL AIR PUTIH.

Yang Berhormat Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
AMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL KEMASIK.

Yang Berhormat Haji Awang bin Abdul Jabar,
ASM.,SMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL BUKIT BESL.

Yang Berhormat Encik Othman bin Daud, PJC
WAKIL TANGGOL.

Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat,
WAKIL JERTIH.

Yang Berhormat Haji Roslan bin Awang Chik,
WAKIL LADANG.

Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafee,
WAKIL PERMAISURI.

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Abu Bakar,
WAKIL BUKIT TUNGGAL.

10 April 1996

Yang Berhormat Haji Shafie bin Daud, PJK.,
WAKIL RANTAU ABANG.

Yang Berhormat Encik Mohd Lukman bin Muda,
WAKIL JABI.

Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof,
WAKIL KUALA BERANG.

Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abdul Kadir,
WAKIL HULU BESUT.

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,
WAKIL BATU BUROK.

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang,
WAKIL RHU RENDANG.

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut,
WAKIL WAKAF MEMPELAM.

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah,
WAKIL TEPUH.

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali,
WAKIL ALUR LIMBAT.

Yang Berhormat Haji Ismail bin Mamat,
WAKIL TELUK PASU.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,
WAKIL MANIR. - Dengan Maaf.

10 April 1996

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Seri Dato' Lela Perkasa,
(Dato' Seri Mohd Azahar bin Othman),
SSMT.,SPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Wan Adnan bin Mohamad, AMN.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan bin Hashim),
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda
(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu)

10 April 1996

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Buruk untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan yang pertama, Dato' Yang di-Pertua -

Tidakkah kerajaan bercadang memberi penumpuan dan keutamaan kepada pembangunan jalan-jalan kampung dalam kawasan MPKT?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri memberi tumpuan dan keutamaan kepada pembangunan jalan-jalan kampung termasuk membina baru, menaiktaraf dan menyelenggara jalan-jalan tersebut. Pembangunan jalan-jalan dalam kawasan MPKT ditumpukan kepada rezab jalan sedia ada dan laluan-laluan yang tidak bermasalah khususnya mempunyai kebenaran bertulis daripada pemilik-pemilik tanah yang terlibat dengan laluan jalan berkenaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Sedarkah pihak kerajaan bahawa kebenaran bertulis selalunya disalah tafsirkan sebagai janji untuk membuat bayaran pampasan dan masalah ini timbul di kalangan pemilik-pemilik yang menjadi masalah kemudiannya setelah pembinaan jalan?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, semasa meminta kebenaran daripada tuan-tuan tanah perkara ini telah dijelaskan kepada tuan-tuan tanah bahawa kita pihak kerajaan tidak membayar apa-apa pampasan kerana jalan-jalan ini merupakan jalan-jalan kampung yang digunakan untuk orang-orang kampung dan mereka sendiri. Kalau mereka tidak beri, maka mereka tidak dapatlah jalan tersebut, ini untuk kepentingan mereka sendiri. Kerajaan sedar ada berlaku kekeliruan ini dan kadangkala kekeliruan ini ditambah lagi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab yang minta supaya kerajaan bayar dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Tidak timbul soal golongan yang tidak bertanggungjawab, peruntukan diberi di bawah hak dan perlembagaan sendiri 'hak tanah'. Kenapa kerajaan tidak mencari jalan untuk mengadakan penyusunan semula yang memberi laluan dibayar pampasan walaupun jalan kampung?

10 April 1996

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sehingga kini ribuan jalan telah dibina dan tidak banyak masalah ditimbulkan kecuali oleh pihak-pihak tertentu sahaja dan ianya terus berjalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, jawapan selain daripada tidak tepat tetapi tidak bertanggungjawab. Saya bertanya kenapa dan apa yang menghalang pihak yang berwajib daripada menjadikan ianya pengambilan sah dan diberi bayaran pampasan oleh kerana ini pemilikan dan hak?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, saya telah jelaskan, jalan ini adalah diminta oleh orang kampung, diminta oleh orang ramai untuk pergi ke rumah-rumah mereka dan mereka sedia berkorban untuk memberi laluan bukannya merosakkan jalan mereka, bukan memunahkan tempat mereka dan sebagainya. Dan adalah menjadi dasar kerajaan, arahan Kementerian Pembangunan Luarbandar tidak dibenarkan ambil balik tanah-tanah ini untuk dibuat jalan kampung. Kalau nak ambil saya rasa tidak tahalah berapa bilion yang diperlukan, kerajaan tidak mampu. Kenapa payah sangat ini nak faham atau sengaja buat tak faham? Ini sebenarnya, kita harus bertanggungjawab, kita nak jalan, o.k., kita beri jalan, tidak timbul soal pampasan dan sebagainya. Saya rasa Yang Berhormat Batu Buruk boleh pergi tengok sendiri, ribuan jalan di seluruh Negeri Terengganu yang dibina dalam program jalan-jalan kampung, semua tidak diambil, semua tidak dibayar. Dan kita dah jelaskan bahawa kita tidak mampu bayar dan sebagainya, dan mereka bersetuju. Bila bersetuju kita buat, apa lagi yang dikehendaki, dengan kebenaran semua diperolehi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Saya masih lagi mengatakan bahawa jawapan ini tidak bertanggungjawab. Soalnya bila dijadikan jalan ianya untuk kegunaan umum, kesemua orang, apa yang menghalang kerajaan, adakah kerana belanja kita mahu menghalang, dan tidakkah kerajaan sedar bahawa layout yang ada sekarang ini tidak sesuai kerana tidak ada jalan oleh itu inilah perlunya pengambilan balik untuk walaupun jalan kampung.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Wakil Batu Buruk, di mana yang dimaksudkan, layout di mana?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, kita boleh buka peta MPKT, sesungguhnya layout yang sedia ada tidak ada rezab jalan yang dahulunya orang menggunakan jalan jiran-jiran. Tetapi sekarang ini keadaan memerlukan jalan-jalan laluan kerana kebanyakan penduduk mempunyai kenderaan dan sebagainya. Ini takkanlah Pengerusi MPKT tidak tahu, Yang di-Pertua MPKT tidak tahu, bahkan seluruh boleh kita minta pengesahan daripada Surveyor pada hari ini bahawa layout yang sedia ada Dato' Yang di-Pertua, dengan izin, dalam keadaan yang tidak memberi laluan

10 April 1996

yang sempurna kepada penduduk dan ini adalah perkara yang mendesak yang perlu penduduk keluar masuk tanpa menjadi pergaduhan dan perbalahan. Dan oleh itu saya katakan ini adalah jika sekiranya kerajaan memberi keutamaan kepada jalan-jalan kampung untuk mengadakan keharmonian rakyat maka kerajaan mestilah memikirkan walaupun jalan kampung ianya mestilah dilayout semula ataupun dibayar pampasannya.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, sudah saya jelaskan bahawa semua jalan-jalan yang dibina ini mendapat kebenaran daripada tuan-tuan tanah dan kita hanya mengambil balik bila melibatkan pembesaran jalan dan memerlukan tumpuan utama diberikan kepada sesuatu kawasan, sudah jelas.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Pengambilan balik yang berlaku tidakkah hanya tertumpu bilamana jalan itu dipertingkatkan tarafnya dan bukannya jalan kampung lagi tapi soalan saya ialah jalan kampung?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sudah saya jelaskan, Dato' Yang di-Pertua bahawa jalan kampung mendapat kebenaran daripada tuan tanah cukuplah kebenaran telah diberi, apa yang nak dipersoalkan lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor dua -

Sila nyatakan luas tanah yang telah dikenalpasti terbiar dalam kawasan MPKT hingga tahun 1996 khususnya tanah padi dan apakah sebab-sebab yang tertonjol?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, keluasan tanah terbiar di dalam kawasan MPKT hingga tahun 1996 adalah sejumlah 3,253.4 hektar dan sebab-sebabnya berlaku tanah terbiar antaranya ialah:-

- Kebanyakan pemilik tanah tinggal berjauhan dengan tanah yang dimiliki dan menjadikan tanah ini sebagai harta tetap sahaja. Manakala sebahagian kecil sahaja yang menyewakan tanah mereka kepada orang lain untuk diusahakan.
- Kekurangan tenaga kerja - kekurangan tenaga kerja ini disebabkan oleh penghijrahan tenaga kerja ke sektor lain dan kurangnya minat tenaga muda bagi mengusahakan tanah pertanian.
- Di samping itu berlaku juga masalah tanah yang tidak sesuai untuk tanaman padi dan sebahagiannya juga tanah-tanah tersebut sentiasa ditenggelami air.

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, saya soal tanah padi, adakah tanah padi tidak sesuai untuk tanam padi?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, soalan Wakil Batu Buruk ada dua, yang pertama - 'Sila nyatakan luas tanah yang telah dikenalpasti terbiat dalam kawasan MPKT?' Saya nyatakan jumlah keluasan terbiat. Yang kedua, hingga tahun 1996 khusus tanah padi dan saya nyatakan tanah padi yang tidak boleh diusahakan kerana tenggelam air dan sebagainya, tidak sesuai dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Ditanya pun, adakah tanah padi tidak sesuai untuk tanam padi. Tanah padi mesti tenggelam air, kalaulah ditenggelam rumput bukan tanah padi lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, tanah padi yang dinyatakan itu bahawa sesetengah itu tidak sesuai bukan semuanya sesuai. Crang panggil tanah padi tapi ada tidak sesuai ditanam padi sebab keadaan faktor persekitaran dan sebagainya dah tenggelam air nak tanam padi guana lagi dah, padi matilah dah tenggelam.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, sekali lagi saya dukacita atas jawapan itu, kita mestilah lebih rasional. Sedarkah kerajaan bahawa terbiarnya tanah padi ialah kerana pencemaran air yang melimpahi tanah padi yang tidak boleh digunakan lagi tanah padi kerana kekotoran dan bahaya penyakit yang ada khususnya Mukim Batu Buruk dan Mukim Bukit Besar.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan sebahagian tanah padi itu tidak sesuai lagi diusahakan dan ketidaksesuaian itu mungkin ada punca-punca lainnya, termasuk juga apa yang dinyatakan sebahagian daripada jawapan yang telah diberikan oleh Wakil Batu Buruk sendiri, dah tahu dah tanya apa lagi, jawapan beri sendiri dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan, pertanyaan saya, untuk memberi kesedaran kepada Kerajaan yang bertanggung jawab bahawa pencemaran itu adalah dibuat bukannya semulajadi. Oleh itu apakah kerja kerja Alam Sekitar dan Perbandaran bagi mengatasi penderitaan rakyat yang hilang punca pencariannya kerana tanah padi mereka tidak dapat disawahkan?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ini soalan lain dah ini, soal alam sekitar pulak dah ni, saya mohon notislah, kalau minta alam sekitar, nak kaji dulu.

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, tidak perlu notis, Alam Sekitar boleh jawab kerana dah diakui bahawa pencemaran ada, kenapa Alam Sekitar tidak jawab?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Dato' Yang di-Pertua, ini sesi Soal Jawab bukan sesi Perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan, saya tidak bermaksud untuk berbahas tapi soalan saya tidak dijawab dengan tepatnya. Soalan yang ketiga, Dato' Yang di-Pertua -

Pembangunan perparitan dalam kawasan MPKT nampaknya tiada lagi yang baru. Adakah kerajaan telah berpuas hati dengan saliran dan pengeringan bandar di musim hujan?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, tidak pernah berlaku pengeringan bandar di musim hujan. Walau bagaimanapun kerajaan masih tidak berpuas hati dengan sistem saliran dalam kawasan MPKT oleh kerana sistem perparitan yang dirancang belum selesai dilaksanakan dengan sepenuhnya. Pembinaan menyeluruh Sistem Perparitan akan disiapkan menjelang tahun 2000.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - EXCO Kerajaan Tempatan jawab bagi pihak Yang di-Pertua, saya harap dan ingat Yang di-Pertua MPKT jawab sendiri kerana dia lebih hampir dan lebih bertanggungjawab dengan keadaan perparitan di Kuala Terengganu. Sedarkah kerajaan bahawa parit-parit yang baru dibina penuh dan dipenuhi dengan Kiambang dan Menerong yang tidak lagi menjadi saliran tetapi menjadi sekatan kepada pengaliran air?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, kita sedar sebab itu kita buat sokmo, tadi dia suruh buat longkang, kita buat longkang. Siap longkang, Menerong tumbuh, kita bersihlah pulak, apa salah, buat lagi sanggup kita belanja berjuta-juta. Nak bersih sikit sangat, sekejap lagi sampai masa kita bersihlah. Ini nak buat perancangan banyak lagi ni, susah guana.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Sedarkah Yang di-Pertua MPKT bahawa parit buangan Jalan Ibrahim sendiri dipenuhi oleh Kiambang dan Menerong?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, saya nyatakan, kita sedar dan operasi pembersihan akan dilaksanakanlah.

10 April 1996

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burak): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, tapi soalan yang tidak bertanggungjawab, jawapan yang tidak bertanggungjawab(KETAWA)....

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Memang benar, soalan tidak bertanggungjawab Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar Cukai Pintu yang dikenakan sekarang ini?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menurut Seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan senarai nilai baru hendaklah dilaksanakan setiap 5 tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang ditentukan oleh Pihakberkuasa Kerajaan. Dan dengan ini adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengkaji dari masa ke semasa.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan mengambilkira untuk menjadi alasan dalam kajian tersebut apabila Negeri Terengganu mempunyai sumber-sumber yang mencukupi bagi keperluannya?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, dalam apa juga pembangunan kerjasama dan juga sumbangan semua pihak adalah diperlukan. Sumbangan kerajaan dengan hasil yang diperolehi membangunkan segala kemudahan untuk rakyat dan bagi rakyat pula memberikan sedikit sumbangannya dengan membayar cukai dan sebagainya sebagai berkongsi sama akan kemudahan-kemudahan itu, sebagai penghargaan rakyat kepada kerajaan sama-samalah kita membangunkan negeri kita ini dengan kedua pihak memberikan sumbangan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burak): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Dalam kajian pentaksiran semula kadar Cukai Pintu ini, adakah kerajaan mengambilkira sama perkhidmatan yang tidak sempurna dan tidak diberikan di setengah-setengah tempat.

10 April 1996

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, kita ambil kira belaka sebab itu kita rendah lagi berbanding dengan negeri-negeri lain ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Kalau diambil kira kenapa setengah kampung tidak mempunyai tong sampah pun?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana dikatakan tadilah, kita akan tambah dari masa ke semasa segala keperluan-keperluan ini, kita tidak boleh datang setempat, bukan ada lampu ajaib semua jadi belaka, peringkat demi peringkat berdasarkan kemampuan kita. Sebab itu kita mintak rakyat supaya turut sama memberikan sumbangan dengan membayar Cukai Pintu dengan ini hasil pendapatan Majlis dan Kerajaan Tempatan meningkat dan kita dapat tingkatkan lagi keperluan untuk rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan jugak akan mengutip Cukai-cukai Pintu bagi rumah-rumah ataupun premis-premis yang masih tidak dikeluarkan CF ataupun Sijil Kebenaran Untuk Mendiami Bangunan?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, antara Akta Cukai Pintu dengan mengeluarkan CF adalah dua perkara yang berbeza. Dia menggunakan akta yang berbeza, Akta Cukai Pintu, kutip cukai pintu, hak keluar CF, keluar CF, jadi jangan kita bolo' campur ikut dang, baham rambang, tengok dulu baca sikit. Hak Cukai Pintu kata kena kutip Cukai Pintu apa juga premis yang ada dalam kawasan Penguasa Tempatan kena bayar Cukai Pintu, itu soal CF itu, soal/hal lain, kena fahamlah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Kalau tidak mahu buat kerja rumah, tak usah jawablah.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan soal kerja rumah, kita bertanggungjawab biar Lawyer tengok sikit jugak benda ini, dua akta berbeza, bukan saya cakap baham rambang, Dato' Yang di-Pertua. Saya pernah jadi Timbalan Yang di-Pertua Majlis Daerah 4 1/2, ini tugas saya, kerja saya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Inilah masalah tak berselesaian dengan Perwaja ni.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, guana babas jauh sangat tu, mengarut sekali.

10 April 1996

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak kutip Cukai Pintu, dak.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hanyut nampaknya, hanyut.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Batu Buruk, tanya soalan lain.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua -

Sila nyatakan skop operasi yang telah dilaksanakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) di Negeri Terengganu semenjak perkhidmatan pembetungan diswastakan kepada syarikat tersebut di seluruh negara?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah menandatangani Perjanjian Konsesi pengambilalihan dengan Indah Water pada 9 Disember 1993. Dan menurut perjanjian ini, kerajaan telah membuat kuasa penuh kepada Indah Water untuk tempoh selama 28 tahun bagi maksud:-

- Mengambilalih daripada sesuatu Kerajaan atau Penguasa Tempatan berkenaan pengurusan dan penyelenggaraan Sistem Pembetungan Awam yang sedia ada.
- Membaikpulih, membaiki, menyelenggara dan mengendalikan apa-apa sistem pembetungan awam.
- Merancang, merkabentuk dan melaksanakan pembinaan Sistem Pembetungan yang baru.
- Memeriksa, mengganti, memperbaiki, menyelenggara dan mengendalikan apa-apa sistem pembetungan awam.
- Menerima, mengutip, menghantar, mengumpul, menyediakan pengangkutan, pemulihan mengolah dan melupuskan kandungan sisa-sisa kumbahan.
- Membersihkan, mengemaskan, serta mengosongkan mana-mana tangki septik, dan

10 April 1996

- Mengutip caj pebetungan daripada pelanggan yang mana telah menerima perkhidmatan pebetungan daripada Indah Water.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah skop pengawasan Kerajaan Negeri supaya ianya berjalan dengan baik dan tidak membebankan rakyat?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan meneliti dan memerhatikan segala perkembangan yang berlaku dengan penswastan ini. Dan sebab itulah kita mengemukakan cadangan-cadangan dari masa ke semasa untuk meningkatkan perkhidmatan tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Apa pula kedudukannya dengan pebetungan persendirian?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, pebetungan persendirian tidak terlibat dalam perkhidmatan ini dan mereka hanya dikenakan bayaran apabila tangki mereka penuh untuk memberi perkhidmatan sekali sahaja dalam tempoh masa yang tertentu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, dua soalan -

- (1) Sedarkah kerajaan bila diambilalih penswastan pebetungan ini, caj yang dikenakan RM150 sekali sedut yang dahulunya MPKT caj hanyak RM20 membebankan penduduk persendirian?
- (2) Adakah lesen dikeluarkan oleh kerajaan untuk Indah Water mengeluarkan discharge ataupun kotoran ini di Sungai Dungun?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, kerajaan sedarlah menyebabkan kita mintak dikaji balik dan rundingan-rundingan sedang berjalan. Dan kerajaan juga tentang berlakunya perkara di Dungun itu sebab itu kita ambil tindakan, sebab kita sedar. Dan dia telah membuat perakuan bahawa perkara ini tidak akan berulang lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, saya tanya, adakah lesen diberi untuk discharge untuk dicurahkan di sungai. Ataupun apakah syarat yang diberi kepada Indah Water berkenaan pembuangan sisaan ini?

10 April 1995

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, bukan kita beri lesen suruh curah ke sungai, curah tempat yang tidak dibenarkan. Tetapi berlaku kata orang salah laku yang dilakukan oleh pekerja-pekerja dia sendiri, nak mudah, sebab itu kita ambil tindakan, itu sahaja.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burek): Dato' Yang di-Pertua, pekerja ikut arahan ketua, taukeh dia, ikut lesen.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, tidak semestinya, ada juga pekerja tidak ikut, kadang-kadang nak cepat ikut mudah dia, kita mesti akuilah perkara ini.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burek): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apa untung pekerja discharge di Sungai?

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat tidak perlu jawab, repetition sangat. Sila Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Bilakah gerai-gerai perniagaan di bawah Jambatan Sultan Mahmud, Jalan Hiliran dan berhampiran Kompleks Taman Selera Tanjung akan dibuka?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, gerai perniagaan di bawah Jambatan Sultan Mahmud, Jalan Hiliran dibina dengan tujuan bagi menempatkan semula peniaga-peniaga yang terlibat dengan pembangunan semula kawasan pinggir Sungai Terengganu di Balik Bukit. Surat tawaran bagi menyewa gerai-gerai tersebut telah dikeluarkan kepada mereka yang terlibat pada 1 April yang lalu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelan): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Berapakah kos yang telah dibelanjakan untuk membina gerai-gerai tersebut dan apakah punca ataupun sebab kelewatan gerai-gerai tersebut dibuka kepada orang awam?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, kos projek ialah sebanyak RM548,735,060 dan kelewatannya berpunca yang pertama, kerana projek

10 April 1996

itu lewat disiapkan dan yang kedua kerana proses penghantaran surat-surat kepada pemohon yang berjaya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Sebelum pembinaan, adakah kerajaan mengambilkira dan mempunyai perakuan dari segi keselamatan?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sudah tentu kerajaan mengambilkira kesemuanya ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, soalan yang kedua -

Apakah peranan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dalam pembelian bot pelancong di negeri ini?

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, Unit Perancang Ekonomi Negeri bertindak sebagai agensi yang bertanggungjawab membeli bot pelancong. Manakala dalam urusan pembelian itu UPEN telah menggunakan nasihat teknikal daripada agensi yang lain. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Saya nak tanya bot itu dibeli daripada negara mana dan berapakah usia bot semasa ianya dibeli?

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Bot itu dibeli melalui Mara Shipyards Engineering Terengganu Sdn. Bhd. Bot itu semasa dibeli adalah bot yang baru.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bot baru, guana yang rosak selalu tu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Apakah rasionalnya UPEN menjadi agen kepada pembelian?

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): UPEN adalah agensi kerajaan, jabatan yang bertanggungjawab membeli bot pelancong.

10 April 1996

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya sudah tanya Dato' Yang di-Pertua, UPEN sebagai suatu badan yang membuat kajian perancangan ekonomi dan sebagai, kenapa melibatkan diri sebagai agensi untuk membeli motorbot ini

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, bukan agensi, Jabatan yang diberi tanggungjawab setelah dibuat kajian dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Berapakah peruntukan asal yang dicadangkan setelah UPEN membuat kajian, peruntukan asal untuk membeli bot ini?

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, peruntukan asal yang diberi kepada UPEN adalah peruntukan pembelian yang tidak melebihi RMI juta dan bot ini dibeli bukan harganya RMI juta, tidak sampai RMI juta dan bot ini dibeli melalui Mara Shipyards dan harga yang dibayar adalah harga setelah dibuat ubahsuai atas aspek yang dipersetujui oleh UPEN dan juga oleh Mara Shipyards. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, soalan yang ketiga -

Berapakah keluasan dan kos pembangunan yang telah dibelanjakan di kawasan Tapak Industri Minyak dan Jeti di Pulau Kucing, Kemaman?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, soalan yang ketiga, bagi menjawab soalan Ahli Yang BERTHORMAT itu Dato' Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa pembangunan di Pulau Kucing, Kemaman bukanlah bertujuan untuk industri minyak. Walaubagaimanapun keluasan kawasan yang terlibat ialah sebanyak 253,294 meter persegi sementara kos pembangunan yang telah dibelanjakan sehingga kini berjumlah RM17.2 juta, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Sejauh manakah hasil perundingan pihak Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dengan Sime Darby untuk sama-sama memajukan Pangkalan Pulau Kucing tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, projek ini pada masa ini bukan

10 April 1996

dikendalikan oleh PMINT dan jugak Sime Darby sebagaimana Yang Berhormat sebutkan itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah benar projek ini akan diserahkan kepada Syarikat Perkapalan Halim Mazmin?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebagai menjelaskan soalan Ahli Yang Berhormat itu dan untuk makluman Dewan ini suka saya memaklumkan bahawa pada asalnya projek pembangunan Pulau Kucing bertujuan untuk mengadakan suatu projek fabrikasi dan jugak pembotolan gas oleh PERMINT Engineering. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri pada awal tahun ini telah memutuskan bahawa tapak yang berkenaan itu lebih mendatangkan faedah dan manfaat kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu secara makronya dan oleh kerana itu Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan suatu projek yang lebih penting iaitu projek fabrikasi pembaikan dan pembinaan kapal yang melibatkan suatu usahasama di antara Permodalan Terengganu Berhad 30%, Kembara Kisen (Jepun) 30%, Halim Mazmin Sdn. Bhd 40%, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelas peratusan tadi, kepada Boleh ulang?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Boleh, Dato' Yang di-Pertua - Permodalan Terengganu Berhad 30%, Kembara Kisen (Jepun) 30%, Halim Mazmin Sdn. Bhd. 40%.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Tepuh.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor tiga (nombor satu dan dua ditolak), nombor tiga sahaja -

Kenapakah pembinaan jalan dan pembaikan jalan-jalan rosak di kampung-kampung dalam Parlimen Kuala Nerus terputus-putus (sekerat-sekerat) dan tidak sempurna?

10 April 1996

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pembangunan prasarana adalah satu keperluan yang dititik beratkan oleh kerajaan sehingga ini lebih 870 kilometer jalan-jalan telah dibina termasuk jalan-jalan kampung. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memberi kesempurnaan kepada semua projek-projek jalan termasuk di dalam kawasan Parlimen Kuala Nerus.

Bagi tahun 1995, Pejabat Daerah Kuala Terengganu telah diperolehi sebanyak 31 batang jalan yang diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM1.640 juta. Manakala pembinaan jalan baru (naik taraf jalan) adalah sebanyak 43 batang jalan dengan perantukan RM2.296 juta.

Program menurap semula jalan dilakukan dengan menurap/meletakkan premix ke atas jalan tersebut. Sungguhpun begitu tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa batang jalan yang tidak dapat disiapkan dengan sempurna ini adalah disebabkan oleh dua perkara, Dato' Yang di-Pertua:-

- a) Peruntukan yang diterima tidak mencukupi pada tahun semasa dengan keadaan sebenar jalan yang perlu diperbaiki.
- b) Semasa kerja hendak dimulakan terdapat bantahan dari tuan tanah menyebabkan pembinaan jalan di atas lot tanah tersebut ditinggalkan. Walaupun pada asalnya jalan tersebut telah ditarkan pada masa dahulu contohnya naik taraf Jalan Lorong Sri Kijang, Kuala Terengganu yang terletak dalam kawasan Kuala Nerus.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah kerajaan mengambilkira dalam membuat peruntukan pembaikan jalan ini supaya cukup untuk disempurnakan?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, boleh ulang sikit, tidak berapa dengar?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, saya ingin tahu - Apakah kerajaan mengambilkira dalam membuat peruntukan pembaikan jalan ini cukup untuk disempurnakan jalan-jalan itu tadi?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, memang kerajaan mengambilkira peruntukan jalan-jalan ini dan ianya dilaksanakan setiap tahun dan sebagaimana dinyatakan tadi jalan-jalan yang terputus-putus ini mungkin disebabkan oleh tuan tanah tidak membenarkannya. Kerana berdasarkan pengalaman saya kebanyakan jalan yang terputus-putus ini tuan tanah ini tidak membenarkan kerajaan membina jalan/melalui tanah

10 April 1996

mereka dan sebahagian besarnya terdiri dari penyokong-penyokong parti Pembangkang, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah kerajaan membuat perundingan dengan tuan-tuan tanah terlebih dahulu sebelum diminta untuk membuat jalan ini?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, rundingan telah dibuat dan sebab itu saya mohon kerjasama Wakil Tepuh sekiranya terdapat jalan-jalan dalam kawasan beliau yang tidak boleh dibina kerana halangan ini, saya minta kerjasama supaya kita dapat sempurnakan pada tahun ini juga.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, saya akan beri kerjasama.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, soalan yang pertama, Dato' Yang di-Pertua -

Berhubung dengan bangunan gerai Majlis Daerah Marang di tepi jalan utama Marang - Kuala Terengganu bersebelahan dengan Balai Polis Marang mengapakah gerai yang baru dibina ini dirobohkan?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bangunan yang dirobohkan adalah kerana struktur bangunan tidak selamat, disebabkan oleh keadaan tapak yang mengalami hakisan tanah.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Berapakah kos pembinaan gerai ini dan siapa yang bertanggungjawab?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kos pembinaan gerai keseluruhannya sebanyak RM100,000.00.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang kedua, bahagian keduanya, soalan saya yang keduanya - Siapa yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara ini?

10 April 1996

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, Ketengah tidak pernah membakar bot pelancong di Tasik Kenyir.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi. Bahagian kedua soalan saya tadi, saya bertanya - Siapa yang bertanggungjawab untuk ... ?

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Jadi bolo' Dato' Yang di-Pertua, nak tanya soalan kedua, bahagian kedua?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tidak bolo' dah, kita tengah bercakap satnikan, jangan gaduh sangat.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila ulang Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, yang saya tanya tadi dari segi kos pembinaan gerai ini dan siapa sebenarnya yang bertanggungjawab dengan kos yang berkenaan, kontraktorkah ataupun Majlis Daerah Marang sendiri?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kos pembinaan adalah Majlis Daerah Marang, kontraktor ini jadi kontrak saja.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Kijal): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Bilakah pihak kerajaan sedar dari segi pembinaan gerai ini tidak mengikut spesifikasinya?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pembinaan gerai ini telah mengikut spesifikasi yang ditetapkan tetapi oleh kerana berlakunya hakisan di musim hujan di luar jangkaan ianya berlaku demikian.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Kijal): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah benar sebelum daripada ini dalam pembinaan gerai di bandar lama Marang sebanyak dua kali gerai terpaksa dirobohkan. Maksud sayanya kita belajar daripada pengalaman, sebelum daripada ini dua gerai yang kosnya lebih tinggi terpaksa dirobohkan. Itu yang saya tanya, bila kerajaan sedar ia tidak mengikut spesifikasi, adakah kerana kurang pegawai ataupun sebagainya?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini soalan lain.

10 April 1996

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Soalan yang kedua, Dato' Yang di-Pertua.

Adakah benar pihak KETENGAH membakar sebuah bot pelancong milik seorang pengusaha tempatan di Tasik Kenyir. Jika benar mengapakah tindakan seumpama itu perlu dibuat?

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, KETENGAH tidak bakar bot pelancong di Tasik Kenyir.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Saya difahamkan ada Pegawai KETENGAH sendiri membakarnya?

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, dia tidak tahu, dia cuma difahamkan, dia tidak tahu bot mana yang KETENGAH bakar, bot pelancong tidak bakar.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Yang kita dapat maklumat berlakunya pergaduhan di antara orang kampung dengan pegawai berkenaan

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, tujulah kepada soalan dia, dia nak tanya

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Tak payah jawab, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Ya, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Wakil Teluk Pasu.

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Nyatakan keluasan tanah pertanian yang terbiar sejak 1990 dan pecahannya mengikut daerah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Terima kasih. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu suka saya memaklumkan iaitu keluasan tanah terbiar mengikut daerah sebagaimana dikehendaki oleh soalan Ahli Yang Berhormat adalah sebagaimana berikut:-

Pada tahun 1995, saya minta maaf tidak boleh bagi daripada tahun 1990 sampai 1995 begitu panjang dan meletihkan tetapi saya bagi angka pada tahun 1995 saya harap Ahli Yang Berhormat boleh berpuas hati.

Besut	-	2,467.00 hektar
Dungun	-	2,258.70 hektar
H.Trg.	-	5,450.00 hektar
K.Trg.	-	4,062.70 hektar
Kemaman	-	1,040.00 hektar
Marang	-	9,520.00 hektar
Setiu	-	1,422.59 hektar

Menjadikan kesemuanya kira-kira 25,000 hektar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Apakah halangan-halangan yang menyebabkan tanah tersebut tidak diusahakan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soal tanah terbiar soal yang penting dan besar yang menyentuh sosial ekonomi rakyat. Pada umumnya ada berbagai-bagai faktor yang menyebabkan tanah terbiar, yang pertama sekali faktor petani-petani sendiri setengah-setengahnya sudah lanjut usia dan tidak mengusahakan lagi setengah-setengah tanah. Yang keduanya, setengah-setengah tanah tidak sesuai lagi bagi sesuatu tujuan, setengah-setengahnya kekurangan infrastruktur tetapi pokoknya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, yang pentingnya ialah kurangnya kesedaran dan kefahaman serta jugak rancangan perancangan, kepercayaan dan keyakinan petani-petani terhadap pentingnya faktor tanah sebagai satu sumber ekonomi yang baik bagi mereka. Inilah yang perlu diatasi secara bersistematik dan berperancangan serta berkesan pada masa-masa yang akan datang dan saya suka menyatakan

10 April 1996

bahawa perkara ini berada sebagai satu penekanan usaha-usaha Kerajaan Negeri Terengganu pada masa yang akan datang untuk meningkatkan lagi pembangunan pertanian di negeri ini dan meningkatkan pendapatan petani-petani serta mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi - Apakah tindakan kerajaan untuk memanfaatkan rakyat melalui tanah-tanah terbiar tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar, saya ingat bukan masalah telinga saya ini, masalah sebelah sana.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Apakah tindakan kerajaan memanfaatkan rakyat melalui tanah pertanian yang terbiar tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Baik, terima kasih Dato' Yang di-Pertua saya cuba menjelaskan itu adalah dikenalpasti di kalangan tanah-tanah yang terbiar ini memang terdapat tanah-tanah yang sesuai untuk diusahakan ini perkara yang penting. Oleh kerana itu kerajaan telah memutuskan untuk meningkat rancangan tanaman-tanaman komersial untuk diusahakan lebih giat lagi oleh petani-petani seperti limau, roselle, duku, dokong, sayur-sayuran dan sebagainya, itu satu usaha. Yang keduanya kerajaan jugak memikirkan bagi kawasan-kawasan yang mungkin rendah memerlukan saliran, akan meningkatkan dan menumpukan program saliran tanah-tanah rendah termasuk tanah kerajaan dan jugak tanah-tanah persendirian sendiri untuk ditanam dengan tanaman yang ekonomi yang baru seperti pokok kayu cepat tumbuh supaya rancangan yang macam ini kita akan dapat menyelesaikan masalah tanah terbiar sekaligus memberikan rancangan ekonomi yang baik kepada petani-petani. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor dua -

Nyatakan jumlah kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah PPS ke dalam kategori DG 1 dan DG 2 dalam tahun 1995 di Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, jumlah kenaikan pangkat 1995 ialah 8 orang (DG 1 - tidak ada, DG 2 - 8 orang). Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Kenapakah kenaikan pangkat DG 1 tidak ada?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memang tidak ada bagi Negeri Terengganu untuk masa ini, di Jabatan Pendidikan Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Adakah sebab-sebab tidak ada itu kerana prestasi yang diberikan itu tidak tinggi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Belum lagi ada apa yang disebut sebagai establishment untuk pangkat ini di Negeri Terengganu, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor tiga -

Apakah sebab-sebab kemerosotan pencapaian SPM sekolah-sekolah di Negeri Terengganu sehingga menurun dari tangga ke-2 pada tahun 1994 ke tangga ke-8 pada tahun 1995 ini (yang ke-4 terkebelakang berbanding dengan sekolah-sekolah di negeri lain di Malaysia ini)?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, keputusan peperiksaan SPM Sekolah-sekolah Terengganu 1995 sebenarnya tidak merosot seperti yang difikirkan oleh Yang Berhormat yang bertanya. Sukalah saya memberikan perbandingan di sini:-

Keputusan 1994 - 68.5%

Keputusan 1995 - 67.1%

Bezanya cuma 1.4% sahaja tapi kita merasa bertuah kerana dalam keputusan peperiksaan 1995 terdapat beberapa mata pelajaran yang menunjukkan kenaikan atau peningkatan prestasi yang sangat baik. Misalnya:-

10 April 1996

	<u>1994</u>	<u>1995</u>
Bahasa Inggeris	35.5%	39.6%
Matematik Tambahan	50.7%	57.8%
Matematik (Biasa)	46%	68%

Begitu juga mata pelajaran yang lain yang menunjukkan peningkatan yang jelas, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah kerajaan bercadang untuk memulihkan kembali prestasi yang ada supaya akan datang lebih cemerlang. Apakah bentuk rancangan yang akan dibuat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya ingat telinga saya pun barangkali tidak rosak jugak tetapi tidak berapa dengar, takut yang bertanya itu kurang kuat sikit, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Saya ulangi soalan saya - Adakah kerajaan bercadang untuk memulihkan kembali supaya prestasi yang akan datang akan lebih naik dan apakah bentuk rancangan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Memang kerajaan bercadang malah telah melakukan untuk melihat prestasi ini bertambah, kita tidak puas hati dengan prestasi ini. Kita mengharapkan prestasi anak-anak kita akan jadi lebih baik meningkat pada tahun-tahun yang akan datang.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan pertama -

Adakah kerajaan bercadang untuk membina sebuah lagi Sekolah Menengah di Kuala Berang, kerana Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan Kuala Berang tidak dapat lagi menampung pertambahan murid yang ramai yang sekarang ini melebihi 2,000 orang?

10 April 1996

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kerajaan bercadang untuk membina sebuah lagi sekolah menengah di Kuala Berang iaitu Sekolah Kompleks Sri Berang dan sebuah sekolah rendah. Sekolah Menengah akan menyediakan 18 bilik darjah dan Sekolah Rendah sebanyak 12 bilik darjah dan termasuk 14 unit rumah Guru Kelas F dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Sejauh manakah setakat ini proses pelaksanaan dijalankan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak dapatlah menjawab dengan tepat sejauh manakah prosesnya, tapi apa yang dapat saya katakan dan kita dapat mengharapkan bersama-sama insya-Allah kedua-dua sekolah ini, sekolah rendah dan menengah akan menjadi kenyataan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh ini, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang ketiga -

Menyedari kesedaran tentang pendidikan mendadak tinggi di kalangan orang ramai dan perlunya Daerah Hulu Terengganu berada sama taraf dengan daerah-daerah lain. Tidakkah kerajaan bercadang mendirikan sebuah Maktab Perguruan di Daerah Hulu Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Jukacita sehingga ini belumlah ada rancangan lagi untuk mendirikan sebuah Maktab Perguruan di Daerah Hulu Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Permaisuri.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu -

Apakah langkah-langkah dan usaha kerajaan pada masa kini bagi mempertingkatkan taraf pendapatan di sektor Pertanian dan Perikanan?

10 April 1996

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat dan jugak Ahli-ahli Dewan ini, suka saya menerangkan bahawa sebagai langkah dan usaha untuk mempertingkatkan taraf pendapatan di sektor pertanian dan perikanan maka perlulah ada pertumbuhan di dalam sektor yang berkenaan. Untuk mendapatkan pertumbuhan maka perlulah diberikan penekanan terhadap perubahan struktur di dalam sektor yang berkenaan itu dan juga strategi-strategi yang lain.

Di antara langkah-langkah keutamaan yang akan diberikan penekanan oleh pihak Kerajaan bagi mempercepatkan dan mempertingkatkan pertumbuhan sektor pertanian dan perikanan di negeri ini ialah :-

- (1) Penumpuan kepada enam tanaman komersial yang sudah dikenalpasti bagi Negeri Terengganu yang didapati mempunyai pasaran yang baik, harga yang baik.
- (2) Kita akan menekankan kepada aspek aplikasi teknologi pertanian supaya meningkatkan kecekapan pengeluaran dan juga produktiviti.
- (3) Kita sedang merancangkan penubuhan satu Pusat Latihan Keusahawanan Pertanian sebagai usaha mempertingkatkan Pusat Latihan Pertanian yang terdapat pada masa ini.
- (4) Kita akan menekankan kepada Program Pembangunan Dusun Nukleus dengan lebih bersistematik lagi sebagai rancangan ekonomi yang baik untuk meningkatkan ekonomi petani-petani.
- (5) Kita akan menekankan kepada pelaburan dan penglibatan swasta di dalam sektor pertanian.

Bagi sektor perikanan pula, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, matlamatnya sama. Penekanan yang akan diberikan untuk mencapai matlamat sebagaimana ditanya oleh Yang Berhormat iaitu:-

- (1) Kita akan meningkatkan usaha-usaha pengeluaran ikan bukan sahaja ikan di laut tetapi juga ikan di darat. Kita mempunyai Rancangan Pembangunan Akuakultur bukan sahaja untuk ikan air tawar tetapi jugak untuk ikan air masin yang akan ditenak di dalam kolam di darat.

10 April 1996

- (2) Kita akan menekankan kepada satu pendekatan Pembangunan Laut Dalam Secara Bersepadu iaitu daripada huluannya penangkapan ikan laut dalam lebih komersial, lebih besar-besaran menyediakan kemudahan pelabuhan handling dan pemasaran yang lebih baik lagi.
- (3) Di peringkat downstream mempertingkatkan dan memperbanyakkan lagi usaha-usaha pemerosesan hasil-hasil tangkapan ikan di Negeri Terengganu.

Sekian, Dato' Yang di-Pertua, dengan ringkas. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah pengeluaran pertanian dan perikanan di Negeri Terengganu mencukupi keperluan negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, adalah sebuah negeri yang merupakan 'Nett Importer' dengan izin, ikan iaitu sebanyak kalau tidak silap saya Dato' Yang di-Pertua, 'off the east' dengan izin, sebanyak 10,000 metrik tan setahun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Terengganu hanya mengimport ikan sahaja padahal bahan keperluan makanan yang lain seperti beras dan jaguk sayur, macam mana dengan benda-benda yang lain, Dato' Yang di-Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, semalam saya sudah menjawab soalan ini iaitu Terengganu mengimport barang-barang makanan asas yang lain seperti beras, kita merupakan negeri yang mengeluarkan 45% sahaja daripada keperluan kita. Purata 'self-sufficiency' bagi negara ialah sebanyak 65%, jadi kita masih lagi di bawah tahap 'self-sufficiency' peringkat negara. Begitu juga dengan ikan, saya sudah sebutkan, kita merupakan 'nett importer', sayur jaguk kita merupakan 'nett importer' dan jaguk ayam dan jaguk daging lembu.

Dato' Yang di-Pertua, walaupun ini menampakkan sebagai satu masalah tetapi ianya boleh memberikan sesuatu kekuatan kepada nelayan-nelayan, petani-petani dan jugak rakyat Negeri Terengganu untuk mencebur diri lebih banyak lagi di dalam kegiatan-kegiatan pengeluaran barang-barang makanan di Negeri Terengganu. Dan memang menjadi matlamat Kerajaan Negeri Terengganu untuk mempertingkat dan menekankan lagi fokus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran barang-barang makanan untuk Negeri Terengganu bukan sahaja sekadar untuk memenuhi keperluan ataupun 'self-sufficiency' dengan izin, Dato' Yang di-Pertua tetapi jugak matlamat kita untuk mengeksport, menjadi negeri pengeksport barang-barang makanan dan kita ada potensi untuk mencapai matlamat ini. Terima kasih.

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Saya ingin tahu sejauh manakah pencapaian Dasar Pertanian Negeri ke arah untuk mencukupkan ke tahap sara diri terhadap bahan-bahan makanan dalam negeri ini, tahap pencapaian Dasar Pertanian Negeri?

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain, saya tidak izin, Yang Berhormat, soalan lain.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf pendapatan petani, saya hendak minta penjelasan berhubung dengan Soalan Bertulis saya iaitu ada sejumlah RM15,499.70 petani-petani ataupun penanam-penanam roselle yang masih belum diselesaikan hasil tanaman mereka. Jadi hak kita galakkan dari segi bertanam itu satu hal lah, hak tanam dah ini tidak bayar habis lagi ni. Apa yang menghalang kerajaan bagi memastikan ini semua dapat dilaksana dengan seberapa segera?

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain, Yang Berhormat. Saya tidak izin soalan itu.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor tiga -

Apakah langkah dan usaha kerajaan dalam mengatasi masalah hakisan pantai yang kian serius pada masa ini terutamanya di kawasan Setiu, Besut dan Kuala Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah hakisan pantai yang serius pada masa ini terutamanya di kawasan Setiu, Besut dan Kuala Terengganu. Memang Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu dan jugak Dewan ini kerajaan telah menyedari dan mengenalpasti memberikan kepentingan kepada soal hakisan pantai di negeri ini di mana Pantai kita sepanjang 244 kilometer kira-kira 63% daripada pantai kita mengalami hakisan yang dikategorikan, kadar keseriusannya dibahagikan kepada tiga, iaitu yang pertama, yang kritikal yang perlu diatasi segera, yang keduanya kritikal kategori kedua, dan yang ketiganya tidak kritikal. Jadi penekanan pada masa dahulu hingga sekarang ialah kepada kawasan-kawasan yang kritikal kategori 1 di mana beberapa projek telah dilaksanakan seperti:-

10 April 1996

- (1) Kuala Sungai Terengganu - Kuala Sungai Ibai
(6.6 km)
- (2) Cendering (1.6 km)
- (3) Seberang Takir (6 km)
- (4) Kg. Kuala Besut (1.2 km)
- (5) Kuala Demong (0.5 km)
- (6) Kuala Merang, Setiu (1.2 km)
- (7) Kg. Air Tawar - Bukit Keluang
(2.5 km)
- (8) Bukit Dedong - Kuala Merang, Setiu
(37 km)
- (9) Bukit Merang - Kg. Telipot (27.5 km)

Maafkan saya Dato' Yang di-Pertua, ini adalah bagi berbagai-bagai kategori iaitu Kategori 1, Kategori 2 dan Kategori 3. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan ini selama 25 minit.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

10 April 1996

Pukul 11.00 pagi

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan membuat jawapan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pertama sekali saya suka mengambil ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah dibentangkan dua hari yang lalu. Saya yakin dan percaya bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dijawab dan dijelaskan oleh Pengerusi portfolio masing-masing sebentar lagi.

Walau bagaimanapun saya suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan satu dua perkara yang telah dibangkitkan terutama sekali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rhu Rendang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Wakaf Mempelam.

Dato' Yang di-Pertua, kalau kita mendengar ucapan dari kedua-dua orang terutama dari Rhu Rendang, kita begitu tertarik dengan ucapan wakil ini yang menjelaskan terutama sekali soal akhlak yang dituntut oleh agama Islam yang maha suci. Ini satu perkara yang kita semua bangga dan ucapannya telah diselangselikan dengan hadis dan ayat-ayat Quran yang begitu cantik dan menarik. Kenapa tidak, kerana akhlak yang dituntut oleh Islam ini adalah tuntutan dan suruhan daripada Allah S.W.T. yang mencipta kita untuk diamal dan dipraktikkan oleh kita, hamba yang dicipta. Tetapi untuk menggambarkan akhlak yang baik itu tidak memadai kalau tidak disertai dengan amalan dan tindakan. Dalam menggambarkan kecantikan akhlak yang dituntut oleh Islam, bila Yang Berhormat sendiri bercakap kita lihat pelaksanaannya bertentangan dengan apa yang digambarkan. Dan ini boleh jadi satu bukti yang menunjukkan kepada kita tidak keikhlasan Ahli Yang Berhormat itu kerana tanpa pengetahuan, tanpa maklumat yang khusus telah menuduh kerajaan tidak cekap

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, minta maaf. Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Kalau boleh cakap ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat itu kuat sikit. Tidak berapa nak dengar molek. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Apa yang telah disebut tidak cukup dengan maklumat dan keterangan-keterangan yang mengatakan di antaranya Pelabuhan Kuantan yang ada dalam tangan kitapun ditadbir oleh Pahang dan sehingga satu masa dapat balik tapi dapat diberi kepada satu syarikat lain pulak. Begitu juga dengan penempatan

10 April 1996

industri-industri di Terengganu ini. Kerajaan Pusat oleh kerana tidak menghormati pimpinan negeri, barangkali, telah meletakkan kilang-kilang yang rugi seperti Perwaja. Sedangkan puluhan syarikat-syarikat lain yang berjaya yang ditempatkan di Terengganu dan ini saya naupak tentulah tidak bersesuaian dengan saya katakan akhlak yang baik itu. Kalau kita mahu menjadi seorang yang berakhlak mulia di samping kita sebut sedikit sebanyak keburukan, kita sebut yang lebih banyak kebaikan yang untuk kita 'highlight'kan. Banyak perkara-perkara yang nak disebut sehinggakan pelaburan di Negeri Terengganu merupakan yang ketiga 16 bilion tahun 1995. Kalau mereka tidak ada keyakinan, tak ada kepercayaan tentu mereka tidak datang ke sini. Sebab itu saya hendak menjelaskan bahawa perkara-perkara yang dipraktik ini tidak bersamaan dengan apa yang diucap.

Satu perkara kita lihat, mendirikan bangunan-bangunan dalam Majlis Daerah dan Perbandaran tanpa mempedulikan aturan peraturan Majlis ini merupakan satu akhlak yang tidak baik. Membiarkan sembahyang di masjid yang berasingan juga merupakan satu akhlak yang tidak baik yang perlu kita perbetulkan. Mencapai kemenangan dengan menduakan akidah Islam juga merupakan satu akhlak yang tidak baik. Tidak mengaku sesuatu yang baik dan menyebut yang buruk juga merupakan satu akhlak yang tidak baik. Sokongan para ulama di peringkat antarabangsa terhadap rancangan tajaan kerajaan yang begitu baik dianggap sebagai ulama upahan juga satu akhlak yang tidak baik. Menyentuh dan mengambil keuntungan sebagaimana kata ahli daripada Wakaf Mempelam banyak syarikat yang diswastakan adalah kerana keuntungan peribadi, satu tuduhan yang juga merupakan akhlak yang tidak baik. Sedangkan Allah S.W.T. telah berfirman

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang di-Pertua, penjelasan - Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa suatu prinsip yang penting di dalam menegakkan akhlak itu ialah apa yang dinyatakan oleh al-Quran kepada Pemerintah:-

الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَأَمْرًا بِالْعُرْفِ وَأَعْيَانِ السُّبْحِ

"Orang-orang yang kami berikan kepada mereka kekuasaan memerintah, mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran". Apa menjadi persoalan kerana berlaku tidak perseimbangan di dalam melaksanakan perkara ini, kerana banyak didapati memberi penekanan menyuruh kepada yang baik tetapi

10 April 1996

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Apa dia penjelasan ini. Ini ucapan, Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ini mukadimah Tuan Yang di-Pertua. Mukadimah sebelum pada soalan. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar itu soalnya, di dalam melaksanakan apa yang diperintah itu tidak habis di dalam menyuruh pada yang baik dan tidak tegas di dalam mencegah kemungkaran. Ini suatu persoalan yang kami timbul.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Dato' Yang di-Pertua, kita akui dan inilah usaha-usaha Kerajaan ke arah itu. Sebab kita sedar bahawasanya kita perlu untuk mencapai kemenangan di dunia ini ialah hubungan kita dengan Allah jangan rosak. Sekali hubungan kita dengan manusia rosak automatically dengan Tuhan rosak. Sebab itu kita mesti jaga hubungan kita sesama manusia ini. Jadi sebab itulah Kerajaan saya kata, macam kata Yang Berhormat tadi tugas Kerajaan menyeru manusia kepada kebaikan, menahan kepada kejahatan, menyuruh sembahyang. Ini usaha-usaha yang telah dibuat. Yang kita buat dari dulu lagi sebab itulah Yayasan Islam mengadakan ratusan bahkan ribuan kelas-kelas fardu ain untuk nak buat ini. Tetapi perkara ini bukan dapat kita lihat dalam satu masa yang singkat. Sebagai pengajaran kepada kita tengok, Tuhan jadikan langit 7 hari 7 malam. Jadikan manusia daripada mani mudrah, allaqah dan sebagainya. Dari semasa ke semasa mengajarkan kita bahawasanya sesuatu itu tidak boleh dibuat dalam sekelip mata. Walaupun kuasa pada tangan kata "Kun Fayaku" tapi tak buat

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Penjelasan Yang di-Pertua - Kami tidak mempertikaikan tentang kelas fardu ain. Perkara-perkara yang baik yang dibuat. Kami mengakui perkara itu suatu perkara yang baik. Apa yang menjadi masalah sebagai suatu contoh, membenarkan hiburan yang bercanggah dengan Islam. Pesta-pesta yang menggalakkan pergaulan bebas. Ini adalah di antara perkara-perkara yang dibiarkan oleh Kerajaan berlaku di dalam Negeri Terengganu ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Itu yang saya sebutkan tadi. Kita tidak boleh sekaligus nak hapuskan serba ini, bahkan dengan sedikit demi sedikit. Satu masa salah seorang Khalifah membenarkan askar Tartar meminum arak. Seorang sahabat beritahu kepada dia kenapa kita biarkan belaku seumpama ini.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Saya belum habis lagi.

10 April 1996

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila duduk Yang Berhormat.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Kerana ada kepentingan ini lebih baik biar dia minum arak. Kalau tak minum arak akan buruh lebih ramai lagi orang Islam. Tengok, kita dari segi kepentingan umum lebih dalam segi pemerintahan ini. Dan sebab itulah saya katakan tadi bila buat tuduhan melulu, ada pihak-pihak tertinggi dapat keuntungan baru swasta. Ini merupakan satu akhlak yang tidak baik.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظُّلْمِ
إِنَّ بَعْضَ الظُّلْمِ عَظِيمٌ

"Tuduhan-tuduhan yang begitu merupakan satu dosa". Kenapa kita sebut, tak ada bukti tak ada buat. Yang kita amat menjaga hubungan kita dengan Allah. Sebab itu soal-soal begini jangan kita meluluk. Kita betulkan akhlak kita. Menyebarkan fitnah di perhimpunan agung, di perhimpunan ramai, kerajaan itu demi mencari peluang sokongan rakyat juga merupakan satu akhlak yang tidak baik. Baru-baru ini dijemput bulan puasa untuk malam Nuzul Quran, saya tengok ucapan-ucapan mengecam Kerajaan dan sebagainya. Harapan orang lain buatan kita lain. Ini juga tidak berakhlak. Jadi kita boleh bercakap akhlak baik tetapi kita tidak amal dan tidak ajarkan anak buah kita berakhlak, satu perkara yang amat rugi.

Saya rasa bertanggungjawab sebab 'Addinul Nasihah', Ugama Nasihah. Sebab itu kita tidak ajar anak-anak kita bercakap sedemikian dan kita perlu memimpin ke arah kebaikan. Apa yang kita mahu kadang-kadang Allah S.W.T. dalam apa jua yang kita mahu. Ini dilakukan oleh sebahagian besar pemimpin-pemimpin pihak Pembangkang. Yang kita harap mereka akan menyedari dan balik ke pangkal jalan. Kita boleh mencapai kemenangan dengan sebab itu. Ini dengan sebab kita tidak melakukan akhlak yang baik kita dapat kemenangan. Tapi sebagaimana ayat Al-Quran -

وَلِذَلِكَ فَتَنَّا الْفِتْيَانَ لِنَبْلُوَهُمْ
أَلْهَبُوا نَارًا أَمْ لَمْ يَلْبَسُوا

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, penjelasan. Kita tidak mahu sebelah pihak. Apa yang perlu disedari bahawa pihak Pembangkang mereka tidak memerintah. Memanglah mereka bercakap. Bila mereka tidak memerintah menjadi tanggungjawab untuk menasihati, membangkang, menyokong. Bukan semua bangkang. Ada yang sokong. Apa yang menjadi masalah kepada kita ialah pihak Kerajaan yang mempunyai kuasa yang tidak melaksanakan apa yang boleh dilaksanakan. Adakah mengharamkan hiburan, maksiat benda yang terlalu mudah ini tak cukup masa dalam masa 30 - 40 tahun dah kita mencapai kemerdekaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat, 30 tahun kita capai kemerdekaan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa 400 tahun kita masih dalam penjajahan. Apa fahaman agama yang diberi dalam masa 40 tahun ialah ibadat itu ialah sembahyang, puasa, zakat, yang lima perkara. Yang lain bukan daripada Islam. Yang ini dibawa sehingga membawa kepada kemunduran umat Islam. Betul 30 tahun. Dalam masa 30 tahun kita patut rasa bangga dengan susunan program menyedarkan orang menyertai dalam ibadat, dalam iktisad dan sebagainya dan kita ke arah ini. Jadi kita jangan rasa 30 tahun mereka tak boleh buat lagi. 400 tahun kita jangan lupa. Bagaimana kita kerja keras dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang di-Pertua, penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Dato' Yang di-Pertua, beri peluang kepada saya untuk nak menjelaskan sesuatu. Saya tak beri jalan lagilah

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila duduk Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Sebab saya tak kacau dia semalam. Panas juga(KETAWA)

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sejuk sikit Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Saya tidak panas dah. Ahli Yang Berhormat juga menyebut iaitu dari Wakaf Mempelam. Pelabuhan Kemaman ditadbir oleh Kuantan, balik beri kepada Syarikat EPIC dan sebagainya. Saya nak menjelaskan. Pelabuhan ini, pada masa ini, ditadbirkan oleh satu konsortium Pantai Timur yang mengandungi di dalamnya iaitu EPIC iaitu (Eastern Pacific Industrial Corporation), Gadek, PTB, Perwaja dan pekerja-pekerja sendiri di mana EPIC ini adalah anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu. PTB Kerajaan Negeri. Kita sendiri yang buat, nama saja yang lain.

10 April 1996

Dato' Yang di-Pertua, jadi selain daripada itu juga kalau nak kata kerajaan anak tiri, saya saka menjelaskan peruntukan RM120 juta telah diberi kepada Kerajaan untuk mendalam laluan kapal di kawasan ini. Selain daripada itu Kerajaan juga telah memberi iaitu RM35 juta bagi membuat satu jeti kargo berbahaya yang insya-Allah akan ditender dan kajian telah dibuat

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan, Dato' Yang di-Pertua. Berapa jumlah saham PTB dalam konsortium tersebut?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Majority share

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Majority share. Peratusannya berapa. Kalau 51% baru majority share. Berapa peratusan, jumlah?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Dia beza di antara syarikat, company biasa dengan sendirian berhad, dengan syarikat ini. Dia kalau 70% dah menguasai kuasa dah. Ini lebih daripada itu lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, sebutlah berapa?

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Tak perlu. Yang Berhormat

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Ini saya nak jelas dulu ni. Bernakna bererti kita ada kuasa dalam ni. Satu lagi saya nak

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua. Saya tak menafikan yang kita ada hak, tapi soal kita bukan majoriti lagi, Dato' Yang di-Pertua.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Kita majoriti.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Jelas dah Yang Berhormat, tak payah soal lagi. Sudah jelas.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Dan beberapa kajian lagi sedang dibuat oleh pihak kerajaan dalam soal ini. Jadi sebab itulah kita jangan bercakap perkara-perkara yang tidak tahu dan ini merupakan satu dosa kalau ini merupakan satu tuduhan. Begitu juga soal pelajaran. Dulu kita belajar banyak mewujudkan perpustakaan yang tidak ada. Daripada tidak ada kepada ada. Dan kita tambahkan lagi merata-rata. Ada Ahli

10 April 1996

Pembangking kata Kerajaan bodoh. Membelanjakan duit yang begitu banyak yang tanggungan Kerajaan Pusat. Kita jawab kita sebagai sebuah negeri yang 'late starter' kita mesti guna kemudahan yang Tuhan beri untuk ini sama. Bila sekarang kita kena serah sekolah oleh kerana syllabus sama kita akan kaji. Kerajaan pulak sayang ke duit nak belanja. Jadi, kanan tak betul, kiripun tak betul. Apa bentuk Pembangking macam ni. Sia-sia kita mengadakan majlis kalau tidak beri pandangan yang baik kepada kita dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyebut dia menyentuh soal kakitangan kerajaan. SEDC baik, iaitu pegawai kerajaan, baik, dia membuat penilaian. Munasabah ke orang yang kerja rumahtangga saya dia buat penilaian hak luar pagar. Satu perkara yang tidak logik. Saya lebih tahu yang mana baik yang buruk. Kalau ada hak sorang-sorang hak terpencil tu, dia tak boleh buat kira. Sebab itu nampak tenang, nampak senyap tapi kerja berjalan. Saya nak beri satu cerita bagaimana Imam Shafie pergi melawat Imam Hanafi satu malam dan dia tidur di rumah Hanafi. Imam Hanafi rasa bangga memperkenalkan keluarga dia kepada, inilah Imam Shafie yang alim, yang masyhur itu. Semua tengok.

Apabila tiba waktu malam, Dato' Yang di-Pertua, Iman Hanafi sembahyang sepanjang malam. Iman Shafie senyap tidur. Kata keluarga Imam Hanafi, alim apa benda tidur terus. Sedangkan ini duduk sembahyang. Besok hari, bila Imam Shafie bangun dia jawab, alhamdulillah, saya bersyukur kerana lebih 30 masalah aku selesai semalam. Imam Hanafi satu selesai iaitu sembahyang. Jadi kita tak boleh nampak senyap, tak buat kerja. Kita terbongkok, orang buat penilaian senang-senang.


YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan, Dato' Yang di-Pertua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Apatah lagi kita Terengganu kita pakai falsafah penyu. Tak payah nak hebah-hebah. Tak payah nak sibuk-sibuk. Cuma tak tahu mari pejabat saya tanya. Jangan memberitahu perkara-perkara yang boleh menjadikan fitnah dan sebagainya. Saya kesian kitakan akan mati. Takut kepada Tuhan. Lidah yang diguna ni, akhlak yang baik, apa yang Tuhan sarankan bukan -

وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا

"Orang kata jahat kepada kita, sejahtera kepadamu". Ni kita tidak kata ke dia, dia kata kita. Nak jalankan dasar Islam, apa benda bentuk Islam macam ni. Siapa nak pergi percaya. Kita dalam manusia hidup - Nabi kata:-

10 April 1996



"Kita mesti tunjuk senyum walaupun hati kita melaknatkan orang ini." Orang tak tahu kita marah ke tak marah. Ni tidak apa-apa pun dengan muka hidung marah. Adakah ini akhlak Islam?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Pertua, penjelasan Dato' Yang di-Pertua. Saya sebutkan kadang-kadang apa yang berlaku Dato' Yang di-Pertua, pegawai-pegawai baik, sesiapa pun baik. Dia nak, bila tak bersetuju nak terang depan-depan tidak boleh di 'over ruled' begitu saja. Seheinggakan ada pegawai bila dah nampak hak ini tidak kena, hak ini tidak kena, 'sut-sut' berhenti, senang berhenti. Ini gambaran yang nak saya sebatkan. Jadi kita bila dapat maklumat biarlah kita dengar. Janganlah, takkan kita Pembangkang tak tahu rintihan, tak tahu keluhan, tak tahu masalah. Barangkali Yang Amat Berhormat selaku Menteri Besar, selaku Pengerusi Perbadanan semua sekali itu, barangkali dia sekadar dapat maklumat tapi tak tahu. Nampak tenang molek tapi buaya tu, duduk bolo' bawah tu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Biasanya Yang Berhormat, pada saya, kalau orang tak suka pada saya, dia pergi cerita orang lain maknanya dia memang tidak berapa kena. Kalau dia tidak berahi ke kita, duduk buat mari cerita kepada orang yang baik kalau dia pergi cerita ke orang lain, hak yang dia tidak berahi kita, cara kita satni berertinya dia tidak ikhlas dengan kita. Makna, ataupun dia tidak cukup maklumat, dia cuma berasa tidak sedap. Hendak pergi jumpa sendiri tak dapat nak cerita yang betul. Jadi cerita ke orang lain. Jadi kalau kita ambil pakai hak orang cerita begitu, rasa rosaklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, Dato' yang tolong jawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Dato'.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Sebab itu saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat yang hendak mendokong Islam ini. Biarlah kita berperangai baik. Biarlah kita masuk dalam golongan "al-muktakim". Biarlah kita masuk dalam kaum manusia mukmin yang mendapat kejayaan. Gambaran-gambaran, definisi dia ada belaka sebagaimana Quran, tuan-tuan semua dah baca, dalam Quran -

10 April 1996

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝

Macamana muktakimnya -

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ
الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۝
وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مِمَّا آتَاكُم مِّنَ
أَنْزَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ وَيَا لَأَخْرَجَهُمْ لِيُقِيمُوا
۝ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ
هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝

Kalau kita beramal ini semua, ini yang dapat hidayah, inilah dapat petunjuk, ini dapat kemenangan. Kalau tidak amal, tak usah cacang macamanapun Islam tak akan berjaya. Jadi sebab itulah kita biar masuk dalam kumpulan orang muktakim. Orang Islam yang mencapai kejayaan. Saya sebut ini, berasa satu tanggungjawab juga, akhlak-akhlak yang baik disebut biar dia betulkan semua sekali supaya masuk dalam kumpulan ini. Definisi dan ruang manusia mukmin yang berjaya, mukmin yang muktakim.

Dato' Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak yang saya nak beri penjelasan dan saya rasa rakan-rakan saya akan memberi secara detail lagi perkara-perkara yang berbangkit. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya minta ulasan daripada

YANG BERHORMAT ENCIK WONG FOON MENG (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana dapat bersama-sama membahas dan memberi jawapan kepada beberapa perkara yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan Titah Ucapan Di Raja kelmarin. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang

10 April 1996

nampak telah pun sedikit sebanyak mempunyai kesedaran khususnya di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan alam sekitar, kesihatan yang berkaitan terus dengan portfolio yang telah pun dipertanggungjawabkan kepada saya.

Kita dapat melihat akhir-akhir ini bahawa kesedaran di kalangan rakyat telah pun meningkat dalam usaha kita selain daripada menjalankan pembangunan fizikal. Kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar telahpun meningkat sehingga baru-baru ini ada sebuah parti Pembangkang yang telah pun berusaha untuk menganjurkan satu seminar alam sekitar. Jadi kita berharap harapan Kerajaan bahawa seminar yang dianjurkan oleh pihak-pihak ini biarlah jujur dan ikhlas bukan semata-mata untuk mendapat publisiti atau pun mencapai matlamat politik tertentu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bagi Kerajaan Negeri sebagaimana yang saya nyatakan pada persidangan yang lepas bahawa kita memang prihatin dan mengambil berat tentang alam sekitar, pemeliharaan dan kita sentiasa memastikan bahawa keseimbangan tercapai semasa kita menjalankan berbagai-bagai aktiviti pembangunan di negeri kita dan kita pada peringkat awal lagi telahpun mengambilkira ataupun memberi pertimbangan-pertimbangan dari segi aspek kawalan supaya apabila sesuatu program pembangunan itu dijalankan tidak akan menjejaskan keadaan semula jadi kita.

Saya tertarik kepada beberapa perkara yang telahpun ditimbulkan umpamanya dari segi pencemaran yang telah berlaku di beberapa tempat di Negeri Terengganu sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memang mengambil berat tentang beberapa isu alam sekitar yang ada di negeri ini. Umpamanya dari segi pembuangan sisa-sisa toksid yang menjadi satu perkara yang sentiasa dibincangkan khususnya oleh industri-industri yang menghasilkan buangan-buangan ini. Sebagaimana yang saya nyatakan ataupun saya jelaskan kelmarin bahawa Kerajaan Negeri telahpun menyediakan satu tapak untuk menjadi tapak perpindahan kepada semua hasil-hasil buangan yang toksid yang boleh dikatakan bahaya supaya bahan-bahan buangan ini dapat diangkut ke pusat pengolahan pusat yang sedang dibina di Bukit Nenas, Negeri Sembilan. Jadi dengan adanya usaha-usaha ini penyediaan tapak perpindahan yang akan kita ambilkira semua aspek kawalan supaya buangan dengan secara sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tidak akan berlaku lagi. Begitu juga dari segi program-program yang akan dijalankan oleh pihak kerajaan khususnya dari segi kesedaran alam sekitar ini pihak Jabatan Alam Sekitar telah pun menyediakan berbagai-bagai program untuk dijalankan di peringkat-peringkat sekolah sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah supaya murid-murid pada peringkat awal lagi akan tahu, akan sedar betapa perlunya kita mencintai alam, kita mencintai sungai kita, kita perlu menjaga kebersihan udara kita dan sebagainya. Jadi ini adalah usaha-usaha kesedaran yang akan terus dijalankan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kerajaan Negeri supaya kita semasa menjalankan program-program pembangunan khususnya daripada sekarang sehingga tahun 2010 iaitu dalam Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu kita, kita akan memastikan bahawa alam semulajadi

10 April 1996

kita akan terus dipelihara. Begitu juga Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar sedang berusaha untuk menjalankan satu-dua program di Negeri Terengganu kita supaya kita dapat sama-sama menjalankan kegiatan yang boleh memulihkan alam semulajadi kita yang telahpun rosak ataupun yang telahpun terjejas ini termasuk kalau tidak ada masalah lain Program Pemeliharaan Sungai, Program Kesedaran Pendidikan Alam Sekitar di peringkat-peringkat sekolah. Jadi ini adalah usaha-usaha yang akan dijalankan di antara pihak Kementerian dan juga pihak Kerajaan Negeri.

Berkaitan dengan kesihatan, Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal, Yang Berhormat Wakil Permaisuri ada mencadangkan supaya perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di kawasan masing-masing dapat dipertingkatkan lagi. Ingin saya menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telahpun mempunyai berbagai-bagai program untuk dilaksanakan di Negeri Terengganu kita. Umpamanya, pada tahun 1996 ini beberapa program perkhidmatan kesihatan telah pun dirancang. Ini termasuk perkhidmatan kesihatan keluarga di mana tumpuan akan diberi kepada kesihatan warga tua, kepada pihak remaja dan kita juga akan menjalankan Program-program Kesihatan, Pemeliharaan Kesihatan ataupun dengan izin Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua 'Re-hebilitation Programme'. Begitu juga dari segi Program Kawalan Penyakit Berjangkit yang kita tahu di setengah-setengah tempat masih berleluasa dan ini akan dijalankan terus-menerus supaya kadar-kadar penyakit ini dapat dikurangkan khususnya penyakit-penyakit yang dibawa oleh bawaan makanan dan juga air.

Satu perkara yang akan terus kita beri tumpuan dalam program kesihatan kita ialah menjalankan kempen kesedaran tentang AIDS dan HIV. Kerana kita berpendapat bahawa kempen kesedaran ini perlu dijalankan terus-menerus supaya kadar penyakit ini tidak bertambah dan seterusnya dapat dikawal. Begitu juga dari segi Kempen Cara Hidup Sihat yang akan dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri umpamanya dalam mencegah penyakit kencing manis dan sebagainya. Di samping itu Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu juga akan menubuh beberapa tempat bersalin di klinik-klinik kesihatan yang sedia ada untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk yang hendak mendapatkan perkhidmatan bersalin yang lebih baik dan lebih dekat dengan kawasan-kawasan yang mereka tinggal. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, walau pun Program Kesihatan ini adalah program pihak Kerajaan Persekutuan tetapi ingin saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri juga komited dengan usaha kita hendak meningkatkan lagi taraf perubatan di Negeri Terengganu kita. Sehingga hari ini ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telahpun membelanjakan hampir RM10 juta untuk membeli peralatan-peralatan yang setengah-setengahnya tidak terdapat di hospital-hospital yang lain dan ini telahpun mendapat sambutan yang baik bukan sahaja daripada penduduk-penduduk di Negeri Terengganu tetapi ada juga penduduk-penduduk ataupun pesakit-pesakit di negeri lain yang telah pun datang untuk mendapat rawatan di hospital di Negeri Terengganu kita.

Satu lagi usaha yang menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam Program Kesihatan ini ialah kita akan menubuhkan satu Unit Haemodelysis yang didirikan dengan kerjasama Yayasan

10 April 1996

Buah Pinggang Negara kerana kita tahu dan kita sedar bahawa penyakit ini makin meningkat dan setiap bulan lebih kurang 80 pesakit buah pinggang yang sedang menunggu untuk mendapat rawatan. Memandangkan bahawa kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Hospital Kuala Terengganu buat masa ini tidak mencukupi untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit ini maka Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan satu unit sendiri yang akan ditadbirkan oleh satu Lembaga yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Yayasan Buah Pinggang Negara. Dengan penubuhan Unit Haemodelysis ini kita berharap lebih ramai lagi penduduk-penduduk kita, rakyat Negeri Terengganu kita yang mendapat sakit buah pinggang selama ini yang tidak sempat diberi rawatan akan menerima rawatan dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik.

Satu lagi program yang akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan khususnya untuk penduduk-penduduk luar bandar ialah kita akan teruskan Program Bekalan Air Selamat, Tandas Curah dan Sistem Air Perlombongan. Program ini akan dijalankan terus menerus kerana kita berpendapat bahawa sekiranya penduduk kita tidak mendapat kemudahan-kemudahan seperti ini maka ini akan menjadi satu faktor yang akan menyebabkan umpamanya pencemaran di sungai-sungai kita dan seterusnya kesihatan penduduk-penduduk itu sendiri. Jadi dalam hubungan ini Jabatan Kesihatan Negeri telah pun memperuntukkan RM1.26 juta pada tahun ini untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bekalan air selamat, tandas curah, sistem air perlombongan dan sebagainya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dengan program-program yang dijalankan ini kita berharap mudah-mudahan dengan perancangan yang baik, program yang baik, yang diaturkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya maka hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu masyarakat yang sihat sebagaimana yang dihasratkan dalam Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu ini akan dapat dicapai dengan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, itulah satu dua perkara yang hendak saya jelaskan pada pagi ini dan sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telahpun memberi pandangan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payang):
Bismillahirrahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana pagi ini diberi kesempatan untuk sedikit sebanyak menggulung perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang ahli yang berekap keMarin. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, izinkan terus saya

10 April 1996

pergi kepada perkara-perkara yang telah dibangkit semalam pertamanya mengenai Pembangunan Sumber Manusia. Ini banyak disentuh oleh banyak ahli semalam, oleh Wakil Bukit Tunggul, Wakil Rhu Rendang, Wakil Tepuh dan juga Wakil Pengkalan Berangan. Kita sedar, kerajaan sedar bahawa agenda terpenting pada masa ini ialah untuk membangun sumber manusia selaras dengan pembangunan negeri ini sendiri dan alhamdulillah dalam rangka rancangan jangka panjang kedua Negeri Terengganu penekanan memang diberi khusus kepada pembinaan Pembangunan Sumber Manusia. Dan untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian sehingga 31 Januari 1996, kerajaan telah berjaya melatih ahli-ahli, anak-anak muda kita dalam tahap kemahiran seramai lebih daripada 10,000, 10,495 orang dalam 20 lebih bidang-bidang kemahiran. Hari ini, dewasa ini, terdapat hampir 1,000 anak-anak muda kita, anak-anak belia kita yang sedang dilatih dalam berbagai-bagai bidang kemahiran untuk keperluan permintaan baik dalam Negeri Terengganu atau pun di luar daripada Negeri Terengganu dan alhamdulillah kita cukup sokong pembangunan manusia insan yang telah diketengahkan oleh pihak Kementerian Pendidikan yakni untuk mengintegrasikan di antara pendidikan pra-sekolah, pendidikan sekolah rendah, pendidikan sekolah menengah dan pendidikan peringkat sekolah tinggi dan satu wadah yang menuju kepada Wawasan 2020 dalam memenuhi matlamat falsafah Pendidikan Negara. Dan sehubungan dengan itu kita yakin bahawa pihak Pembangkang juga barangkali boleh menyokong dengan hasrat untuk membina satu generasi yang berakhlak tinggi, bermulia dan berketrampilan dari segi kemahiran, insya-Allah.

Dalam bidang latihan ini, izinkan saya menyentuh dua tiga perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kelmarin. Pertamanya, mengenai cadangan oleh Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggul yakni mengenai MARA, minta MARA mengadakan Giat MARA ini mengadakan dalam Kawasan Bukit Tunggul. Jadi kita tahu bahawa dasar MARA hari ini ialah membina satu Giat MARA untuk satu Parlimen, bagaimana pun oleh kerana ini cadangan yang baik barangkali dapat kita ketengahkan kepada pihak MARA untuk pertimbangan pihak MARA, insya-Allah. Yang keduanya, Pembangunan Sumber Manusia ini termasuk pembangunan untuk melahirkan para-para usahawan di peringkat Negeri Terengganu dan ini juga disentuh oleh Yang Berhormat Wakil Ladang kelmarin. Kita ingin tekankan di sini bahawa Yayasan Pembangunan Usahawan dalam rangka induk rancangannya telah merancang untuk membangun sekurang-kurangnya 10 usahawan dalam satu tahun yang mempunyai modal berbayar RM100,000 yang akan nanti ditingkatkan kepada RM500,000 dalam bidang-bidang yang tertentu. Bidang ini, bidang-bidang yang boleh saya baca di sini yang pertama bidang-bidang petroleum dan gas yang banyak daripada Negeri Terengganu, bidang elektronik dengan sistem maklumat juga satu bidang yang cukup begitu baik permintaan dalam peringkat negeri dan juga negara hari ini. Yang ketiga, bidang automatif, yang keempat bidang komunikasi, yang kelima bidang pelancongan, yang keenam bidang perkhidmatan kejuruteraan, yang ketujuh bidang plastik dan polimar, yang kelapan bidang getah dan yang kesembilan bidang makanan dan yang kesepuluh bidang yang berteraskan kepada kayu 'wood base industry', dengan izin.

10 April 1996

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah mengenai masalah keciciran. Ini juga disentuh oleh beberapa wakil semalam. Ini juga disentuh pada sidang yang lepas. Terdapat satu keluarga yang miskin, diakibatkan oleh kemiskinan tetapi sehingga hari ini belum lagi saya dapat maklumat lanjut di bawah kes berkenaan dan semalam juga disentuh oleh Wakil Tetap mengenai satu keluarga yang tidak dapat melanjutkan pendidikan akibat daripada kemiskinan itu, kalau tak silap. Dan kita bagi pihak Kerajaan memang prihatin terhadap anak-anak yang tercecir bukan sahaja setakat kerana kemiskinan, orang kaya pun juga tercecir, tercecir bermaksud bahawa tidak dapat melanjutkan pendidikan ke tingkatan empat daripada tingkatan tiga, ke tingkatan enam, barangkali untuk yang mengambil SPM. Jadi kita mempunyai rancangan untuk melatih, memberi peluang kepada anak-anak ini dalam bidang-bidang yang saya sebut tadi malah kita berusaha untuk memperbanyakkan lagi bidang-bidang latihan insya-Allah dengan terbinanya TESDEC kita 'Terengganu Skill Diploma Centre' kemungkinan besar bilangan dapat kita tambah lagi. Dan di sini saya ucap tahniah kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu yang SRP baru-baru ini. PMR telah pun berjaya meningkatkan anak-anak muda kita naik ke tingkatan empat sebanyak 94.5%. Daripada 100 orang budak 94.5% anak-anak sekolah kerajaan dapat naik ke tingkatan empat dan ini barangkali memberi sumber yang baik kepada kita untuk melihat anak-anak ini terbina dari segi pendidikan kemahiran dan akhlak melalui tingkatan empat dan tingkatan lima. Ini sumber terpenting, aset kepada Kerajaan Negeri hari ini. Dan untuk bilangan sebenarnya hari ini kita ada 6,910 orang yang masih dikatakan tercecir, anak-anak kita yang gagal menyambung SPM dan juga STPM daripada PMR. Ini juga sedang kita cari jalan supaya dapat latih dengan lebih banyak lagi dan saya juga sukacita mendengar bahawa banyak usaha-usaha yang telah dijalankan oleh beberapa pihak untuk menangani masalah tercecir termasuk mengadakan kempen-kempen anti dadah dan sebagainya. Cuma barangkali untuk penjelasan, memberi penjelasan dan rekod Yang Berhormat daripada Alur Limbat yang buat 'complaint' semalam bahawasanya aktiviti yang beliau adakan di tempat tertentu tidak mendapat kerjasama daripada Pengerusi JKK. Saya difahamkan bahawa program ini telahpun dijalankan pada 19.1.96 dan kita dimaklumkan bahawa tidak ada permohonan dibuat secara bersurat kepada Pengerusi JKK ataupun kepada Pentadbiran Daerah Kuala Terengganu.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Penjelasan 'Dato' Yang di-Pertua, kerjasama daripada sebarang JKK ada sebenarnya, ada yang hadir dalam program, cuma dia orang telah beri persetujuan dari segi tempat di peringkat awal kemudiannya daripada peringkat akhir saya dapat arahan daripada kepimpinan Bahagian UMNO supaya ditolak permohonan tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Terima kasih, ini saya nak beri rekod daripada Pejabat Daerah dan juga daripada Pengerusi JKK menunjukkan bahawa tidak ada langsung permintaan secara bersurat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di Kampung Gelugur dan ini dijalankan di pasar sama ada mendapat 'MPKT's permission' itu saya tidak tahulah.

10 April 1996

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Alasan sajalah, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Itu untuk rekod, jadi supaya kita tidak lari daripada kenyataan yang telah berlaku, ini yang saya nak tekan di sini. Kemudian perkara ketiga Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua ialah mengenai isu Pendidikan Tinggi. Isu ini sebenarnya telah banyak diperkatakan semalam mengenai pendidikan tinggi dan bagi pihak kerajaan suka saya nyatakan bahawa kita sedar dan kita faham keprihatinan anak-anak Negeri Terengganu untuk melihat bahawasanya kita juga akhirnya akan mempunyai suatu institusi pengajian sendiri dan insya-Allah dengan adanya usaha-usaha yang telah dibuat sekarang antara lain telah pun disentuh oleh ahli-ahli pihak kerajaan semalam. Antaranya ialah kerjasama di antara KUSZA dengan UIA (Universiti Islam Antarabangsa) dalam bidang-bidang Sastera Gunaan menuju kepada Program Penawaran Peringkat Ijazah. Yang keduanya, ialah TATI (Terengganu Advance Technical Institute) yang insya-Allah akan berpindah di Kijal pada bulan depan juga telah mengadakan program Diploma dalam Mechaelectronics, Teknologi Informasi dengan menggunakan kurikulum Switzerland juga menuju ke arah pembentukan sebuah pengajian tinggi dan seterusnya dengan kerjasama beberapa buah universiti tempatan untuk mengadakan program-program ijazah terutama bidang-bidang kejuruteraan juga ini merupakan satu usaha yang menuju ke arah penubuhan institusi pengajian tinggi di Negeri Terengganu dan insya-Allah mudah-mudahan kita yakin bahawasanya tidak lama lagi dengan pengumpulan beberapa program ijazah begini akan meletakkan Terengganu sebagai sebuah Negeri Ilmu.

Dan akhir sekali Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua ialah mengenai isu teknologi maklumat 'information technology' dengan izin, kita sedar kalau kita ketinggalan dalam bidang ini, maka kita akan ketinggalan keretapi. Oleh sebab itu, kerajaan sedang berusaha dengan penuh sabar pada masa ini untuk melengkapkan sistem rangkaian teknologi maklumat di Negeri Terengganu. Ini termasuk pemasangan Internet, Homepage dan juga Penguasaan Rangkaian dengan 'Cyber Space', dengan izin. Jadi kalau ini dapat dilaksanakan insya-Allah kita tidak akan ketinggalan dari segi ini dan akan boleh membantu meningkatkan lagi kualiti dan juga pembangunan yang lebih tersusun dengan teratur. Jadi inilah perkara-perkara yang barangkali dapat saya sentuh yang menyentuh sedikit sebanyak portfolio saya, mudah-mudahan dengan cadangan dan juga sentuhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kelmarin membolehkan kita merancang dengan lebih tersusun lagi, insya-Allah.

Jadi sekian, wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanir rahim. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

10 April 1996

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan serta Pemerhati-pemerhati yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih dan penuh rasa kesyukuran kerana diberi peluang untuk menerangkan sebarang ringkas yang boleh kepada Dewan yang mulia ini beberapa perkara, isu-isu yang dibangkitkan serta perkara-perkara yang dapat dalam portfolio Kemudahan Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam di dalam tanggungjawab saya.

Pertamanya saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Dewan kerana pada kali ini tidak banyak perkara-perkara yang dibangkitkan dalam portfolio ini dan ini bermakna seluruh Ahli Dewan termasuk Pembangkang, kita merasa berpuashati peratusan kepuasan rati kita adalah melebihi terhadap segala penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur dalam negeri kita ini dan kita laksanakan tanggungjawab kita selama ini. Dalam pada itu sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Negeri akan terus mendahului, akan terus menggunakan apa jua untuk mendahului sektor-sektor lain, portfolio-portfolio lain untuk berusaha menyediakan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan awam kerana kita sedar dengan penyediaan kemudahan serta infrastruktur yang terbaiklah maka akan dapat kita bawa kegemilangan ataupun pembangunan yang cemerlang dalam negeri kita ini.

Dalam pada itu Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh dua, tiga perkara yang sedang dirancang oleh pihak Kerajaan dalam menjadikan hasrat kita tadi tercapai. Dato' Yang di-Pertua dan ahli sidang yang dihormati sekalian, di dalam tahun 1996 ini kita merancang dalam usaha kita meneruskan Rancangan Malaysia Keenam dan dalam usaha kita untuk memulakan Rancangan Malaysia Ketujuh, kita utamakan dalam penyediaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, kemudahan-kemudahan telekomunikasi, kemudahan-kemudahan awam dan sebagainya dengan suatu falsafah yang utama untuk kita lihat pencapaian Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu itu sendiri dapat kita selaraskan dengan rancang dan terancang. Ini kita laksanakan dengan penyediaan jalan-jalan asas, jalan-jalan utama dengan rangkaian utamanya rangkaian lebuh raya yang akan menghubungkan negeri kita ini dengan sama ada Lebuh Raya Timur Barat, Lebuh Raya menghubungkan negeri-negeri maju Kuala Lumpur dengan Pantai Timur dan juga rangkaian lebuh raya Koridor Pantai Timur. Juga kita ingin melaksanakan, sedang melaksanakan supaya rangkaian jalan raya yang dapat kita wujudkan di negeri kita ini yang bukan sahaja mendekatkan ataupun menghubungkan di antara sektor-sektor malah kita ingin juga tidak akan membezakan hubungan antara sektor industri dan sektor pertanian, sektor bandar dan sektor luar bandar, perhubungan antara wilayah selatan dan utara, wilayah pantai dan wilayah daratan. Ini semua tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat kita lihat pada tahun ini sahaja sebanyak RM429 juta kita peruntukkan untuk membina 25 jalan-jalan baru dan 11 jalan-jalan sambungan yang telah kita rancang pada Rancangan Malaysia Yang Keenam. Ini bermakna 69% daripada peruntukan ini kita rancang, daripada peruntukan ini kita rancang, sebanyak RM129 juta iaitu 69% untuk pembangunan jalan-jalan luar bandar. Di antara projek-

10 April 1996

projek yang kita laksanakan pada tahun ini juga bagi maksud dan tujuan yang saya katakan sebentar tadi, adalah bukan sahaja pembinaan jalan baru malah kita membetulkan lencongan-lencongan ataupun selekoh-selekoh berbahaya, menaikkan taraf jalan, memasang lampu isyarat, membina jambatan baru, membaikpulih laluan, serta mengadakan persimpangan-persimpangan bertingkat yang lebih selesa. Juga Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita juga memperuntukan pada tahun ini RM70 juta untuk pembinaan jalan-jalan luar bandar di seluruh Negeri Terengganu. Bagi Projek Bekalan Air Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak RM297 juta peruntukan bagi membaiki serta mempertingkatkan mutu bekalan air serta RM154 juta untuk kita jadikan projek-projek sampingan seperti pembinaan loji dan sebagainya agar dapat kita memberikan bekalan air bersih yang bermutu tinggi kepada rakyat.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Sidang Dewan yang dihormati sekalian, dalam penyediaan bekalan elektrik ke seluruh Negeri Terengganu pada Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kita telah meluluskan serta merancang supaya kita dapat bekalkan bekalan elektrik ke rumah-rumah sebanyak 10,490 buah rumah untuk disalurkan ke seluruh negeri. Ini akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM39.4 juta. Begitu juga saya ingin membangkitkan pihak Kerajaan Negeri sedang menguruskan dan sedang menunggu insya-Allah telah dimaklumkan oleh pihak Kerajaan Pusat kita akan mempertingkatkan kemudahan serta menaikkan taraf kedudukan Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu supaya segala usaha kita untuk menjadikan Kuala Terengganu ini sebagai pintu masuk utama ke Pantai Timur akan terlaksana. Selaras dengan ini juga saya ingin mengulas permohonan serta perkara yang telah dibangkitkan oleh Wakil Kemasik supaya Lapangan Terbang kerti juga dipertingkatkan dari segi kemudahan serta dipanjangkan landasan yang berkenaan. Perkara ini telah dibangkitkan dan insya-Allah pihak PETRONAS akan sendiri mengambil berat oleh kerana keperluan di kawasan ini dan insya-Allah pihak Kerajaan Negeri akan berunding dari masa ke semasa untuk tujuan yang berkenaan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Sidang Dewan yang saya hormati sekalian, di segi kemudahan telekom, telekomunikasi pada tahun ini sahaja sebanyak 12 projek ibusawat tambahan baru akan kita laksanakan. Sebanyak 24 projek rangkaian jauh serta 2 Projek Ril akan kita laksanakan pada tahun ini yang akan melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM44 juta. Ini tidak termasuk penyediaan kepada pondok-pondok telefon awam di seluruh negeri. Daripada keseluruhan yang saya bacakan tadi saya bantangkan tadi kepada Dewan yang mulia ini kita dapat pastikan bukan sahaja kemudahan-kemudahan asas ke seluruh negeri ini dapat kita laksanakan malah kita berhasrat ingin melihat pencapaian ataupun hasrat Kerajaan Negeri ingin melihat tahun 2010 itu pembangunan negeri ini dapat kita capai selaras dengan pembangunan di peringkat negara, saya percaya dan penuh yakin kita akan bersedia untuk mencapai ke arah yang dimaksudkan itu.

10 April 1996

Dato' Yang di-Pertua serta Ahli Dewan yang dihormati sekalian, saya dalam hujah ataupun ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak banyak dikhususkan kepada portfolio ini tetapi saya cuba untuk membangkitkan ataupun perjelasan mengenai Jeti Merang yang dibangkitkan oleh Wakil Pembangkang Wakaf Mempelam. Sebenarnya saya ingin menyokong membenarkan ataupun mengiyakan apa yang dibangkitkan ataupun disahkan oleh Wakil Permaisuri. Sebenarnya terkeliru kita di sini oleh kerana jeti ini, jeti memang di dalam air cuma jalan untuk ke jeti ini sahaja di atas pasir bukan di atas darat sebenarnya oleh kerana memang daripada darat untuk pergi ke laut kita ada pasir. Jadi tak usahlah kita memutarbelitkan keadaan dan insya-Allah kerana jeti

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Dato' Yang di-Pertua, kalau jeti itu sempurna molek dah pasad apa usaha nak panjang lagi jeti dalam air tu, nak sambung.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ini saya nak jawab Yang Berhormat, terima kasih. Oleh kerana jeti ini kita mendapat peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, rakan saya akan menjawab dari segi pelancongan. Kita khususkan oleh kerana kita dalam kajian kita di Pantai Merang ini ataupun khususnya di tempat yang kita bina jeti ini adalah kawasan yang paling terdekat dengan Pulau Redang maka kita laksanakan di sini dengan perujuk kajian mengikut kajian yang telah dijalankan.

Setelah siap peruntukan pelancongan ini kita melihat, Kerajaan Negeri melihat, malah nelayan-nelayan yang sedia ada di sini sekitarnya melihat menumpang sana jeti berkenaan. Oleh sebab itulah Kerajaan mencadangkan kepada Kerajaan Pusat dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana cadangan kita ini diambil kira, dan meluluskan peruntukan baru untuk kita sediakan, untuk kita jadikan Kuala Sungai Merang itu sebagai pusat baru, pelabuhan baru kepada nelayan-nelayan yang tidak akan mengganggu jeti pelancongan ini. Inilah apa yang kita kerjakan, apa kita laksanakan selama ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin menyuutah, menyekong dan mengakui sebagai pemimpin generasi muda yang diberi tunjuk ajar serta diberi pangharapan oleh rakyat Negeri Terengganu. Saya sendiri dalam tempoh kita membelajari ataupun memperajari daripada pimpinan-pimpinan yang sedia ada sekarang ini tetapi kita rasa kesal oleh kerana kita lihat pemimpin-pemimpin muda Pembangkang seolah-olah mempertunjukkan, memperjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini suatu kerakusan ataupun suatu tanggungjawab untuk bercakap sewenang-wenangnya menuduh sewenang-wenangnya membangkitkan perkara-perkara yang belum jelas dan sebagainya isu mereka, menggunakan kepetahian, menggunakan kebolehan bercakap mereka yang diberi, dikurniakan oleh Allah S.W.T. sewenang-wenangnya apa lagi melihat keadaan Pemerhati pada satu ketika dengan dipenahi murid-murid sekolah yang sekaligus ingin ditarik minat murid-murid sekolah supaya berminat ataupun mempercayai sikap mereka yang tidak tentu hala. Saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, amat kesal dengan

10 April 1996

keadaan ini malah sepatutnya kita sebagai pemimpin muda yang mendapat pendidikan, yang diberi pendidikan, yang menerima pendidikan tinggi daripada hasil usaha Kerajaan sepatutnya kita mempersembahkan, kita memaklumkan apa perkara-perkara yang boleh kita tunjukkan contoh, kitalah harapan negeri di masa-masa yang akan datang. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, banyak perkara yang kalau kita nak lihat boleh disentuh tapi cukuplah, saya percaya dan penuh yakin semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, Ketua-ketua jabatan malah Pemerhati-pemerhati yang berada di Dewan ini telah memerhatikan gelagat mereka-mereka ini yang langsung kita tidak boleh, kita boleh menilai akan di manakah taraf perjuangan mereka pada hari ini. Sekian saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua serta Ahli Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk memperjelaskan keadaan ini terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tan Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Dewan, Pegawai-pegawai serta Pemerhati-pemerhati yang dihormati sekalian.

Turut sama menyampaikan maklumat dan juga dasar-dasar Kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan serta mengulas tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia sempena membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dua hari yang lalu.

Saya mulakan dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Wakil Tepuh dan juga Wakil Pengkalan Berangan yang meminta serta mengharapkan bahawa satu bentuk perancangan pembangunan kawasan pekan dan bandar boleh dilaksanakan dengan terancang dan teratur. Sukalah saya jelaskan bahawa dalam Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu pihak Kerajaan telah sedar dan prihatin tentang permasalahan ini dan setelah kita menghadapi kita melaksanakan dan menyempurnakan segala kemudahan infrastruktur di negeri kita ini yang saya kira dari segi kemudahan jalan termasuk dalam kawasan bandar adalah merupakan infrastruktur yang terbaik di negara kita.

Saya percaya tidak ada sesiapa pun boleh menafikan hakikat ini sebab itu saya minta kepada Ahli-ahli Dewan terutama Pembangkang silalah hadir ke negeri-negeri lain untuk membuat perbandingan. Di samping itu bagi memenuhi hasrat memperbandarkan kawasan-kawasan kita yang agak ketinggalan ini pihak Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi memastikan pembangunan pekan-pekan ini dapat dilaksanakan dalam rancangan atau Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu. Ianya melibatkan pembangunan Pekan Batu 6, Tepuh sebagaimana telah disuarakan oleh Wakil Rakyat atau Wakil Kawasan Tepuh begitu juga dengan Ajil, Wakaf Tapai, Jabi dan lain-lain. Dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat

10 April 1996

berkenaan serta Ahli Dewan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang menyediakan Feilan Perancangan Pembangunan kawasan-kawasan ini bagi dilaksanakan secara peringkat demi peringkat.

Di samping itu akan keperluan perumahan yang telah dibangkitkan oleh Wakil Alur Limbat sukalah saya jelaskan bahawa pihak Kerajaan telah merangka satu strategi baru bagi memastikan bahawa peningkatan pengeluaran ataupun pembinaan Rumah Kos Rendah akan dilaksanakan dengan secara terancang bagi memenuhi permintaan tersebut. Dan atas kesedaran inilah bahawa satu pendekatan baru harus dibuat terutamanya dengan memperkenalkan skim-skim penswastaan kawasan-kawasan perumahan di Negeri Terengganu ini dan kita telahpun menetapkan syarat-syarat tertentu bagi memastikan pembinaan rumah rakyat ini dilaksanakan dengan lebih hebat dan dapat memenuhi kehendak rakyat setempat. Di samping itu saya ingin mengulas kenyataan yang dikeluarkan oleh Wakil Alur Limbat yang menyatakan bahawa pemaju swasta lebih berjaya daripada agensi-agensi Kerajaan dalam membina Rumah Kos Rendah ini. Ini memang diakui bahawa pihak swasta dapat membina Rumah Kos Rendah dengan lebih banyak kerana mereka mempunyai modal yang mencukupi malahan rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh pihak swasta ini dijual kepada pembeli-pembeli dengan menggunakan pinjaman bank dan sebagainya. Manakala peruntukan yang ada pada pihak agensi Kerajaan adalah terhad dan kita tidak menjual secara langsung, kita hanya menjual secara bayaran ansuran dengan kutipan bulanan yang mana pada hari ini kita dapati masih banyak tunggakan-tunggakan yang tidak dijelaskan oleh penghuni-penghuni rumah ini. Ini merupakan satu halangan di samping itu pihak pemaju swasta juga mengadakan pembangunan mereka secara bersepadu ataupun 'mixed development' dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Mereka dapat membina rumah kos sederhana, kos tinggi dan juga melibatkan bangunan-bangunan komersial dengan ini mereka dapat memperolehi keuntungan yang lebih lumayan dengan adanya unsur-unsur ko-subsidi dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah sedangkan agensi-agensi Kerajaan hanya memberi tumpuan kepada rumah kos rendah semata-mata.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang telah dibangkitkan oleh Wakil Kertih, supaya menjadikan Kertih dan Kemasik sebagai kawasan penempatan. Ini telahpun dilakukan oleh pihak Kerajaan sejak dulu lagi. Sebab itulah kita dapati Petronas dan ESSO telah membina rumah-rumah kediaman yang begitu banyak di kawasan ini. Malahan Kerajaan telah kenalpasti lebih kurang 1000 ekar di kawasan Kertih untuk dijadikan kawasan penempatan yang akan dimajukan oleh pihak swasta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai masalah penggunaan dadah dan program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Wakil Alur Limbat. Sebenarnya Wakil Alur Limbat ataupun daripada wakil Pembangkang sendiri baru nak mulakan program untuk menarik orang menyedarkan orang tentang masalah dadah baru dua tiga perkara telahpun menampakkan kekecewaan beliau bukan sahaja kekecewaan tetapi menyalahkan orang lain itu tak betul, ini tak

betul, tak beri sokongan dan sebagainya. Kita buat puluhan tahun yang lalu untuk memberi kesedaran kepada anak-anak kita ini. Kita juga kadangkala menghadapi masalah yang sama, buat ceramah dadah orang tak datang, tapi kita teruskan. Kita tak kecewa kerana ini adalah tanggungjawab kita untuk mendidik dan menentukan generasi kita tidak terlibat dengan masalah dadah. Jadi laksanakanlah saya seru rakan saya ini laksanakan tugas ini dengan penuh tanggungjawab, sama-samalah kita mainkan kerana mungkin hari ini anak orang, besok mungkin anak kita. Ini harus menjadi pegangan bukannya dengan menyalahkan orang lain dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin jelaskan bahawa sepanjang tempoh 1995 sebanyak 163 aktiviti telah dilaksanakan oleh PEMADAM yang melibatkan sebanyak 69,805 peserta. Di samping itu ceramah, kursus kepada pemimpin masyarakat, PIBG Guru sebanyak 32 kali telah diadakan melibatkan 11,660 orang peserta. Ceramah, kursus kepada belia sebanyak 12 kali melibatkan 1,055 peserta. Ceramah dan kursus kepada pelajar 53 kali melibatkan 18,910 pelajar. Malahan kita juga mengadakan ujian air kencing kepada 29 buah sekolah yang melibatkan 1,910 pelajar. Dan tahun ini kita telah menyediakan RM34,000 untuk mengadakan ujian air kencing kepada pelajar-pelajar sekolah. Ini menunjukkan betapa seriusnya kita menjaga serta memastikan bahawa masalah ini dapat dikurangkan.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Penjelasan Yang di-Pertua, dah banyak sangat buat program tu dengan melibatkan berbagai-bagai aktiviti dan peruntukan tadi berkesan ke tidak? Dari segi jumlah yang terlibat dengan dadah ni makin kurang ke makin bertambah?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kesannya memang ada sebab itu kita katakan cegah sebelum parah. Usaha kita hari ini adalah untuk mendidik generasi kita yang belum terlibat dengan dadah supaya dijangka jangan mendekati diri dengan dadah. Bagi golongan yang telah terlibat, kata orang setengah tu dah jadi 'bangkai bernyawa', hendak buat macam mana lagi dah? Yang kita hendak tuju ini orang yang belum buat lagi dan kita menampakkkan kejayaan. Kalau hendak lihat dari segi tangkapan bergantung kepada apakah motif kita. Hendak tangkap orang ke atau hendak menyelesaikan masalah penagihan. Yang penting kadangkala tangkapan itu walaupun nampak banyak tetapi kes yang berulang. Pernah saya temui ada seorang pemuda ataupun yang pernah 21 kali ditangkap, keluar masuk, kalau hendak dikira dalam kes keluar masuk 2, 3 kali tambah dua tiga kali lagi tetapi orang yang sama. Ini bukan perkara baru bagi kita. Puluhan tahun sudah kita terlibat dengan dadah ini, dengan usaha-usaha untuk membasmi ini. Jadi kita lihatlah benda ini dari segi bentuk positifnya kalau kita hendak buat, buatlah kerana yang terlibat dengan dadah ini bukan sahaja anak-anak orang Barisan anak-anak orang PAS pun hisap dadah juga. Di Berakan baru ini kena tangkap juga, edar dadah. Sebab itu kita kata kalau hari ini anak orang, mungkin esok anak kita, kalau hari mungkin anak saudara orang, lusa mungkin anak saudara kita. Tanggungjawab bersama. Ini yang saya minta dan sebab itu saya katakan saya telah

10 April 1996

memberi kredit saya seru rakan-rakan saya dari Pembangkang turut sama melaksanakan tanggungjawab ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Batu Buruk dan juga Tepoh tadi. Saya tahu bahawa Wakil Batu Buruk merupakan pakar parit dan longkang di Negeri Terengganu ini. Saya telah kaji dan lihat sejourah Persidangan Dewan Undangan Negeri ini, setiap kali ada persidangan mesti ada hal parit dan longkang. Dia memang berminat betul dengan parit longkang ini. Jadi oleh kerana minatnya Wakil Batu Buruk kepada parit dan longkang ini saya terpaksa mengambil masa yang agak lebih sedikit Dato' Yang di-Pertua untuk menjelaskan program parit longkang yang dibuat oleh MPKT dan juga Majlis-majlis Daerah seluruh Negeri Terengganu.

Kajian Pelan Induk Sistem Perparitan dan Pembentungan dalam kawasan MPKT telah siap pada tahun 1983 dan rekabentuk terperinci termasuk dokumen tawaran bagi Sistem Perparitan Utama dan Sistem Perparitan Jejarai telahpun disiapkan pada tahun 1986. Sistem Perparitan Utama Fasa I dibahagikan kepada 4 kontrak kerja iaitu Kontrak DC 1, Kontrak DC 2A, Kontrak DC 2B dan Kontrak DC 3. Kontrak DC 1 yang meliputi kawasan Cabang Tiga, Bukit Besar, Losong sepanjang 9.4 km telah siap sepenuhnya pada bulan September 1992 dengan kos sebanyak RM12 juta.

Kontrak DC 2A di kawasan Batu Buruk, Kuala Ibai dan kawasan Bandar sepanjang 7.4 km juga telah disiapkan pada bulan September 1992 dengan harga RM9.2 juta. Pada masa ini Kontrak DC 2B sepanjang 7.7 km yang bernilai RM9.4 juta sedang dalam pelaksanaan. Hanya meliputi kawasan Bukit Besar dan Kuala Ibai dan dijangka siap pertengahan April 1996. Kemajuan kerja semasa adalah 83%.

Bagi Kontrak DC 3 sepanjang 13.5 km yang merangkumi kawasan Losong, Kubang Parit, Gelugor Raja, Bukit Besar dan Cabang Tiga adalah dalam proses pengambilan balik tanah. Tawaran kerja dijangka akan dikeluarkan pada bulan Jun 1996 dan anggaran kos adalah sebanyak RM21.3 juta. Perancangan bagi pelaksanaan bagi Fasa Kedua telah diambil perjalanan iaitu kontrak bagi Sistem Perparitan Utama, Kompleks Sukan Gong Badak. Kontrak DC 4 sepanjang 5.1 km sedang dalam proses pengambilan balik tanah. // Hanya meliputi kawasan Kompleks Sukan Telaga Daing, Teluk Ketapang, Kem Tentera, Banggol Pauh, Bukit Tumbuh, Tok Jiring, Alor Pak Damak, Gong Kijang, Padang Air dan Pengkalan Arang, kos pembinaan dianggarkan sebanyak RM6 juta. Projek Sistem Perparitan Utama Padang Golf Tok Jebal sepanjang 3.3 km telah dimulakan pembinaan pada bulan Ogos 1994. Kos projek adalah RM2.4 juta di mana kemajuan kerja masa sekarang adalah 50% dan dijangka siap pada bulan Jan 1996.

10 April 1996

Pihak MPKT juga sedang giat melaksanakan parit-parit jejari yang menghubungkan kawasan banjir, kawasan utama dan yang telah siap seperti berikut; hadapan Restoran Nil, Jalan Pasir Panjang, Jalan Sultan Mohamad, Kawasan Kem Tentera, Jalan Sultan Omar, Taman Hajah Kalsom, Jalan Kenanga, Alor Mengabang Ladang, Hadapan Masjid KUSZA, Kem PPH, Perumahan Gong Badak dan Perumahan Permint Jaya. Manakala dalam sedang pembinaan; Kampung Ladang Titan pada tahun 1995 kini 55% dengan kos RM493,000 dan Perumahan Tok Jembal 104,000 sebanyak 15.5%. Manakala Bukit Besar ke Taman Nakhoda, Wakaf Beruas dalam proses tender. Peruntukan keseluruhan bagi pelaksanaan Sistem Perparitan Kuala Terengganu adalah sebanyak RM66.5 juta melalui pembiayaan pinjaman Kerajaan Persekutuan dan sehingga kini pinjaman berjumlah RM28 juta telah dikeluarkan dan dibelanjakan. Perbelanjaan sebenar sehingga kini adalah sebanyak RM34 juta. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM450,000 bagi pembinaan longkang jejari dalam kawasan MPKT bagi tahun 1996 dan kita berharap menjelang tahun 2000 semuanya ini akan dilaksanakan, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan sikit Dato' Yang di-Pertua - Pengambilan balik tanah telahpun selesai tetapi pembinaan sampai hari ini sudah hampir 4 tahun belum bermula di Kampung Raja Chendering, apakah halangannya. Yang keduanya sedarkah bahawa longkang di sebahagiannya itu lebih tinggi daripada tanah sekitaran yang menyebabkan tangkungan akibat daripada pembentengan longkang itu?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kerajaan sedar tentang perkara ini sebab itulah proses ini masih dalam pembinaan kerana kita harus ingat bahawa bina longkang bukannya macam bina jalan. Jalan kita boleh sambung 1 kilometer tahun ini, tahun hadapan 1 kilometer. Sebab itu longkang ini kita terpaksa kena buat daripada 'catchment area', dengan izin Dato' Yang di-Pertua, sehinggalah ke 'outlet'. Kita harus selesaikan satu-satu bahagian, kalau tidak rumah Si A tidak tenggelam air, Rumah Si B akan tenggelam air. Ini telah kita kenal pasti dan kita akan perbetul dan perbaiki dari masa ke semasa, Dato' Yang di-Pertua. Saya berharap dengan penjelasan panjang lebar ini tidak berbangkit lagi masalah longkang, parit dan MPKT di masa-masa yang akan datang, Dato' Yang di-Pertua.

Saya juga ingin menyentuh mengenai pembinaan jalan dalam kawasan Majlis Daerah dan juga MPKT yang dibangkitkan oleh Wakil Tepuh. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa pada tahun ini sahaja sebanyak RM12 juta akan dibelanjakan untuk membina jalan-jalan di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan ianya sedang bermula sekarang ini. Malahan kita lakukan sepanjang masa dan setiap tahun banyak peruntukan diberikan untuk pembinaan jalan-jalan ini, cuma yang saya agak kesal ialah masih ada di kalangan tuan-tuan punya tanah yang sebenarnya mereka hendak jalan tetapi tidak mengizinkan tanah mereka ini

10 April 1996

digunakan untuk pembinaan jalan. Sebab itu sebagaimana saya nyatakan tadi dalam soal jawab, Yang Berhormat Wakil Tumpah telah memberi kesanggupan untuk membantu pihak Kerajaan bagi memastikan jalan-jalan Tumpah ini dapat dilaksanakan. Kerajaan bersedia untuk meneruskan projek-projek ini sekiranya mendapat keizinan kerana saya telah kenal pasti hasil lawatan saya kesemua jalan-jalan yang akan kita bina pada tahun ini bahawa sebahagian besarnya apabila terputus-putus ini adalah berpunca daripada penyokong parti Pembangkang yang tidak mengizinkan tanah mereka untuk dibina jalan.

Yang terakhir saya temui Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dengan izin ialah di kawasan Gong Pasir, Dungun, saya temui 3 lot pertama - orang Barisan, semua dibenarkan kita tar jalan, masuk lot yang keempat tidak benarkan maka tinggal sekerat, masuk kelima benar pulak, kita sambung pulak. Jadi putus tengah, saya mintaklah orang Pas ini dan pemimpin Pas, pujuk orang dia berilah tanah, kalau tidak, kita adillah kepada semua. Katakan, saya menyatakan kalau orang pertama tu, orang Barisan tu tidak benar jugak tutup pagar dia maka orang Pas duduk tengah tidak boleh balik ke rumah dia. Patutnya dia anggapha jalan ini, jalan orang lalu boleh pahala banyak, cakap agama tiap-tiap minggu, cakap bersyarah, ini pahala jugak ini, buatlah, Kerajaan bersedia bila-bila masa, termasuk Gong Pasir itu kalau minggu ini Yang Berhormat kata 'o.k.' dapat kebenaran bertulis, minggu ini kita pergi buat, ini komitmen kerajaan.

Di samping itu juga, saya berasa kesal terhadap beberapa orang rakan saya generasi muda terutama daripada Pembangkang, generasi kata orang kalau hendak wujudkan Melayu Baru yang bertindak dengan fikiran terbuka, rasional dan penuh tanggungjawab berasaskan fakta-fakta yang ada iaitu Wakil Wakaf Mempelas. Saya dapati ucapan-ucapan beliau adalah dianggap bombastic, seolah-olah telah bangkrap idea, tak ada satu idea yang bernas yang boleh disalurkan untuk kebaikan masyarakat di Negeri Terengganu ini. Apa yang diperkatakan banyak menyentuh peribadi orang, kata orang itu, kata orang ini, bila kita ditegur takdok masa nak cakap, sebab terik itu, terik ini, terik orang belaka. Inilah diibaratkan kalau manusia inik, kalau ibarat pokok berduri, pokok yang berduri nak kait orang belaka, nak suruh orang luka belaka. Sepanjang orang jalan habis bereciran darah orang luka kerana kes dia, berduri. Dia dahlah pokok tidak molek, nak orang pun jadi tak molek jugak, berparut habis orang. Ini sikapnya. Sepatutnya sebagai generasi muda berilah pandangan kita bersedia memberi pandangan, teguran yang membina

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelas): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Apa yang saya sentuh semalam beberapa perkara yang ada fakta dan hujahnya dan saya beri pandangan, saya sebut berhubung dengan SEDC/PMINT, saya beri pandangan saya tentang kelemahan yang boleh dibaiki, bukan saya cakap sahaja kelemahan tapi tidak ada hujah, tidak ada pandangan, jangan duduk kata bahang rambang begitu, Dato' Yang di-Pertua.

10 April 1996

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memang bahang rambang, sikap, kata orang kelmarin, berapa orang di kalangan Ahli Dewan yang kena, kata macam-macam, ini sikap kita. Sebab itu saya ingin menarik perhatian bahawa sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa Wakil Wakaf Mempelam ini sebenarnya bukanlah seorang yang kreatif, yang inovatif, yang ada idea. Semuanya orang buat tak betul, angkuh, seolah dia yang betul, dia yang pandai, dia yang bijak, orang lain semua tidak pakai. Bukan setakat itu sahaja, saya cabar Wakil Wakaf Mempelam supaya mengulangi tuduhan mengenai kes keranda menyatakan bahawa ada orang yang kecewa membuat keadaan itu. Jangan jadikan Dewan yang mulia ini sebagai tempat untuk melindungi tuduhan kita kepada orang lain, buat tuduhan di luar, saya cabar supaya pihak Polis dapat menyiasat bahawa mungkin keterangan-keterangan boleh menyebabkan kita mendapat bukti daripada Wakil Wakaf Mempelam kalau dia berani

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, semalam dia bercakap macam pelakon drama, hari ini betul-betul macam hero, hero Tamil.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tengok Dato' Yang di-Pertua, pemimpin macam ini, ini bukan soul drama, pemimpin-pemimpin Tamil ini, ini Dewan yang mulia, kita bercakap, giliran saya pulak duduk bercakap, memberi jawapan, memberi pandangan. Kita jangan cakap macam kampung, bahang rambang bersyarah kata ke orang, ini Dewan yang mulia, angkat sumpah di Dewan, pergi kempen 5 tahun kempen, orang pihak Barisan kempen 2 minggu saja. Pas kempen 5 tahun untuk menang, menang 5 tahun buatlah molek-molek sedikit. Malu saya sebab kawan saya jugak orang muda buat begini ini, kurang-kurang kata orang lulus jugak universiti, kalau sekolah rendah itu ikut pandailah. Dato' Yang di-Pertua, sebab itu saya kata sekali lagi, sekali lagi saya nyatakan bahawa saya mintak Yang Berhormat Wakaf Mempelam ulangi kenyataan ini di luar, supaya Polis dapat menyiasat perkara ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Insya-Allah, Dato' Yang di-Pertua, saya akan membuat laporan kepada pihak-pihak tertentu terhadap penyelewengan-penyelewengan yang telah berlaku.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Benda apa ni, penyelewengan pulak ini. Terbabas jauh sangat guana ini, hak ni susah ni, kemudi duduk dengan orang dia nak jadi kemudi. Saya kata mengenai kes keranda yang dibangkitkan Yang Berhormat Wakaf Mempelam kata ada orang kecewa seolah dia tahu bahawa orang kecewa yang buat, dia ada bukti maknanya kalau benar ada bukti berilah laporan kepada Polis, report pada Polis, bekerjasama atau buat sekali lagi tuduhan di luar supaya Polis datang mengambil siasatan, keterangan daripada Wakil Wakaf Mempelam. Jangan gunakan Dewan ini untuk mengenakan orang, mengata orang, tuduhan, fitnah ini tidak baik, cakap ugama, amalkanlah. Jangan tak

10 April 1996

serupa bikin, malu ke orang, orang atas tengok belaka nun, budak-budak belaka tengok atas. Dato' Yang di-Pertua, sebab itulah kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab apa yang kita lakukan, apa yang kita kata, kita kota, kita sempurnakan sebab itu kita berterusan dapat memerintah negeri ini dan kita juga merasa kesal bangkit sedikit berekap, orang Terengganu, anak jati Terengganu, cakap sedikit-sikit bangkit, bincang tunjuk contoh Kelantan. Dah kalau Kelantan molek, duduk Kelantanlah, jangan duduk Terengganu. Ini tidak, celik mata Terengganu, cari makan Terengganu, cari rezeki Terengganu, seolah-olah Terengganu tidak pakai sangat, makna apanya ini. Kita mesti fahamlah kalau tak baik, tak bagus kita perbetulkan, kita perbaiki, tidak ada yang sempurna. Kita akui kita masih ada kekurangan tetapi kita dalam proses membina kebaikan. Kita tidak dapat membina pembangunan kita dalam sekelip mata, semua orang boleh lihat dari segi Pembangunan Negeri Terengganu, perubahan yang kita lakukan, yang Kerajaan lakukan. Orang buta boleh merasainya, naik jalan; "Oh, Terengganu" dia kata. Tahu, duduk dalam bas rasa gegar-gegar daripada Kelantan, daripada Pahang masuk Terengganu; "Oh, Terengganu" dia kata. Ini orang celik ni, mungkin celik mata tetapi buat mata hatinya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya juga berharap dan saya berseru ah, nak bangkang, bangkanglah, buat moleklah, kita juga negeri kita ini, perbetulkan sebagai generasi muda yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, saya ambil peluang secara ringkas bagi membahaskan Titah Ucapan Tuanku pagi semalam. Salah satu daripada matlamat Dasar Pelancongan Negara iaitu hasrat daripada perancangan Kementerian ialah pada tahun 2000 jumlah pelancong yang akan masuk ke Malaysia ialah 12.5 juta. Anggaran tukaran wang asing iaitu pendapatan RM15.7 bilion. Pencapaian tahun 1974 dalam negara kita RM9 bilion. Melihat dari segi ini industri pelancongan, sektor pelancongan menduduki tangga yang kedua dari segi ketinggian pendapatan pulangan pada sumber ekonomi kepada negara selepas sektor pembuatan. Salah satu buku yang ditulis orang barat mengenai pembangunan pelancongan di Asia Pasifik dari segi kerjanya, peluang pekerjaan untuk kawasan Rantau Asia Pasifik pada tahun 2000 ia akan memberi peluang pekerjaan sebanyak 144 juta peluang pekerjaan, 144 juta orang yang dapat bekerja.

Dato' Yang di-Pertua, ini adalah merupakan yang saya sebutkan ini adalah satu anjuran, pandangan-pandangan mengapa Negeri Terengganu memilih tahun 1997 sebagai Tahun Melawat Negeri Terengganu. Dato' Yang di-Pertua, tahun 1998 Sukan Komonwel akan diadakan di Kuala Lumpur. Tahun 1998 juga Kementerian Pelancongan akan mengadakan Tahun Pelancongan Malaysia. Dato' Yang di-Pertua, khusus untuk Negeri Terengganu, pelaburan swasta dalam Rancangan Malaysia Keenam berjumlah hampir RM1 bilion di samping faktor-faktor lain yang membantu pertumbuhan industri pelancongan dalam negeri. Saya ingin sebut iaitu pengangkutan penerbangan terus, penerbangan daripada Singapura ke Kuala Terengganu telah bermula dua kali seminggu. Pelangi Air - Kuala Terengganu/Kuala Lumpur - tiga kali seminggu. Penerbangan Mas telah tambah frekuensinya, tambah flight dia hari ini empat kali satu hari. Pada bulan Mei, 1 Mei ini Asia Pacific Air akan memulakan penerbangan terus Johor

10 April 1996

Bharu/Kuala Terengganu, Kuala Terengganu/Langkawi. Pada bulan Jun, Asia Pacific juga akan memulakan penerbangan untuk 'route' yang sama dengan izin, melalui Lapangan Terbang Kerteh. Pada tahun 2000 kita jangkakan East Coast Expressway akan siap dibina. Jadi saya rasa Dato' Yang di-Pertua berdasarkan kepada andaian-andaian ini faktor-faktor yang saya sebut tadi maka adalah logik sekali tahun 1997 diistiharkan Tahun Melawat Negeri Terengganu. Saya ucapkan terima kasih kepada Wakil daripada Bukit Tinggi, wakil daripada Kampung Raja yang memberi pandangan-pandangan yang positif supaya Kerajaan lebih mengambil inisiatif lagi bagi menjayakan program ini. Dan dengan izin Dato' Yang di-Pertua, pelancongan sebenarnya 'is the main thing' dan dari segi istilahnya 'whatever is moving is tourism' apa yang bergerak dari satu destinasi ia merupakan pelancongan. Tapi orang Pas dia lihat lain, Dato' Yang di-Pertua, dia tengok pelancongan, orang mandi pakai bikini, saya malas hendak berbalah Dato' Yang di-Pertua, saya dah beri peluang kepada dia. Sebenarnya banyak sangat beri faedah ini, Dato' Yang di-Pertua. Jadi saranan daripada wakil daripada Rhu Rendang saya terima, tetapi dalam masa yang sama jugak saya terima aduan daripada orang luar dia komplain, dia kata pada hari Jumaat nak lalu di jalan raya Rusila itu 'rohok', 'jammed' di situ, makan masa dekat 30 minit. Kadang-kadang ada kereta-kereta hak tidak tahan (kereta second-hand) dia berasap kelong di situ - rosak, kerana ada pasar minggu, pasar Jumaat pulak di Rusila, pasar haram yang mengganggu kenteraman lalu lintas. Jadi kita mintaklah wakil daripada Rhu Rendang, kalau nak ceramah - ceramah, kalau nak buka pasar, buka tapi jangan ganggu laluan orang yang nak lintas, nak mari ke Kuala Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua, saya tak nak ulas panjang dari segi ini, saya rasa sangat positif dan sangat yakin iaitu pulangan dari segi pelaburan, promosi Tahun Melawat Negeri Terengganu ini selepas tahun 1997 akan berlipat kali ganda. Saya sangat positif jadi kalau kita belanja lebih sedikit dari segi ini saya rasa adalah sangat munasabah. Jangan pulak ada pulak cerita-cerita daripada orang Parti Pembangkang ceramah di kampung, Kerajaan main situ, kerajaan buat gitu, buat gini, hak nak merosakkan rakyat, macam-macam. Itu harapan dan hasrat kita.

Dato' Yang di-Pertua, saya tak nak panjang dari segi pelancongan ini sebab banyak juga wakil daripada Pembangkang sentuh hal pelancongan ini dia tidak ada point atau takut berlawan dengan saya, wallahuwa'alamlah. Cuma satu perkara yang saya nak lari sedikit daripada pelancongan ini satu pandangan daripada Wakil Rhu Rendang sebut, Wakil Wakaf Mempelam sebut iaitu masalah - saya tak nak sentuh hal Universiti Petroleum ini tetapi teori dia mengatakan kalau kita tak dapat Universiti Petroleum ini kerana tak kuat kuasa lobi, bila tak kuat kuasa lobi tak kuat kuasa politik, ah, itu teori dia! Jadi saya pelik jugak takkanlah kes Universiti Petroleum ini Allah macam nak kiamat dah Negeri Terengganu. Tak dapat hak ini, ada benda lain kita dapat, saya dapat tahu Universiti Pertanian di Seberang Takir akan diistiharkan Kolej Universiti, saya dengarlah saya kena refer balik kepada wakil daripada Batu Rakit. Tak dapat itu jadi kita dalam 'Federalisma'/Persekutuan ada kaedah-kaedahnyanya, ada cara perancangan dia, apa hal sampai kait dengan tak boleh universiti, lemah itu, lemah inilah. Biarlah ada cara sikit, cara berhujah itu - senyum Wakil Wakaf Mempelam. Dia bercakap hal jeti, dia tak tahu dan dia tak

10 April 1996

pergi dia dengar dari cakap orang lain. saya tahu, sebab orang yang hendak beritahu ke dia dah beritahu saya dah, cuma saya tak nak sebut nama di sini, jangan pakai hak dia itu wahai Wakil Wakaf Mempelan, mari dengar saya ini. Ini jeti atas darat, jeti dalam air lah begitu jugak bot pelancong di Kenyir bukan bot pelancong, bot nelayan, dah ditanya bot pelancong, saya tak nak jawablah bot pelancong. Buat kerja dulu

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Penjelasan, dah bakar ke tidak bot tu, tak kiralah pelancongan ke, nelayan ke, bot tu dibakar ke tidak oleh pihak Ketengah?

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Bot tak ada tuan, dia buat kotor, semak di situ, kita bakarlah, macam bakar sampahlah. Di Sungai Gawi itu

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Sebab kalat tak bakar, tak jadi gocoh

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Hak gocoh itu bukan sebab bakar sebab nak marah. Dia bot ini bot nelayan, nak khabar, bot Perikanan TKN 25, tuan punya dia bukan orang kita, bot itu tinggal di situ bertahun-tahun dah. Cari orang tak ada, dah tak pakai kita buang, kita bakarlah. Kes ini tak apa-apa dah, selesai dah, cuma awak saja nak bising. Kes kecil sangat ni.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya dengar, ada jugak bayar-bayar, tak tahulah yang bayar tu, pegawai berkenaan ataupun dengan komiteen Ketengah.

YANG BERTHORMAT DATO' AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang di-Pertua, ini benda bahayanya, dia pakai dengar saja. "Saya difahamkan saya dengar, saya dengar, saya difahamkan" tapi dia tidak tahu. Dato' Yang di-Pertua, saya rasa itulah secara ringkas yang dapat saya sebut dalam masa perbahasan selama ini Titah Ucapan Tuanku. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang memberi pandangan untuk melaksanakan Tahun Melawat Terengganu 1997, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua terima kasih. Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua saya mengucap terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-ahli Yang BERTHORMAT daripada Bukit Tunggul, Rhu Rendang, Alor Limbat, Pengkalan Berangan, Kemasik, Ladang dan jugak Wakaf Mempelan yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah portfolio saya dan saya mengambil kesempatan untuk menerangkan beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Selain daripada itu saya juga mohon kesempatan untuk menerangkan beberapa

10 April 1996

perkara yang saya fikir perlu disebutkan untuk makluman Dewan dan seluruh rakyat Negeri Terengganu ini dalam perkara di bawah portfolio saya ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan petroleum. Alhamdulillah sektor petroleum terus memainkan peranan penting dalam menyumbangkan kepada hasil dan juga kepada kemajuan ekonomi negeri dan rakyat Negeri Terengganu ini. Ada terdapat beberapa perkembangan yang baru, yang positif di dalam kegiatan berhubung dengan petroleum ini iaitu industri hiliran di dalam sektor ini telah pun bertambah daripada masa ke semasa. Pada masa ini beberapa projek yang baru sedang dilaksanakan dan jugak akan dilaksanakan. Beberapa minat pelaburan seterusnya akan berlaku dan ini semuanya akan menambahkan kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu mewujudkan peluang pekerjaan dan juga pemiagaan, membasmi kemiskinan rakyat Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, satu persoalan yang telah dibangkitkan ialah berkenaan dengan penyertaan rakyat Negeri Terengganu khususnya para usahawan di dalam menyertai sama peluang-peluang. Untuk tujuan ini daripada masa ke semasa memang usaha-usaha kerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan PETRONAS, ESSO dan seterusnya memang ada dilakukan dan angka-angka menunjukkan bahawa daripada masa ke semasa keadaan ini bertambah meningkat, khusus untuk makluman Dewan ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pada masa ini pihak Kerajaan Negeri Terengganu melalui pembangunan Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu telah mengambil suatu pendekatan yang baru yang dianggap dan diharapkan lebih berkesan lagi untuk memastikan penyertaan usahawan rakyat Terengganu di dalam sektor ini. Iaitu di mana, suatu program di mana Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pihak Petronas dan juga EPMI (Esso Production Malaysia Incorporated) telah bersetuju mengadakan kerjasama dan kerja bersama mendokong satu skim di mana satu pakej kerja bernilai RM50 juta telah dipersetujui untuk dikhususkan kepada usahawan-usahawan tempatan. Dan melalui skim ini sebuah syarikat konsotrium telah dipersetujui ditubuhkan di antara pengusaha-pengusaha tempatan yang terlibat di dalam sektor petroleum ini dengan penyertaan Kerajaan Negeri bersama-sama dengan dibimbing oleh Kerajaan Negeri dan jugak pihak Petronas dan juga EPMI. Selain daripada itu Dato' Yang di-Pertua untuk memperluaskan lagi peluang seperti ini Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Petronas telah pun bersetuju dan telah memutuskan supaya satu skim vendor dengan Ethylene - Poly-ethylene di dalam pembekalan 'pallets' dengan izin, Dato' Yang di-Pertua iaitu di mana keperluan di dalam syarikat yang berkenaan pada masa ini sebanyak RM4 juta setahun akan dibekalkan melalui satu skim vendor yang dipelopori juga oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu. Jadi Dato' Yang di-Pertua ini menunjukkan bahawa persoalan penyertaan rakyat Negeri Terengganu memang sentiasa diberikan perhatian. Insha-Allah pada masa akan datang bertambah lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dalam bidang sektor perindustrian pulak saya suka menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sangat berpuashati di atas prestasi sektor ini sehingga ini. Sejak tahun '90 sampailah sekarang kerana angka-angka yang ada kepada kita yang dibekalkan

kepada kita oleh MITTI menunjukkan negeri Terengganu pada masa ini mampu menjadi satu destinasi pelaburan penempatan kilang-kilang sama ada kilang-kilang tempatan mahupun daripada pelabur-pelabur asing mampu bersaing dengan negeri-negeri Selangor yang kita memang sedia maklum sebuah negeri yang maju dalam bidang perindustrian, malah negeri Johor, malah jugak Pulau Pinang apatah lagi kalau di Pantai Timur sudah tentulah bagaimana berkali-kali sudah saya menyebutkan kita bangga kerana negeri Terengganu mendahului dengan jelasnya negeri-negeri yang lain seperti Pahang serta juga apatah lagi, sementara lagi, negeri Kelantan Dato' Yang di-Pertua. Pada masa ini untuk makluman Ahli Dewan dan jugak semuanya, sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK berada pada tahap 17.5%. Pada tahun 80 an ianya amat kecil sekali pada tahun '90 - 8.3 tetapi pada masa ini dalam tempoh 5 tahun '95 dalam tempoh 5 tahun telah meningkat 17.5%. Dan apa yang lebih memberangsangkan kita dan sepatutnya memberikan semangat kepada Kerajaan, kepada pegawai-pegawai kerajaan agensi-agensi dan juga sepatutnya kepada rakyat negeri Terengganu ini tidak ketinggalan pihak Pembangkang jugak sektor pembuatan kadar pertumbuhan tahunan pada tahun '95 menunjukkan angka yang tinggi iaitu 25.4% iaitu sektor yang paling tinggi menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan lagi sekali menunjukkan prestasi yang baik. Dato' Yang di-Pertua apakah kesannya pertumbuhan dalam sektor perindustrian kepada ekonomi negeri Terengganu keseluruhannya dan jugak kepada ekonomi sosio-ekonomi rakyat ini persoalannya yang mesti kita faham. Dato' Yang di-Pertua, saya menunjukkan angka-angka dan janganlah ada di antara kita yang tidak suka ditunjuk kedudukan dan prestasi melalui angka-angka kerana di dalam Islam sendiri pun angka-angka ini digunakan dan menjadi satu konsep pengukuran terhadap perbuatan baik dan perbuatan jahat. Jadi saya menggunakan angka kerana setengah Pembangkang dia tidak suka tunjuk angka. Perkembangan pesat dalam sektor perindustrian juga telah menyaksikan perkembangan kepada kadar dua digit sektor-sektor yang lain, terutamanya sektor-sektor modal negeri Terengganu iaitu dalam sektor Perdagangan, pertumbuhannya mencapai pada 18.1%, Kemudahan Awam 16.7%, Pembinaan 16.3%, Pengangkutan 15.5%, Perkhidmatan 13.6% dan Kewangan 11.3%. Kesemua sektor-sektor ini bagi Negeri Terengganu mencatatkan pencapaian melebihi pencapaian purata bagi Negara kita. Inilah 'dinamisma' dan realiti keadaan rahmat dan rahim prestasi ekonomi negeri Terengganu yang patut kita semuanya mensyukuri dan menghargai dan sepatutnya mesti kita lipat gandakan lagi untuk kita usahakan kejayaan yang lebih pada masa yang akan datang. Pada masa ini Dato' Yang di-Pertua, 19.3% ataupun 53,900 orang daripada penduduk negeri yang terlibat dalam sektor pembuatan dan penghasilan dan 13.4% ataupun 33,000 yang membabitkan diri dengan sektor pembuatan dan 2,400 dalam sektor perlombongan ini pada tahun 1990 dengan 53,000 peningkatan pada tahun ini menunjukkan bahawa peratusan rakyat negeri Terengganu yang berkerja dalam sektor ekonomi yang lebih dinamik, yang memberikan pendapatan yang lebih yang memberi kesempatan untuk mendapat kemahiran 'transfers of technology' sebagaimana yang dikatakan tadi oleh Wakil Rhu Rendang sudahpun meningkat dan sepatutnya memuaskannya. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pada masa ini juga perkembangan dalam sektor perindustrian ini menunjukkan bahawa Negeri Terengganu menapak kepada bidang-bidang yang lain bukan sahaja berasas, yang berbentuk gas dan petroleum tetapi sampai sudah masanya Terengganu menjadi tempat destinasi

10 April 1996

yang dipilih dan yang terpilih, yang sesuai dengan minat pelabur-pelabur asing, di mana Negeri Terengganu pada masa ini sudah menjadi negeri destinasi untuk menempatkan kilang-kilang kimia iaitu 'pure chemical industries'. Ini menunjukkan satu perkembangan kerana kemajuan sesuatu sektor perindustrian bagi sesebuah negeri itu menunjukkan setengah-setengah industri tidak boleh ditempatkan di sesebuah negeri yang belum lagi menunjukkan kemajuan dalam sektor perindustrian tetapi bagi industri kimia ini Terengganu didapati sesuai untuk menempatkan industri yang sangat teknikal ini. Jadi ini menunjukkan contoh, Dato' Yang di-Pertua, dengan kemajuan yang sedemikian tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh menerokai bidang-bidang yang baru dan mengapa negeri Terengganu tidak boleh menjadi destinasi yang sesuai untuk industri yang lain. Satu daripada bidang baru industri yang akan diteroka oleh Kerajaan Negeri Terengganu dengan gigihnya dan dengan penuh keyakinan ialah dalam bidang 'industri automatif' iaitu industri kereta. Insya-Allah sudah ada minat yang ditunjukkan di dalam industri ini penempatan industri automatif untuk mengeluarkan komponen dan sebagainya kita menunggu perkembangan ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua menjawab soalan khusus daripada Yang Berhormat Pengkalan Berangan beliau menyentuh Kawasan Industri Bukit Kor, Projek Penapisan Minyak/Kimia di Marang, infrastruktur kawasan perindustrian di Wakaf Tapai. Dato' Yang di-Pertua, Wakaf Tapai merupakan satu kawasan perindustrian di luar bandar, yang tujuannya itu untuk menempatkan kilang-kilang di luar bandar seberapa boleh dan di sini Wakaf Tapai telah dikenal pasti bersama-sama dengan Ajil, Hulu Terengganu sebagai lokasi bagi industri berasaskan perkayuan dan hiliran yang mengeluarkan barang-barang komponen hiliran daripada industri perkayuan. Jadi di Wakaf Tapai sudah terdapat 3 buah kilang yang telah diluluskan yang melibatkan kawasan seluas 50, 59, 60 hektar dan mengapakah kawasan-kawasan perindustrian ini dibina, dimajukan sendiri oleh pelabur-pelabur, jawabnya ialah konsep kawasan perindustrian Wakaf Tapai itu dibuat secara 'raw' iaitu dengan disediakan kemudahan asas tetapi tapaknya tidak dibangunkan, menjadi tanggungjawab pelabur sendiri untuk membangunkan. Kadar harganya itu adalah merupakan kadar harga tanah mentah ataupun tanah yang tidak dibangunkan. Kemudahan asas seperti air, api dan sebagainya sudahpun dibekalkan di mana syarikat Gimzan Plywood pada masa ini sudahpun mula beroperasi. Kawasan perindustrian Undang, Marang merupakan satu konsep yang baru di mana Kerajaan Negeri berpendapat Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk melaksanakan kawasan perindustrian satelit iaitu membina kawasan perindustrian yang kecil berhampiran ataupun untuk mendokong kawasan perindustrian utama dalam negeri kita ini. Jadi Marang merupakan satu kawasan perindustrian satelit ini, tujuannya itu ialah untuk menempatkan kilang-kilang kecil dan sederhana yang akan mendokong/ menyokong 'complementary' dan 'supplementary' kepada kilang-kilang perindustrian utama. Bagi kawasan Perindustrian Undang, Marang, peruntukan kawasannya ialah 200 ekar yang telah dipersetujui. Sebahagian daripadanya telahpun disediakan untuk fasa yang pertama oleh anak syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Di antara jenis-jenis ataupun agensi yang akan memulau pembangunan kilang-kilang di sini ialah MARA dan juga pusat 'TESDEC' iaitu Pusat Pembangunan Kemahiran Terengganu. Dato' Yang di-

10 April 1996

Pertua, projek Asia Pacific Refinery dan juga projek penjualan air Tasik Kenyir saya mohon menjelaskan iaitu projek yang besar macam ini biasanya memakan masa yang lama untuk 'take off the ground'. Pada masa ini kedua-dua pelabur memang mengesahkan minat mereka dan mereka dalam peringkat persediaan akhir untuk melaksanakan Projek Air Tasik Kenyir mungkin akan dilaksanakan pada tahun ini dan begitu juga projek 'Asia Refinery' kita sedang menyelesaikan masalah dan permasalahan tapak.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua Dalam sektor pertanian, Dato' Yang di-Pertua masa ini pertumbuhan sektor pertanian agak rendah 3% sedemikian kita hendak matlamatkan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ini pada masa akan datang supaya sektor pertanian bertumbuh pada kadar 4%, ini matlamat kita dan ini kita akan usahakan. Untuk mencapai matlamat ini maka sudah tentulah berbagai-bagai program dan strategi perlu dilaksanakan. Saya telah menyebut pagi tadi bagaimana kita akan memberikan penumpuan kepada tanaman-tanaman komersial untuk digalakkan buah-buah komersial termasuk sayur-sayuran, buah-buah tempatan seperti limau madu, salak, duku, dokong, roselle dan sebagainya perlu ada penumpuan terhadap tanaman-tanaman komersial ini, dan petani-petani mestilah didedahkan kepada ekonominya tanaman-tanaman ini. Tidakkah petani-petani kita tanam sebarang tanaman sahaja dan tidak ditanam secara yang komersial. Jabatan Pertanian mempunyai rancangan 5 tahun untuk menekankan kepada pembangunan dan juga kemajuan tanaman buah-buahan komersial ini. Aplikasi teknologi begitu juga hanya penting. Kita semua dapat faham bagaimana pentingnya aplikasi teknologi kecil dan sederhana kepada perikanan, pertanian dan sebagainya. Pusat Latihan Keusahawanan yang akan didirikan itu bertujuan untuk melatih, memberi kefahaman dan juga motivasi dan untuk 'facilitate' supaya petani-petani akan menjadi bukan saja menjadi penanam, petani kecil-kecilan dan jangan sahaja petani terlibat hanya dengan satu kegiatan di dalam usaha tani ini seperti menanam sahaja. Mereka perlu menjalankan usaha niaga sekali 'market and marketing' dan mereka perlu juga mengendalikan, terlibat mengusahakan kemajuan pemerosesan industri iaitu matlamat 'Commercialization and Industrialization of the Agriculture Centre' dengan izin Dato' Yang di-Pertua perlu dijayakan dan didokong di Negeri Terengganu ini. Ini merupakan satu strategi yang baik, kalau ini dilaksanakan mudah-mudahan Negeri Terengganu akan mempelopori usaha untuk mewujudkan Latihan Keusahawanan dalam sektor pertanian dalam negara kita ini menjadi asas mudah-mudahan kepada usaha yang lebih baik lagi yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Pusat. Ini adalah bertujuan untuk merjayakan program Kementerian yang mahu mewujudkan Usahawan Tani dalam negara kita, jadi kita laksanakan ini di negeri Terengganu. Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya dengan satu ekar, dua ekar usaha tani rakyat kita boleh mendapat pendapatan yang baik sekali, kalau mereka tani secara berekonomi. Oleh kerana itu konsep Dusun Nukleus memberikan satu kesempatan ataupun merupakan satu bentuk, satu strategi, satu program yang akan menggalakkan petani-petani untuk bertanam tanaman secara komersial, secara berkelompok tanaman-tanaman dengan dibantu oleh agensi-agensi Kerajaan. Kerajaan Negeri telah memutuskan semua tanah-tanah kelompok yang telah diluluskan dalam Negeri Terengganu pada masa yang lalu akan dibantu dilaksanakan oleh semua agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan, mudah-mudahan petani-

petani tidak lagi menghadapi masalah. Pada masa yang lalu mereka terpaksa memajukan diri sendiri tanah-tanah kelompok, itulah sebab tanah kelompok didapati banyak yang tidak berjaya pada masa itu. Penglibatan swasta dan cara pendekatan secara berpelaburan, ini penting Dato' Yang di-Pertua supaya 'Private Sector Pump-In The Capital' sebagaimana dalam sektor yang lain kalau kita mahupun pertumbuhan kita kena inject modal dan pelaburan dalam sektor ataupun ekonomi yang berkenaan. Ini sudah berlaku dalam industri, kita sudah 'pump-in investment' yang lebih dengan penglibatan swasta. Ini sudah tentu perbelanjaan Kerajaan ataupun 'Public Expenditure' menjadi penting. Oleh kerana itu untuk pertumbuhan sektor pertanian pada masa akan datang penglibatan swasta adalah penting, ia bukan sahaja bertujuan untuk mencapai pertumbuhan tetapi juga supaya petani-petani kecil yang akan diwujudkan sebagai usahawan kecil akan dapat berfungsi sama, pengurusan, pasaran, pengalaman dan juga apa-apa kemudahan yang akan dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan.

Dato' Yang di-Pertua saya cuba pendekkan dalam sektor perikanan. Sektor perikanan Dato' Yang di-Pertua, masalah sama dengan sektor pertanian iaitu masalah yang 'fundamental' nelayan masih miskin walaupun sudah meningkat banyak dan juga ikan kurang, sebagaimana jugak dalam pertanian makanan-makanan kurang, negeri Terengganu menjadi negeri 'Nett Importer' kita jadi negeri yang 'Self-Sufficient' dan juga kita hendak jadi Negeri Pengeksport. Untuk ini Dato' Yang di-Pertua, sumber ikan perlu dipelihara dan ditambah lagi. Sumber di laut akan ditingkatkan melalui kegiatan, lebih banyak lagi akan didirikan tukun-tukun dan sebagainya. Pembangunan Aquakultur sebagaimana telah saya katakan akan dimulai dan akan ditingkatkan. Ini termasuk ternakan ikan dan juga udang untuk makluman Dewan, sebanyak 3 ribu ekar kawasan di Negeri Terengganu sudah pun dipersetujui oleh Kerajaan Negeri pada dasarnya untuk dibangunkan, diusahakan sebagai kolam-kolam ternakan ikan dan udang air masin. Selain daripada itu Dato' Yang di-Pertua kita hendak melihat perkembangan di dalam sektor 'downstream' dan juga 'midstream' dalam sektor perikanan ini. Iaitu perniagaan ikan dan pemasaran ikan perlu ditingkatkan dan juga pemerosesan hasil-hasil ikan perlu ditingkatkan pada masa yang akan datang ini. Dato' Yang di-pertua, Jabatan Perikanan mempunyai satu pendekatan, satu program yang baru iaitu di mana jabatan berkenaan ini telahpun memperkenalkan sistem ternak ikan, ternakan ikan air masih secara 'Environmently Friendly' iaitu secara tertutup di mana sisa air yang dibawa masuk daripada laut ke kolam, akan ditapis terlebih dahulu dan air yang dikeluarkan daripada kolam akan ditapis dibersihkan dahulu sebelum sebelum dilepaskan ke sungai ataupun ke laut. Ini adalah suatu pendekatan yang sepatutnya dialu-alukan, pertama kali kita menerokai pendekatan yang seperti ini di Negeri Terengganu kita ini. Dato' Yang di-Pertua, Jabatan Perikanan juga akan membina sebuah Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar di Tasik Kenyir dengan belanja RM20 juta dan juga Projek Penyelidikan Dan Pengembangan Ikan Air Laut di Setiu di bawah sistem tertutup tadi dengan belanjawan sebanyak RM300,000.00 dan sebuah stesen penyelidikan dan pengurusan hidupan laut di Rantau Abang, Dungun dengan belanja RM7 juta juga akan didirikan. Dua buah Pusat Pengumpulan Dan Jualan Ikan Air Tawar akan didirikan di Kuala Terengganu ini dan di Tasik Kenyir. Dato' Yang di-Pertua dalam ternakan, juga kita perlu mengatasi masalah kekurangan

10 April 1996

bekalan untuk keperluan kita sendiri. Dalam sektor ternakan kaedah penternak mengikut zon dirancang bagi mengenalpasti kawasan khusus untuk ternakan. Misalnya untuk lembu di kawasan Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu, ayam di Setiu, Marang dan Kuala Terengganu manakala tenusu di sekitar Pasir Pengumpulan Susu Besut dan Marang. Lembu-lembu yang terbiar lain tanpa jagaan rapi di tepi jalan atau di kawasan terbiar akan dipindahkan ke kawasan-kawasan perladangan yang antara lain akan memastikan tahi-tahi lembu yakni Dato' Yang di-Pertua saya tidak tengok sebelum ini jadi saya tidak sempat 'sensor'lah, jadi maafkan saya, boleh sebut tahi lembu tu Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh, benda tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Boleh, terima kasih. Tahi-tahi lembu tidak berselerakkan di jalan-jalan raya. Negeri Terengganu seperti di Wakaf Mempelam. Oh tidak!

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tidak, tidak.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Wakaf Mempelam): Tidak, terima kasih. Negeri Terengganu mempunyai

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ucap tahniahlah Negeri Terengganu satu-satunya negeri yang setiap tahun belanja RM20,000 hingga RM30,000 untuk beri tender membersihkan tahi lembu kawasan Sekayu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Terima kasih, Yang Berhormat ini cara menyelesaikan, patut Yang Berhormat fikir cara lain, yang lebih mudah, lebih ekonomik. Negeri Terengganu mempunyai 104,800 hektar kawasan kelapa sawit yang mampu menempatkan 17,000 ekor lembu pembiak betina sebenarnya. Ini penekanan kita pada masa yang akan datang menggunakan ladang-ladang kelapa sawit untuk ternakan lembu dan tidak lagi menggunakan pendekatan seperti dahulu menggunakan padang-padang ragut. Usaha ini boleh menarik minat pelaburan pihak swasta atau individu dan mengekalkan tahap sara diri ke paras 45% hingga 50% dan mempertingkatkan kadar perkepita penggunaan daging dari 3.7 kilogram sekarang kepada 4.2 kilogram.

Dato' Yang di-Pertua, Projek Perhutanan Tani merupakan satu bidang yang baru akan diterokakan oleh kerajaan negeri. Dato' Yang di-Pertua, saya dah nak habis. Itu bagi pembangunan sektor perikanan ini sumber balak sudah berkurangan sedangkan kita meningkatkan aktiviti downstream dan kalau kita terus menekankan kepada aktiviti downstream dengan tidak memberikan perhatian kepada upstream itu, bekalan kayu-kayu pada masa akan

10 April 1996

datang kita akan terperangkap dalam satu masalah di mana kilang sudah ada tetapi kayu tidak cukup. Oleh kerana itu, Dato' Yang di-Pertua, sebagai strategi yang penting dan strategi yang fundamental kita kena tanam pokok-pokok hutan. Memang sudah ada program tanam pokok hutan secara sustainable di negeri kita ini tetapi kita hendak memulakan satu cara yang baru di mana kita akan menggunakan kaedah 'clear felling' untuk melaksanakan 'Agro Forestry' dengan ditanam dengan tanaman-tanaman pokok-pokok kayu komersial yang cepat tumbuh sebagaimana yang diusahakan di negara-negara maju yang lain dan juga di sebuah negeri yang sudah mempelopori 'Agro Forestry' ini di dalam negara kita iaitu di Sabah. Di mana Sabah ada menanam pokok jati, dan juga akasia dan juga pokok pine. Dan sekarang mula menanam pokok sentang, satu lagi tanaman yang cepat tumbuh. Kita juga merasakan bahawa kita perlu melaksanakan program yang seperti ini. Kerajaan negeri telahpun setuju untuk mengadakan, melancar program ini secara besar-besaran.

Dato' Yang di-Pertua, akhirnya menyentuh hakisan pantai yang disebut ada dibangkitkan. Hakisan pantai perkara yang serius. Untuk mengatasi masalah hakisan pantai kalau mengikutkan perancangan kita, Dato' Yang di-Pertua, kita memerlukan peruntukan sebanyak RM335 juta. Permohonan sudah dibuat kepada Kerajaan Persekutuan. Kita menunggu pertimbangan tapi kita ada rancangan yang sebagaimana yang telah saya sebutkan pagi tadi untuk mengatasi masalah ini. Petanda menunjukkan bahawa peruntukan-peruntukan dan perhatian daripada kerajaan pusat ada dalam masalah ini.

Muara Sungai Terengganu merupakan satu masalah. Semalam saya pergi ke Marang. Saya diberitahu kuala sungai Marang cetek. Sampai 1 kaki, 1 kaki setengah macam tu dan bot nelayan terpaksa mendarat menggunakan pelabuhan di Chendering. Kita ada rancangan telah mengenalpasti 15 sistem sungai. Muara-muara sungai dalam negeri Terengganu kita ni untuk kita menjalankan rancangan mengadakan 'Breakwaters'. Pada masa ini Besut sudah, Besut sudah dipersetujui, Marang sudah diluluskan, menunggu peruntukan dan Kuala Terengganu sedang dalam kajian. Kita memerlukan RM340 juta untuk melaksanakan program ini. Mungkin di dalam 10 tahun, 2 rancangan 5 tahun yang akan datang. Mudahan-mudahan dengan pendekatan ini kita akan dapat membela nasib dan memberi kemudahan kepada nelayan lebih lagi, Dato' Yang di-Pertua.

Sekian, Dato' Yang di-Pertua, saya memohon maaf agak terpanjang. Saya ucap terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Dewan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Saya mengambil kesempatan dalam peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli yang telah bercakap, yang menyentuh mengenai dengan urusan Pembangunan Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Terengganu. Di samping saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang

10 April 1996

Berhormat yang berkenaan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang telah membuat rumusan perbahasan ini yang telah merancangkan berbagai-bagai kegiatan dan mengambil tindakan yang berkaitan dengan urusan masing-masing tetapi ia juga sebenarnya kadang-kadang dilupai oleh kawan-kawan kita daripada parti Pembangkang bahawa urusan itulah juga merupakan sebahagian daripada urusan yang disokong, didorong oleh urusan Islam sendiri. Kalau sekiranya kita perhatikan ada orang yang tidak berfikir. Kalau mereka tidak berfikir mungkin mereka hanya mengetahui bahawa pendengaran itu tidak ada makna. Tapi kalau sekiranya mereka tidak berfikir mereka hanya mengetahui bahawa telinga itu ada makna kalau mereka berfikir setelah mereka pekak. Mereka yang tidak berfikir mungkin tidak mengerti bahawa penglihatan itu sangat besar maknanya tetapi apabila mereka dibutakan maka barulah mereka mengetahui bahawa peranan mata itu cukup penting memberikan nikmat yang besar kepada semua yang mempunyai mata.

Dalam hal ini Yang di-Pertua, analogi ini penting untuk kita perhatikan bila kita membincang mengenai dengan urusan pentadbiran sebuah kerajaan sama ada di peringkat negeri atau di peringkat negara. Urusan yang dibuat oleh mana-mana kerajaan dalam menangani isu yang berkaitan dengan orang ramai mestilah berasaskan kepada beberapa rukun yang penting. Yang di antaranya kita mestilah faham dan setelah kita faham kita mesti rancang dan bila kita rancang kita mesti urus. Kalau kita hanya faham tapi kita tidak pandai merancang maka fahaman itu tidak ada makna dan kalau sekiranya kita faham dan kita rancang tetapi kita tidak pandai mengurus maka kita juga tidak akan berjaya mencapai matlamat. Setelah kita faham, setelah kita rancang dan setelah kita urus bagaimana yang dirancangkan oleh yang difahami, dirancang oleh pihak yang memerintah negeri hari ini. Yang memerintah terutamanya dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan Islam, kita berpegang kepada empat dasar yang penting iaitu kita perlu bimbing, kita perlu ajar, kita perlu cegah dan kita perlu hukum. Ada orang berfikir bahawa hukum itu penting tanpa memikirkan bahawa bimbingan itu tidak kurang penting. Ada orang hanya pandai mencegah tapi mereka tidak mengajar. Mereka dianggap sebagai mengabaikan salah satu unsur-unsur yang telah ditegakkan oleh Islam sejak daripada perkembangannya di zaman awal lagi. Segala rukun-rukun yang saya sebutkan ini, Dato' Yang di-Pertua, tentang betapa perlunya kita faham, betapa perlunya kita rancang dan betapa perlunya kita urus. Dan setelah kita mengambil ketiga-tiga rukun ini, kita ikuti dengan rukun perlu bimbing, perlu ajar, perlu cegah, dan perlu hukum maka bila kita menangani semua isu berkaitan dengan Islam. Dengan cara sedemikian maka kita akan dapati beberapa kewajaran yang telah dibuat dalam menangani masyarakat seperti di Negeri Terengganu ini dan juga di dalam sebuah negara seperti Malaysia ini.

Urusan-urusan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang menyentuh mengenai dengan pendidikan Islam dalam negeri ini. Saya mendengar daripada ucapan mereka, Dato' Yang di-Pertua, dan kalau kita tidak mengetahui siapa mereka mungkin kita berfikir bahawa mereka seolah-olah ejen kepada negeri Kelantan iaitu negeri yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Fakta yang

10 April 1996

dibawa cukup mengelirukan. Bila ada seorang Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa di negeri yang berkenaan terdapat lebih daripada 80 buah Sekolah Menengah Agama Negeri sedangkan angka yang sebenarnya menunjukkan bahawa hanya terdapat 16 buah sekolah sahaja di negeri Kelantan sekolah menengah agama yang diuruskan oleh Negeri Kelantan. Kalau sekiranya

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, penjelasan. Saya sebut bukan sekolah menengah agama. Sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan. Rendah, menengah campurlah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang di-Pertua, bila kita nak bercakap tentang angka baik kita hati-hati kerana angka-angka itu kalau kita sebut dengan motif untuk merendah yang lain maka mungkin penyebutan angka itu akan dibuat secara 'exaggerated' untuk merendahkan taraf pihak yang lain. Sebab itu saya berkata bahawa bila saya menyebutkan bahawa Sekolah Menengah Agama Negeri Kelantan hanya 16 buah, saya belum lagi memberi figure yang lain. Nanti sekejap lagi saya akan sebutkan bahawa dalam kategori sekolah-sekolah agama kalau kita hendak membicarakan tentang sekolah menengah agama atau sekolah agama atau pusat pengajian agama di negeri yang lain kita perlu mengikut statistik yang telah dibuat oleh mereka yang menguruskan hal ini yang telah mengkategorikan kepada sekolah menengah agama, sekolah yang ditadbirkan oleh kerajaan negeri, sekolah menengah agama yang diuruskan oleh rakyat. Sekolah rendah agama yang diuruskan oleh kerajaan negeri, sekolah rendah agama yang diuruskan oleh rakyat. Ini semuanya ada angka-angka yang telah ditetapkan oleh mereka yang membuat stastitik. Maka sebab itu kalau sekiranya penyebutan itu bertujuan untuk menyatakan yang lain daripada negeri yang berkenaan lebih rendah taraf usahanya maka perlu diingati bahawa kita kalau kita dapati ada kebaikan di sebuah negeri perlu juga kita tanya siapa yang buat. Kalau sekiranya ada sebuah kerajaan hanya terbentuk dalam tempoh dua tahun sahaja. Saya tidak fikir ada sekolah boleh dibuat dalam masa dua tahun. Boleh dicari guru-guru yang layak dan boleh dibangunkan bangunan dalam tempoh dua tahun. Hasil siapa? Maka sebab itu walaupun kita hendak menyebut kita tentang pencapaian sebuah negeri yang lain sebagai rakyat negeri Terengganu saya fikir bagaimana yang disebut oleh salah seorang daripada rakan saya tadi bahawa biarlah kita bersyukur tentang apa yang kita ada kerana yang lain memang yang didapati oleh orang lain sebenarnya adalah hasil daripada kebijaksanaan dalam memahami isu Islam dalam merancang hal-hal yang berkaitan dengan Islam dalam menguruskan hal-hal Islam. Dan setelah kita mengamalkan ketiga-tiga perkara itu kita dapati pihak kerajaan kini jugalah, kerajaan Barisan Nasional telah membimbing, mengajar dan mencegah dan diikuti dengan menghukum dalam keadaan yang teratur mengikut keadaan semasa.

Saya ingin menyebutkan, Dato' Yang di-Pertua, satu analogi lagi. Seorang Komandan telah membuat arahan kalau dapat izin Dato' Yang di-Pertua, dalam masa beberapa minit yang

10 April 1996

sesingkat yang boleh. Dalam satu analogi yang lain, seorang Komandan Tentera telah mengarahkan dua pasukan masuk hutan untuk menawan musuh. Satu pasukan telah masuk dalam hutan dan mereka selepas beberapa hari dalam hutan, mereka keluar hutan. Mereka membawa bersama-sama mereka tawanan, musuh-musuh yang ditawan bersama dengan mereka. Musuh yang ditawan tak cedera dan tentera yang menjadi kumpulan dalam group itu juga tidak cedera. Yang diberi tugas tak ada yang tercedera, yang ditawan tidak tercedera.

Ada satu pasukan yang lain lagi telah masuk ke dalam hutan dengan semangat yang menyengal-nyinga. Dengan cara yang cukup agresif dan melihat yang lain semua tidak berguna dan bila mereka keluar mereka melaporkan kepada Komandan dan sewaktu mereka melapor kita dapati ada yang kudung tangan, ada yang kudung jari, ada yang luka tapi musuh seorangpun tak dapat ditawan. Di antara dua kumpulan ini dua kumpulan manakah yang telah menjalankan mission yang telah diberikan oleh Komandan yang berkenaan. Bagi pihak kerajaan hari ini kita mengala-alukan dan menghargai dan memuji sikap group yang pertama iaitu musuh tertawan dan kita menawan tak tercedera. Sedangkan yang lain ada yang hilang nyawa, ada yang hilang anggota, musuh tak tertawan. Ibarat kumpulan yang kedua ini samalah dengan kawan-kawan daripada parti Pembangkang yang hanya bercakap tapi mereka tidak berusaha menggabungkan elemen yang saya sebutkan tadi iaitu kita harus faham, kita harus rancang, kita harus urus dan kita harus bimbing, kita harus ajar, kemudian kita ikuti dengan cegah dan kemudian kita ikuti dengan hukum. Maka sebab itulah, Dato' Yang di-Pertua, saya ringkas tahun ini, insya-Allah kalau tidak ada apa-apa halangan, rancangan meningkatkan prestasi ahlak di kalangan belia khususnya telahpun saya kemukakan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan telah direstui untuk merancang satu-satu kegiatan yang kita namakan dengan Rancangan Bina Takwa. Kita perlu mengasak, mengasak masyarakat yang kadang-kadang menyebabkan kita menghadapi berbagai-bagai masalah dalam membina kemajuan moral. Kita mengasak mereka, kita tidak malu kita diasak oleh mereka. Cubalah kita bayangkan bagaimana kita kalau kita tidak mempunyai Yayasan Islam. Cuba kita bayangkan bagaimana kalau sekiranya Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak mengarahkan supaya ditubuh Yayasan Negeri Terengganu. Bagaimanakah yang akan terjadi kepada negeri ini kalau tidak ada kesungguhan untuk meningkatkan syiar Islam menerusi pembangunan fizikal. Apa akan jadi? Sudah tentu kita akan dapati tanpa usaha-usaha yang sedemikian, kita tidak akan lihat bahawa mungkin Malaysia, mungkin Terengganu telah lama lemas. Kelemasan oleh budaya yang liar dari luar yang telah tembus menerusi sempadan Kelantan/Siam yang tidak dijaga oleh negeri yang berkenaan. Ini menunjukkan bahawa urusan yang kita buat ini bukan urusan yang mudah. Bila kita tahu bahawa ini payah maka yang penting bila kita hendak merancang yang baik mereka yang terlibat dengan hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat tanpa mengira sama ada mereka dikenalpasti sebagai golongan Islam atau tidak dan mereka muslim, mereka bukan muslim. Rakyat negara ini cintakan keamanan kita mahu mereka semuanya mengambil bahagian kerana kesejahteraan negara ini akan dinikmati oleh semua rakyat.

10 April 1996

Saya tidak mahu menyebut secara khusus tentang perkara tersebut. Biarlah saya sebut secara umum dan tujuan kita ialah untuk membina masyarakat dan agenda kita bukan hendak menghitung setiap kecacatan yang ada. Kalau kita hanya fokus kepada isu yang kita lihat maka sampai 100 tahun lagi sifat Pembangkang ini hanya akan membilang isu tapi mereka tidak contribute apa-apa. Kita ada agenda yang lebih besar untuk menangani isu negeri ini sebagai negeri yang kita harap akan menjadi tunggak pembangunan Islam dalam negara ini yang dianggap sebagai sebuah negeri yang dianggotai oleh masyarakat yang sangat hati-hati yang sangat bertanggungjawab dalam merancang, mengatur urusan yang berkaitan dengan Islam.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud untuk berucap lebih panjang. Saya ingin menyatakan di sini terima kasih saya kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan saya harap rakan-rakan daripada parti Pembangkang mestilah belajar daripada pendekatan kita ini dan kita dengan cara terbuka kita tahu bahawa yang baik harus diikuti tapi jangan yang baik dari kita dianggap buruk dan tidak diterima oleh mereka.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai pembawa usul perbahasan Titah Di Raja ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan khususnya terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti kerajaan atau Pembangkang yang masih berminat untuk bercakap mengenai pendidikan khususnya dalam Pembangunan Manusia umumnya, Dato' Yang di-Pertua. Saya percaya, Dato' Yang di-Pertua, bersetuju kalau saya katakan, payah hendak menyesuaikan dengan selera Pembangkang bila kita menyediakan Titah Ucapan Duli Tuanku. Kalau ucapan kali ini nipis, dia katanya nipis, tidak mempunyai apa-apa yang patut dipertimbangkan. Kalau tebal katanya tebal, terlalu tebal. Tidak ada apapun yang patutnya dalam yang tebal ini. Jadi susah kita nak menyesuaikan dengan kehendak dan selera pembangkang. Tapi walau bagaimanapun Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah diberi dan saya merasa bertuah kerana dapat mendengar ulasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada hari ini yang mengingatkan kita semua supaya mengimbangi apa yang kita cakap dengan amalan kita. Kedua-dua pihaklah saya perhatikan terutama sekali yang banyak bercakap berhubung dengan agama Islam yang tentunya kita sedia maklum menuntut supaya kita berakhlak mulia. Tapi dalam ucapan-ucapan yang kita dengar selama 2 hari ini jelas, jelas tidak mencerminkan akhlak yang mulia. Kalau boleh dengan izin, Dato' Yang di-Pertua, saya single out, wakil Wakaf Mempelam. Boleh saya katakan, mintak maaf terkasar sikit, tidak berakhlak dan tidak berlaku adil. Biasanya kita bila kita bercakap berhubung dengan konsep adil kita merujuk kepada pembahagian tapi jarang kita ingut bila kita bercakap berhubung dengan adil masalah percakapan sendiri. Saya rasa tidak adil. Saya tak nak sebut zalim. Saya

10 April 1996

kata tak adil kalau ahli-ahli daripada Pembangkang menyebut ataupun mengkritik orang-orang yang tidak ada dalam Dewan yang tidak dapat memberi penerangan. Yang tidak dapat memberi penjelasan tentang perkara-perkara yang ditimbulkan. Apatah lagi kalau perkara-perkara itu terlalu jauh daripada kebenaran. Jadi dalam hal ini pun saya rasa perlu kita berlaku adil, bukan berlaku adil dalam membahagikan sesuatu tetapi dalam percakapan pun saya rasa perlu berlaku adil.

Jadi di sini satu perkara yang patut kita ingat tidak berhubung dengan ahli-ahli. Apatah lagi bila kita bercakap sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang kita telah diberi mandat oleh pengundi untuk mewakili satu-satu kumpulan atau satu Dewan Undangan Negeri yang tertentu, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Membujur lalu biasanya diikuti dengan melintang patah. Kalau betul mengikut peraturan, sesuai, dia boleh telus lalu tapi kalau dia tidak mengikut peraturan, dia patah. Jadi saya merujuk kepada apa yang disebut oleh wakil Wakaf Mempelam berhubung dengan perletakkan jawatan. Janganlah bila seseorang ketua jabatan Negeri Terengganu meletak jawatan ataupun ada ketua jabatan di Terengganu yang ditukarkan maka yang disalahkan Ketua Kerajaan, Menteri Besarnya, Setiausaha Kerajaan dan sebagainya. Elok juga secara adil, secara adil Dato' Yang di-Pertua, kita kaji. Kita kaji tentang pegawai yang berkenaan. Apakah kerana ia dizatimi, ataupun apa? Atau ada sesuatu yang tidak kena dilakukan. Kalau selama ini dilakukan, 'o.k.' kita kata membujur lalu tapi kalau selama ini dia tidak membujur lalu melintang patah di situ-lah cacatnya. Jadi jangan kita senang-senang kata begitu-begitu dengan tidak merujuk kepada perkara-perkara yang sepatutnya ada di belakang peristiwa-peristiwa yang seumpama itu.

Dato' Yang di-Pertua, memang mudah mengatakan bahawa penswastaan dijadikan satu platform untuk menjualbeli syarikat anak SEDC. Tapi haruslah saya mengingatkan wakil Wakaf Mempelam bahawa sebelum sesuatu 'exercise', usaha penswastaan itu dibuat kita telah merujuk kepada berbagai-bagai agensi, termasuklah agensi Kerajaan Pusat. Bukan mudah untuk mendapatkan kelulusan menswastakan sesuatu, bukan mudah. Dan janganlah dituduh bahawa bila berlaku sahaja penswastaan maka ada yang mendapat untung terlalu banyak dan dalam hal ini orang politikpun mendapat untung kerana penswastaan itu. Jadi biasanya usaha yang seumpama ini kepada Pembangkang dikaitkan dengan tomanan ada untung, penyelewengan dan sebagainya. Dia tidak pernah menghargai dengan baik usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan selama ini, Dato' Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan apa yang disebut oleh ADUN Jerneh, yang kita dengar keluaran menyatakan 10 daripada 16 anugerah dapat diperolehi oleh jabatan-jabatan Negeri Terengganu. Jadi ini sedikit sebanyak membayangkan kepada kita kecekapan pegawai-pegawai kita. Dan saya walaupun tidak maha berbangga dengan pimpinan negeri, tapi saya rasa patut juga disebut bahawa pegawai-pegawai yang efisien, yang mengendalikan jabatan-jabatan yang dapat anugerah ini sebenarnya sepatutnya kata orang tua di bawah kening pemimpin-pemimpin negeri Terengganu. Mereka tidak melakukan kerja, mereka

10 April 1996

tidak bertugas, bebas begitu rupa dengan tidak mendapat sebarang bimbingan, petunjuk daripada pemimpin-pemimpin. Tetapi saya tidaklah berniat untuk mengatakan bahawa kejayaan itu kerana pimpinan. Tetapi ini boleh difahamkan oleh semua pihak termasuklah wakil-wakil dari Pembangkang. Dan saya rasa molek juga kalau boleh sekali-sekali pihak Pembangkang menyebut hal yang seumpama ini sebagai satu pengiktirafan 'recognition' kepada pegawai-pegawai kita, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, ADUN Tepuh ada sebut satu perkara yang saya rasa kita semua merasa kecewa mendengarnya kalau betul iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menolak permohonan seorang tua untuk mendapatkan kaki palsu yang mengatakan bahawa orang tua itu tidak perlu lagi kaki palsu kerana dia tua, dia tidak perlu berjalan ke mana-mana lagi. Biasanya Dato' Yang di-Pertua, amalan kita, amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita timbang berdasarkan kepada laporan perubatan. Mungkin di sini barangkali timbul kekeliruan, mungkin berdasarkan kepada laporan perubatan orang tua ini makin teruk kalau dia menggunakan kaki palsu untuk berjalan, itu mungkin disalah ertikan. Tapi saya masih menunggu maklumat yang lebih jelas kalau betul-betul Yang Berhormat yang berkenaan mahu menolong orang tua yang seumpama ini tidak jadi masalahnya kepada kita. Jadi janganlah Dato' Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, saya ingin bertanyakan sedikitlah berhubung dengan perkara ini, memang ada 'recommend' daripada Pegawai Perubatan berhubung dengan orang yang terlibat tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Atau mungkin barangkali pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat ini dalam kesibukan dan keletihan itu begurau kepada pakcik yang memohon kaki palsu inipun mungkin juga. Tapi kalau Yang Berhormat yang berkenaan mengemukakan kes ini, insya-Allah boleh kita timbang dengan mudah Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tepuh juga mengatakan kurang faham tentang peranan dan tugas Yayasan Pembangunan Keluarga. Sepuluh tahun sudah Yayasan ini ada. Jadi saya memberitahu kepada Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga tentang hal ini dan Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga bersedia untuk memberi taklimat kepada Yang Berhormat. Jadi kalau Yang Berhormat betul-betul nak atau silalah.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya telah merujuk kes yang ditimbulkan berhubung dengan ada seorang pelajar yang telah diambil tindakan disiplin dan telah diperakukan supaya ditukarkan daripada sebuah sekolah menengah tapi ditukarkan balik katanya. Kata Yang Berhormat yang berkenaan ada campur tangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pengarah Pendidikan Negeri mengatakan tidak ada sebarang pun, tidak ada sebarang arahan ataupun tekanan daripada ahli politik. Tapi setelah bapa murid yang berkenaan datang berjumpa dengan Guru Besar merayu dan telah dipertimbangkan adalah lebih baik dia

10 April 1990

dikekalkan di sekolah itu maka pelajar itu dikekalkan di sekolah itu tapi kesnya masih men di kes Polis dan akan dibicarakan tidak berapa lama lagi. Itu terpujanglah kepada

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Limbat): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah amalan mereka-mereka yang telah terbakti bersalah oleh pihak Badan Disiplin Sekolah kemudian dikekalkan di sekolah yang sama dalam keadaan telah diputuskan dibuang?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, yang jelasnya, asasnya bahawa murid-murid Ujak boleh dibuang sekolah kerana kesalahan-kesalahan yang seumpama itu, kesalahan yang seumpama itu. Tapi biasanya kita syorkan, biasanya kita peraku supaya ia ditukarkan ke sekolah lain tapi ini pun kalau keadaan-keadaan membolehkan budak ini, pelajar ini kekal di sekolah maka boleh ditimbangkan, bukanlah satu perkara yang luar biasa. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Apa yang saya nak sebut di sini, tekankan di sini, seperti yang ditekankan oleh Wakil Rakyat Alor Limbat ialah ada campur tangan daripada Wakil Rakyat atau orang politik dalam masalah ini, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Limbat): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, ada surat yang dihantar kepada pihak yang berkenaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya tak faham apa maksudnya ada surat yang dihantar?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Limbat): Bapa pe ajar berkenaan yang merupakan JKK kalau tak silap saya Kampuang Binjai Manis telah minta sokongan daripada salah seorang daripada.. Wakil Rakyat ataupun EXCO supaya kes ini dipertimbangkan untuk mendapat syafaat daripada pihak Jabatan Pendidikan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Biasalah tu. Dia berurusan dengan seorang Wakil Rakyat yang boleh beri pertolongan, tidak ada masalah, saya rasa apa salahnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Limbat): Salahnya Dato' Yang di-Pertua, kes ni kes yang berat, kes mencuri, kes memecahkan kawasan sekolah, kemudian kes ini telah jelas dari sudut Badan Disiplinnya dan juga pihak kelakuan sekolahnya tetapi bagaimana tindakannya sedemikian itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan hukuman yang telah diberikan oleh Wakil Rakyat Alor Limbat sedangkan perkara ini saya dapat tahu 21hb. Mei ini

10 April 1996

akan dibicarakan di Mahkamah. Adakah Yang Berhormat Alur Limbat mempunyai kuasa yang lebih daripada Mahkamah menentukan seseorang itu telah bersalah sebelum ianya dibicarakan?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya tidak tahu, Dato' Yang di-Pertua, tapi sekurang-kurangnya kita mahu menghormati apa yang telah dibuat oleh pihak Pentadbiran Sekolah. Sekurang-kurangnya kalau pelajar berkenaan mahu diambil juga dan menjadi amalan hendaklah ditukar ke sekolah yang lain bukan sekolah yang berkenaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ya, saya tahu, saya tahu, saya juga bekas seorang guru, saya juga bekas seorang Guru Besar, saya tahu tapi seperti yang saya katakan itu ada ketika-ketiknya perkara ini boleh ditimbangkan dengan budibicara Guru Besar dan Guru-guru yang ada di sekolah itu. Boleh ditimbangkan, bukanlah satu perkara yang luar biasa, Dato' Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bercakap berhubung dengan pendidikan lagi saya bersetuju, saya amat bersetuju dengan saranan Wakil Permaisuri yang menyatakan sebahagian daripada guru-guru yang menjadi Ahli Pas patut dijail kerana menghasut, saya cukup bersetuju. Untuk makluman Dewan ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada seorang guru yang cukup kuat saya rasa menyokong Pas telah menghentam, telah mengkritik Akta Pendidikan dalam khutbah dan menyeru para jemaah supaya sembahyang hajat lepas sembahyang Jumaat untuk menurunkan sesuatu ke atas Menteri Pendidikan. Ini saya patut beritahu kepada Wakil Rakyat Pas, kepada pemimpin-pemimpin Pas dan selain daripada beritahu saya mengambil kesempatan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua menasihatkan pemimpin-pemimpin Pas supaya menasihatkan guru-guru yang berkenaan. Jadi kalau pemimpin-pemimpin Pas tidak bertanggungjawab menasihatkan guru-guru Pas maka akan berlakulah satu perkara yang tidak baik di dalam Sistem Pendidikan kita di mana guru-guru Pas boleh berleluasa di dalam sekolah sedangkan banyak program-program yang hendak kita lakukan untuk peningkatan prestasi pendidikan anak-anak kita, Dato' Yang di-Pertua.

Berhubung dengan pendidikan lagi, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak begitu kecewa walaupun ada beberapa orang pemimpin-pemimpin Pembangkang merasa kurang senang dengan gejala-gejala buruk, penyakit masyarakat yang biasanya dihubungkan dengan kegagalan pendidikan. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Wakil Ladang. Wakil Ladang Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sebut kelmarin, "Saya sendiri dan seluruh yang ada dalam Dewan ini termasuklah Wakil-wakil Rakyat daripada parti Pembangkang adalah hasil Program Pendidikan Pembangunan Manusia ataupun khususnya hasil program pendidikan negeri kita ini, negara kita ini". Saya tak tahulah kalau Yang Berhormat Wakil Pembangkanglah mengakui bahawa dia jadi begini adalah hasil daripada program yang lain. Cuma salahnya sikit kerana dia menyokong Pas, itu sahaja salahnya sedikit, itu tidak kena, yang lain-lain saya rasa alhamdulillah dengan sistem pendidikan kita. Ini yang kita berusaha hendak membetulkan Wakil-wakil Pas ini Dato' Yang di-Pertua, gelecah sikit di situ barangkali.

10 April 1996

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, tertanjur menyebut pandangan daripada Wakil Rakyat Ladang, Wakil Ladang sukalah saya menyebut satu perkara yang ditimbulkanya pengambilan balik tanah untuk pembangunan di kawasan Pak Bang, Dusun Melintang, Pak Pa dan lain-lain lagi yang berjumlah sebenarnya 1,000 ekar. Jadi pembangunan tanah 1,000 ekar ini dibahagi kepada dua fasa, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, termasuk kawasan Bukit Besar hingga ke Simpang Tok Ku melibatkan 500 ekar. Siasatan oleh Pegawai Petempatan sedang berjalan 95% dijangka akan berakhir pada akhir April ini. Fasa yang kedua, termasuk kawasan Mukim Gelugur dan selebihnya proses pengambilan balik tanah belum lagi dimulakan. Pelan Konsep Pembangunan telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Terengganu yang melibatkan Jabatan Agensi Kerajaan, yang melibatkan tapak Masjid Negeri, yang melibatkan Kawasan Perniagaan, yang menyediakan Pusat Perubatan Negeri, yang menyediakan Puser Rakan Muda dan Taman Bandar dan kawasan perumahan. Kerana itu kawasan tersebut dengan proses pengambilan balik tanah yang telah bermula dan akan bermula pada fasa kedua. Permohonan bagi pecah sempadan tanah, tukar syarat tanah, permohonan tanah oleh tuan-tuan tanah di kawasan ini, permohonan tanah baru telah dibekukan sebab atau dengan alasan untuk mengelakkan daripada berlaku spekulasi harga tanah, untuk mengelakkan perecanggahan pembangunan tanah di antara konsep pelan yang dirancang dengan permohonan-permohoran dari orang-orang perseorangan, Dato' Yang di-Pertua.

Sekali lagi Dato' Yang di-Pertua, bercakap berhubung dengan pendidikan dan pembangunan Negeri Terengganu secara keseluruhannya. Saya ingin menafikan pendapat Wakil Alur Limbat yang mengafatkan akhir-akhir ini barisan pimpinan Negeri Terengganu lemah, kerana lemahnya 'bargaining power' atau mungkin barangkali kerana projek-projek yang sepatutnya yang kita minta datang ke Terengganu tetapi tidak datang, pergi ke tempat lain tapi telahpun diberi penerangan oleh sahabat-sahabat saya tadi. Sukalah saya meyakinkan Wakil Alur Limbat bahawa barisan kepimpinan Terengganu semakin lama semakin kuat. Pilihanraya 1990 dengan Pilihanraya 1995 mencerminkan dan menceritakan hal itu. Kedudukan Pas semakin lemah, kedudukan UMNO/Barisan makin kuat. Tapi tidaklah baik kalaulah Yang Berhormat atau siapa sahaja yang bercadang untuk melaga-lagakan pemimpin-pemimpin Terengganu dengan pemimpin-pemimpin Persekutuan sebab saya percaya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Pembangkang juga bersetuju bahawa seberapa boleh kita rapat dan mesrakan hubungan pemimpin-pemimpin negeri dengan pemimpin-pemimpin persekutuan yang datangnya dari parti yang sama apatah lagi pemimpin-pemimpin negeri, pemimpin-pemimpin persekutuan yang datang dari parti yang berlainan, Dato' Yang di-Pertua. Tidak ada sebab mengapa kita patut adu-dombakan mereka ini.

Dan kerana itu saya sukalah dengan rasa bangga berdasarkan pembangunan dan Program Pendidikan Negeri Terengganu walaupun timbul kekecewaan beberapa orang, daripada beberapa orang Wakil Pembangkang hendak menyatakan di sini sekali lagi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam pemerhatian saya sekarang atau setidak-tidaknya dalam 5 - 10 tahun yang

10 April 1996

akhir ini sudah terdapat dengan jelas anak-anak Negeri Terengganu, orang Negeri Terengganu yang dijumpai di Kuala Lumpur ataupun duduk di Kuala Lumpur telah berani, telah bangga merasakan bahawa mereka orang Terengganu tidak seperti tahun-tahun lepas. Sudah ramai orang Terengganu membawa kereta di dalam Kuala Lumpur, ada setengah-setengahnya lebih pantas, lebih efisien pemanduannya daripada orang Kuala Lumpur sendiri. Cuma dalam hal ini saya rasa dukacita kerana ada dua - tiga orang daripada Parti Pembangkang yang masih merasakan dia perlu, dia perlu menyebut hal-hal Kelantan dan malu hendak mengaku dirinya anak Terengganu, Dato' Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang saya rasa saya tidak tahu nak sebut atau patut disekolahkan balik orang-orang yang seumpama ini ...(KETAWA & TEPUKAN)...

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

USUL INI KEMUDIAN DIHADAPKAN KEPADA MESYUARAT DAN
DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

USUL INI DITERIMA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 3.00 petang ini.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.50 TENGAH HARI.

10 April 1996

Pukul 3.00 petang

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat sambung semula.

Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri
Bagi Tahun 1996

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan Pemerhati-pemerhati sekalian.

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1996 Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang ketiga daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 1996 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-

JADUAL

<u>Maksud</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Tambahan</u> <u>RM</u>
P.02	Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	9,500,000.00
	JUMLAH :	----- 9,500,000.00" =====

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat sekalian, usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan -

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Assalamualaikum warahmatullahi wabatokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua,
Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan.

Saya cuma nak memperingatkan Dewan dan Kerajaan di dalam permohonan tambahan yang kita sentiasa disuakan dengannya untuk mendapat kelulusan. Tadi kita telah bincang bahawa perlunya kemudahan-kemudahan asas dan mengapa masyarakat memerlukan kepada kemudahan-kemudahan asas ini iaitulah tempat berteduh, tempat yakni rumah, jalan yang menjadi laluan, perparitan dan saliran yang menjadikan mutu kesihatan penduduk meningkat yang dihajatkan oleh kita. Dalam permasalahan ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin dengan izin, membaca sedikit sedutan di dalam Pentadbir ataupun Pengawal butiran kewangan Membelanja Dan Memohon Belanja Tambahan, dengan izin, Dato' Yang di-Pertua -

"Dalam tahun 1994 peruntukan sebanyak RM286.53 juta diluluskan untuk membiayai 731 projek pembangunan negeri. Walau bagaimanapun sebanyak 649 projek melibatkan perbelanjaan sebanyak RM179.62 juta atau 62.69% telah dilaksanakan. Semakan terhadap kawalan perbelanjaan tersebut menunjukkan perkara-perkara berikut:-"

Inilah peringatan yang ingin saya kemukakan kepada Dewan dan Kerajaan untuk kita jadikan panduan baginya. Peruntukan akhir bagi 82 projek di bawah 13 kepala perbelanjaan berjumlah RM24.23 juta tidak dibelanjakan langsung. Antaranya ialah projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah dan pembinaan jalan dan jambatan. Jadi mana dia justifikasi permohonan tambahan ini dan mengapa observasi ataupun pemerhatian yang dibuat yang menumpukan kepada kegagalan perbelanjaan bagi infrastruktur yang sangat dan penting bagi penduduk. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ada lagi Yang Berhormat hendak bercakap? Tidak ada saya minta pihak Kerajaan menjawab.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Wakil Batu Buruk yang telah memperingatkan tentang perkara itu. Sebenarnya Perumahan Awam Kos Rendah 1994 yang tidak dapat dilaksanakan itu kerana kelewatan, tapak dan juga tender dan sebagainya. Namun demikian, suka saya jelaskan bahawa peruntukan yang dipohon pada tahun ini sebanyak RM9.5 juta adalah melibatkan skim-skim perumahan awam kos rendah yang secara kebetulannya sebenarnya melibatkan kesilapan semasa dimasukkan di dalam peruntukan semasa dimasukkan di dalam komputer ianya tidak dimasukkan, tertinggal. Memang ada dalam perancangan kita pada awal tetapi semasa 'keep-in' dengan izin, Dato' Yang di-Pertua, di dalam

10 April 1996

komputer tertinggal satu muka surat iaitu kita masukkan kembali. Itu sahaja kedulukannya, terima kasih.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

10 April 1996

RANG UNDANG-UNDANG

Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri
(Pindaan) 1996
(R.E. Bil.1/1996)

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya **Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990** dibaca bagi kali yang pertama, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

RANG ENAKMEN INI DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya **Rang Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri Pindaan 1996** dibaca bagi kali yang kedua. Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990 (*kemudian daripada ini disebut sebagai "Enakmen"*).

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang tujuan meminda seksyen 1 teks Bahasa Inggeris dengan memasukkan perkataan "Enactment" selepas perkataan "Fund".

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 4 Enakmen dengan menggantikan seksyen baru 4, 4A, 4B, 4C dan 4D.

Seksyen 4(1) bertujuan memberi entiti dan apa-apa kuasa yang dimanfaati oleh sebuah perbadanan yang diperbadankan. Dengan wujudnya peruntukan ini apa-apa kepentingan Tabung Amanah Warisan terletak hak kepada Lembaga.

Subseksyen 2 (a), (b), (c), (d), (e) dan (f) bertujuan memantapkan komposisi keanggotaan Ahli Lembaga.

10 April 1996

Subseksyen 3 membenarkan seseorang yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri (*kemudian daripada ini disebut "Lembaga"*) menurut subseksyen 2 (c) dan (f) untuk memegang jawatan bagi tempoh dua tahun melainkan dia meletakkan jawatannya sebelum itu atau perantikannya dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri tetapi ia bolehlah dilantik semula apabila tamat tempoh perantikannya.

Seksyen 4A memperantukkan kourum Lembaga kepada 5 orang.

Seksyen 4B(1) membolehkan mesyuarat Lembaga dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi masa ketiadaan Pengerusi dan subseksyen 2 membolehkan anggota yang hadir di mesyuarat lembaga memilih salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat masa ketiadaan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

Seksyen 4C memperuntukkan supaya apa-apa persoalan yang berbangkit di Mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan dengan suara majoriti dan sekiranya jumlah undi sama banyak, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi mengikut mana yang berkenaan berhak mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

Seksyen 4D(1) dan 4D(2) mengatakan mengenai perantikan Setiausaha dan fungsinya.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 6 Enakmen dengan menggantikan dengan Seksyen 6 baru untuk membolehkan wang dalam kredit Tabung selepas 5 tahun Enakmen ini berkuatkuasa, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri digunakan dalam pelbagai pelaburan ke arah memajukan infrastruktur bagi faedah Negeri.

5. *Fasal 5* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Seksyen 7 Enakmen memasukkan subseksyen 1 (ea) dan (eb). Subseksyen tersebut membolehkan Lembaga melabur wang yang ada dalam kredit Tabung dalam mana-mana harta alih dan tak alih atau dalam mana-mana projek skim enterpris, perdagangan, ekonomi atau perindustrian berfaedah kepada Tabung.

6. *Fasal 6* Rang Undang-Undang ini bertujuan mewujudkan seksyen baru 7A dan 7B selepas seksyen 7 Enakmen.

Seksyen baru 7A (a) memberi kuasa kepada Lembaga dari masa ke semasa untuk Lembaga menubuh suatu perbadanan atau badan-badan lain untuk melaksanakan tujuan-tujuan Tabung dan subseksyen (b) membolehkan perbadanan dan badan-badan tersebut melaksanakan tujuan-tujuan berkenaan dengan mana-mana badan atau orang perseorangan.

Seksyen baru 7B memberi kuasa kepada Lembaga melantik Pengurus Pelaburan bertujuan menasihati Lembaga berhubung dengan perkara-perkara bersangkutan dengan pelaburan aset-aset Tabung.

10 April 1996

7. *Fasal 7* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Enakmen dengan memasukkan seksyen baru 13A, 13B dan 13C.

Seksyen baru 13A memberi kuasa kepada Lembaga untuk menubuh jawatankuasa bagi membantu menjalankan tujuan-tujuan Tabung.

Seksyen baru 13B adalah berhubungan dengan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 (Disemak 1978) kepada mana-mana tindakan dan sebagainya terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, kakitangan atau ejen Lembaga bagi apa-apa perbuatan, kecuaiian, pelanggaran atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya sedemikian.

Seksyen baru 13C(1) memperuntukkan mana-mana ahli Lembaga adalah tidak bertanggung kerana apa-apa kerugian yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh sebarang pelaburan yang dibuat menurut Enakmen kecuali kerugian itu terjadi akibat daripada kecuaiannya yang disengajakan atau fraudnya.

Subseksyen (2) memperuntukkan bahawa ahli Lembaga mana-mana kakitangan atau orang yang bertindak menurut kuasa Lembaga adalah tidak bertanggung sendiri terhadap apa-apa tindakan atau prosiding bagi apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang dilakukan atau ditinggalkan dengan *bona fide* pada menjalankan atau dipercayai menjalankan mana-mana hak atau kuasa Lembaga atau ahli-ahlinya.

8. *Fasal 8* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meletak hak segala harta alih dan tak alih serta aset-aset yang diberikan kepada Tabung sebelum Enakmen ini berkuatkuasa kepada Lembaga.

9. *Fasal 9* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk penerusan kuasa, keputusan dan sebagainya hak oleh Tabung sebelum Enakmen ini berkuatkuasa kepada Lembaga.

10. *Fasal 10* Rang Undang-Undang bertujuan untuk penerusan suratikatan dan perjanjian dan sebagainya yang wujud sebelum Enakmen ini berkuatkuasa yang menyentuh harta Tabung kepada Lembaga.

11. *Fasal 11* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa segala perbuatan dan transaksi yang dilakukan oleh Tabung atau Pemegang Amanah Tabung sebelum Enakmen ini berkuatkuasa dianggap sebagai sentiasa dilakukan dan dianggapkan seperti dilakukan oleh Lembaga.

10 April 1996

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Sekian, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka kepada perbahasan. Sila Yang Berhormat Bukit Besi.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang di-Pertua, sambil menyokong Usul pindaan kepada Enakmen Tabung Amanah Warisan Terengganu ini, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang peka dengan hal-hal kewangan dan kebajikan rakyat di Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memsakan pindaan dan insya-Allah akan diuluskan sekejap lagi adalah satu-satunya pindaan yang kena pada masa dan tempat. Hatta ibu Enakmen ini dibuat dalam tahun 1990 ataupun Tabung Warisan ini lahir menerusi Enakmen Bilangan 2 tahun 1990 yang antara lain sebab lahirnya Enakmen itu ialah sebagai langkah "menyediakan payung sebelum hujan". Kerana apabila negeri kita dapat nikmat kurniaan Allah S.W.T. menerusi hasil minyak, rezeki hasil negeri bertambah dari setahun ke setahun sejak minyak ditemui di laut Terengganu ini. Apabila Tabung Warisan ini ditubuhkan yang Jimestikan kepada Kerajaan supaya mencurumkan 15% daripada hasil minyak setiap tahun ataupun RM30 million atau mana yang lebih tinggi maka kita merasakan bahawa ini adalah merupakan satu langkah yang terlalu bijaksana. Ramai orang mengatakan bahawa Kerajaan membelanjakan hasil minyak ini dengan tidak menentu sehingga ada orang mendakwa bahawa "negeri kita kaya rakyat miskin". Tetapi ternyata apabila lahirnya Tabung Warisan dalam tahun 1990 itu dakwaan-dakwaan yang dibuat ini khususnya oleh parti lawan sama ada Pas ke atau parti sebelum ini 46 dakwaan-dakwaan mereka ternyata meleset dan tidak betul sama sekali. Kerana apa yang Kerajaan buat hasil daripada sumber minyak ini selain daripada membangunkan sekolah-sekolah agama, membuat apa juga infrastruktur yang diperlukan oleh rakyat di dalam Negeri Terengganu ini maka disimpan wang ini di dalam

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, saya meminta rujuk di bawah seksyen mana yang dia sedang tuju ucapannya itu Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Baru lagikah jadi Yang Berhormat ni, tak tahu? Kan kita bincang mengenai Enakmen ini. Enakmen inilah. Tak reti?

Dato' Yang di-Pertua, jadi apabila Tabung ini ada, kita masukkan wang hasil daripada minyak ke dalam tabung dengan matlamat dan tujuan jangka panjang di sinilah nampaknya bijaksana dan hikmah Kerajaan dan pimpinan di negeri kita ini di dalam menyelenggarakan hal-hal kewangan dan hasil mahsul negeri kita.

Dato' Yang di-Pertua, apabila kita menyebut fasal persediaan-persediaan yang dibuat di dalam tabung ini memang kita rasa yakin pengalaman Bukit Besi di satu waktu Bukit Besi satu-satunya sumber ekonomi negeri pada waktu itu. Barangkali waktu Bukit Besi berada di zaman gemilangnya tidak ada orang yang menyangka bahawa Bukit Besi satu waktu akan ditutup. Dan Bukit Besi ditutup, rakyat Terengganu hampir-hampir 'suffer' atau merana seketika. Tetapi Dato' Yang di-Pertua, hal ini kalau kita tidak mengambil satu langkah yang bijaksana seperti yang Kerajaan buat pada hari ini dan pada masa-masa yang akan datang sudah tentulah peristiwa Bukit Besi yang kedua akan berlaku kepada minyak di negeri kita. Aset minyak di negeri kita ataupun deposit minyak tidak dapat siapa yang menyangka. Tahun mana, bulan mana, abad mana ia akan berhenti dia akan putus, dia akan pupus daripada lautan kita. Tetapi yakin dan percayalah walau pun ianya tidak sedekat itu ada orang berkata bahawa dalam jangka waktu 60 tahun ataupun 100 tahun tetapi satu waktu ia akan habis. Bila kehabisan minyak di laut Terengganu, apakah punca rezeki lain sebagai alternatif untuk menyenangkan dan menyelesaikan rakyat dalam negeri kita ini. Jadi langkah menubuhkan Tabung Warisan untuk mengambil sedikit daripada sebahagian daripada hasil minyak untuk sebagai persediaan kepada kesejahteraan rakyat di Negeri Terengganu ini adalah sesuatu yang bijak.

Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ataupun Enakmen Bil.2/90 ada 15 fasal. Walaupun dia ada 15 fasal barangkali kedapatan perkara-perkara yang boleh menjadikan perjalanan Tabung tidak berapa 'lendit', tidak teratur. Makanya saya melihat pindaan yang dibuat pada hari ini walaupun hanya 11 fasal tetapi ianya mencangkupi sebagai pemangkin kepada akta ibu ataupun Enakmen asal yang ada di hadapan kita semua. Daripada fasal pertama sampai fasal 11 pindaan ini sebagaimana yang disebut tujuannya oleh pembawa Usul baru sekejap, saya yakin dan percaya ianya boleh menjadikan tabung ini sebagai satu tabung yang betul-betul boleh menyakinkan, boleh memberi manfaat kepada rakyat negeri Terengganu. Kalau dulu dalam akta ibu dia tidak memperuntukkan peruntukan-peruntukan yang membolehkan Tabung berniaga secara langsung tetapi dalam pindaan ini alhamdulillah sudah ada fasal-fasal yang memberi peruntukan kepada tabung untuk berniaga secara direct. Apalagi lah kalau kita

10 April 1996

melihat kepada fasal yang akhir sekali, fasal 11 hanya memberi keesahan kepada transaksi-transaksi awal Tabung yang walaupun sedikit sebanyak boleh meragukan parti lawan. Insya-Allah dengan adanya, lulusnya pindaan ini syak wasangka dan sebagainya daripada ramai orang akan terhapus, insya-Allah. Dato' Yang di-Pertua tidak payah saya menyebut matlamat tujuan dengan secara detail, baru sekejap sudah disebut dan di dalam pindaan dalam rang ini sendiripun ada matlamat tetapi apa yang saya nak lanjutkan sedikit lagi Dato' Yang di-Pertua sebagai cadangan saya di dalam menyokong usul ini supaya tabung ini dengan pindaan ini insya-Allah tabung akan boleh melabur dalam mega projek di dalam negeri juga di luar negeri ataupun di dalam negara juga di luar negara, yang pertama, Dato' Yang di-Pertua.

Yang kedua, pada pandangan saya Tabung boleh melibatkan diri dalam projek-projek ekonomi tiga segi timur yang melibatkan Terengganu, Siam Timur dan Vietnam ataupun empat segi timur pergi luaskan sikit, Terengganu, Filipina, Siam Timur dan Vietnam yang satu waktu sudah diura-urakan sebagai projek tiga segi selatan dan tiga segi utara. Dato' Yang di-Pertua.

Yang ketiga, saya juga berpendapat bahawa Tabung boleh menjadi payung kepada kontraktor-kontraktor kecil di dalam negeri Terengganu dengan memasuki tender-tender yang besar dan dibahagi kepada kontraktor-kontraktor kecil.

Dan yang keempat, Dato' Yang di-Pertua, Tabung boleh mengetuai misi-misi dagang ke luar negara dengan membawa usahawan-usahawan ataupun pelabur-pelabur tempatan dengan bermatlamatkan pendedahan ataupun exposure kepada business luar negara. Dato' Yang di-Pertua, sedikit ingatan kepada Tabung yang akan kita perlengkapkan dengan pindaan Enakmen pada hari ini ialah Tabung hendaklah memastikan pengurusan beroperasi dengan baik. Ingatan saya juga kepada Tabung jangan jadi saingan dengan kontraktor-kontraktor kecil. Jangan nak orang kecil-kecil dalam negeri Terengganu buka bata, Tabungpun nak buka kilang bata, 'is useless'.

Dan yang kelima, Dato' Yang di-Pertua, pengurusan Tabung hendaklah mempunyai kejujuran, kita tidak mahu kisah Perwaja II, berlaku lagi ataupun akan berlaku dalam Tabung Amanah Warisan Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakil Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para hadirin sekalian.

Pertama-tamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri Pindaan 1996.

10 April 1996

Pertama-tamanya Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian dan meminta penjelasan berhubung dengan penggunaan perkataan 'perbadanan' pada fasal 3 seksyen 4(1) yang menyebut 'bagi maksud enakmen ini maka hendaklah ditubuhkan suatu perbadanan yang dikenali sebagai Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri' sehinggalah akhir seksyen tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Minta ulang balik Yang Berhormat, seksyen berapa?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan fasal 3 Dato' Yang di-Pertua, subseksyen 2(a), (b), (c), (d), (e) dan (f) yang bertujuan untuk memantapkan komposisi anggota ahli Lembaga. Seksyen 2(f) di mana tidak lebih daripada 4 orang lain yang mempunyai pengalaman luas dalam perniagaan atau kewangan yang dilantik oleh Pihak Bberkuasa Negeri. Apa yang saya ingin ingatkan, Dato' Yang di-Pertua, ialah mereka yang akan dikantik ialah ahli korporat, tokoh perniagaan yang jujur, yang ikhlas, yang memainkan peranan secara bersungguh-sungguh untuk memajukan Tabung Amanah Warisan Negeri yang berani dan tidak tunduk kepada tekanan dan kepentingan politik mana-mana pihak dan individu terutamanya kepada Yang Amat Berhormat selaku Pengerusi Tabung dan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan yang disebut sebagai Timbalan Pengerusi kepada Tabung Amanah ini. Saya sebutkan perkara ini kerana Dato' Yang di-Pertua kerana saya dapati pada masa-masa yang lepas banyak urusniaga Tabung Amanah ini berbentuk 'capital game' dengan izin, Dato' Yang di-Pertua yang bermodalkan tanah dan bukannya 'income generator investment' dengan izin iaitu pelaburan yang menghasilkan pendapatan. Peringatan ini juga saya tekankan kerana pengalaman-pengalaman yang lepas jugak kita dapati pegawai-pegawai kerajaan dan mereka-mereka yang berada dalam kerajaan tidak akan berani mempersoalkan kehendak Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Pengerusi kepada Lembaga Tabung ini dan akhirnya akan menjejaskan pentadbiran Lembaga ini. Contoh yang saya ingin sebut sebagaimana berlaku yang saya rasakan ramai jugak yang telah ketahui berhubung dengan seorang tokoh perniagaan yang diberi amanah untuk memegang jawatan sebagai Ketua Eksekutif PTB (Unit Trust Bhd.) yang saya rasa ada kebolehan tetapi payah untuk tunduk kepada individu tertentu akhirnya berhenti dan beliau berkira-kira, saya difahamkan ingin menuntut imbuhan hasil daripada perletakan jawatan tersebut. Jadi apalah gunanya kita melantik profesional atau tokoh-tokoh korporat tetapi kita tidak mahu mendengar nasihat ataupun pandangan mereka. Begitu juga dengan subseksyen 2(e) berhubung dengan dua orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang menduduki Lembaga Tabung ini, kalau boleh biarlah kita cari ataupun kita kenalpasti di kalangan Ahli-ahli Majlis ataupun EXCO yang tahu sedikit dalam bidang ekonomi dan reti sikit jaga duit, reti sikit cari duit kerana ada juga EXCO yang jaga syarikat tapi mengalami kerugian dari masa ke semasa sepertimana saya sebut contoh semalam, Syarikat D'Cakna.

10 April 1996

Yang seterusnya Dato' Yang di-Pertua, fasal 4, Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 6 enakmen dengan menggantikan dengan seksyen 6 yang baru untuk membolehkan wang dalam kredit tabung selepas 5 tahun enakmen ini berkuatkuasa dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri digunakan dalam pelbagai pelaburan ke arah memajukan infrastruktur bagi faedah negeri. Dato' Yang di-Pertua, saya tidak nampak apa rasionalnya seksyen ini perlu dipinda kerana lembaga sudah ada bidang kuasa yang luas untuk membuat pelbagai jenis pelaburan. Apa yang saya nampak semacam ada niat yang tak berapa comei selepas 5 tahun enakmen ini berkuatkuasa penggunaan Wang Tabung Amanah Warisan Negeri

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Ini merupakan kenyataan prejudis daripada Wakaf Mempelam. Saya minta dia kemukakan pandangan dia secara yang sebenarnya bukan membuat andaian-andaian.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, seperti belanja pembangunan infrastruktur. Saya nak beri contoh pengalaman kita untuk memajukan Pulau Redang, di Pulau Redang kerajaan membuat dan ada berapa usaha untuk membangunkan infrastruktur buat 'Airstrip' dengan izin, Dato' Yang di-Pertua, memasang paip air di dasar laut untuk kegunaan bekalan air bersih, bina jeti di Merang dan di Pulau Redang. Sekali imbas kita kata rampak untuk orang ramai tetapi hakikatnya untuk manfaat pemaju Redang Island Resort. Jadi kita tidak mahu menggunakan wang untuk pembinaan infrastruktur tetapi tidak mendatangkan hasil secara langsung kepada pelaburan yang dilakukan oleh Lembaga Tabung Amanah ini, Dato' Yang di-Pertua. Kata orang 'ada udang sebalik batu' tapi saya rasa 'ada udang sebalik mee' dia makan mee dengan udang-udang sekali.

Fasal 8, Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meletakkan hak, segala harta alih dan tidak alih serta aset-aset yang diheri kepada Tabung sebelum enakmen ini berkuatkuasa pada Lembaga. Semua harta sama ada harta alih atau tak alih yang sebelum sahaja enakmen ini berkuatkuasa terletak hak di atas nama Tabung bagi faedah tabung hendaklah pada tarikh enakmen berkuatkuasa dengan tidak payah dipindah milik atau dipindah hak menjadi harta benda Lembaga. Saya terbaca Laporan Ketua Audit Negara Tahun 1993, para 31 pada muka surat 14, ada menyebut Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bahawa harta-harta Perbadanan Menteri Besar dipindah untuk ditadbir oleh Tabung Amanah Warisan. Bila pindah harta kena daftar semula mengikat Kanun Tanah Negara (National Land Code) dengan izin. Dato' Yang di-Pertua. Para 32 muka surat 14, muka surat yang sama, Ketua Audit Negara menyatakan semenjak dengan izin Dato' Yang di-Pertua, saya baca Dato' Yang di-Pertua; "Semenjak Perbadanan Menteri Besar ditubuhkan PNB tidak mengemukakan Penyata Kira-kira untuk diaudit. Perkara ini telah mendapat perhatian Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri tetapi setakat ini tindakan menyediakan dan mengemukakan Penyata Kira-kira Perbadanan masih belum dibuat". Dan perkara ini disebut sekali lagi dalam Laporan Ketua Audit Negara yang diedarkan pada sidang Dewan ini, kali ini, Laporan 1994 para 8 muka surat 2, kita tidak mahu

10 April 1996

sebarang saksí yang dilakukan bercanggah dengan peraturan yang kita sendiri tetapkan. Biarlah transaksi yang dilakukan itu mengikut peraturan sepatutnya segala kepincangan dan kelemahan dalam Perbadanan Menteri Besar yang dilakukan oleh Dato' Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku orang yang berkuasa mutlak mengikut Enakmen PNB tidak berulang dalam Tabung Amanah Warisan Negeri. Dan saya juga masih ingat lagi beberapa tahun yang lepas Dato' Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri telah berjanji dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan laporan bertulis berhubung dengan prestasi PNB ini tetapi sehingga hari ini masih belum ada dalam laporan tersebut.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang saya hendak sentuh dan akhir sekali saya baca kedua-dua Rang Undang-undang iaitu Tabung Amanah Negeri dan jugak Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama yang akan dipinda jugak sekejap lagi saya dapati bagi Enakmen Tabung Warisan ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar dicadang sebagai Pengerusi disebut sebagai Pengerusi dan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan sebagai Timbalan Pengerusi tetapi Enakmen Pentadbiran Agama, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga selaku Pengerusi tetapi EXCO Agama sebagai Timbalan Pengerusi. Saya nampak semacam tidak ada konsisten seolah-olah bab juga pitih ini tidak percaya sesama sendiri. Sekian wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan.

Sebelum saya menjelajah sedikit berhubung dengan penting dan mustahaknya dan apakah ertinya Tabung Amanah Warisan ini kepada rakyat Negeri Terengganu, inginlah saya membuat beberapa pemerhatian ke atas Enakmen yang hendak diluluskan dalam sesi Mesyuarat Dewan pada hari ini. Yang pertama, Dato' Yang di-Pertua, saya merasakan pindaan yang dibuat ini perlu melihat secara keseluruhan apakah kekurangan-kekurangan yang sedia ada pada enakmen induk ini. Berkenaan dengan seksyen 8, 'vesting of property' atau pun meletakkan nama pada harta. Adakah Enakmen Induk mempunyai kuasa lembaga untuk memegang dan menamakan diri sebagai pemilik harta? Saya meneliti enakmen asal tidak ada. Yang kedua, hak untuk memiliki harta tak alih juga tidak ada. Yang ketiganya, corporation ataupun perbadanan memerlukan 'commonseal' dan juga saya lihat bahawa dalam permasalahan ini tidak ada peruntukan mengenai commonseal dan kegunaan commonseal dalam perkara-perkara yang tertentu. Oleh itu saya mengharapkan supaya Ahli EXCO yang bertanggungjawab menilai semula enakmen ini untuk kita tidak datang berkali-kali semata-mata untuk meminda satu dua point yang perlu. Dato' Yang di-Pertua, yang keempatnya, perbadanan samalah seperti mana syarikat yang diperbadankan dengan izin 'incorporated companies' yang mempunyai 'legal identity', dengan izin, mempunyai identiti legalnya yang tersendiri mestilah juga mempunyai hak

10 April 1996

untuk menyaman dan disaman di atas nama siapa? Nama lembaga, nama apa? Ini pra-syarat kepada pertubuhan ataupun incorporation nama-mana perbadanan Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Yang di-Pertua, yang jelas satu perkara lagi kepada seksyen baru 6 iaitulah berkenaan dengan pindaan ataupun tambahan kepada seksyen 7A. Yang ini saya rasa perkara yang tidak besar, boleh kita buat dalam jawatankuasa kerana Perbadanan Tabung Warisan ini tidak berhak untuk menubuhkan mana-mana perbadanan lain kerana mengikut Undang-undang Perlembagaan: 'Perbadanan yang ditubuhkan oleh negeri ataupun negara di bawah enakmen ataupun akta. Mana-mana perbadanan yang ditubuhkan boleh menubuhkan syarikat-syarikat ataupun anak syarikat tetapi bukanlah dia boleh menubuhkan perbadanan yang sama tarafnya yang mestilah mempunyai yang hak bagi menubuhnya ialah negeri melalui enakmen'. Tetapi yang ini saya rasa kita boleh perbetulkan tidaklah begitu serius.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit apa yang telah disentuh oleh Wakil Wakaf Mempelam tadi berhubung dengan pindaan iaitulah seksyen 4 pindaan kepada seksyen 6 baru. Kalau kita lihat peruntukan yang sedia ada seksyen 4(1) telah pun meliputi segala bidang jenis aktiviti-aktiviti yang dijangkakan penting dan mustahak bagi kepentingan lembaga, mengapa perlunya diadakan satu lagi seksyen yang tertampu terus kepada wang yang lebihan dalam simpanan 5 tahun selepas kuatkuasa enakmen ini boleh digunakan bagi tujuan Pembangunan Perbekalan Air untuk kepentingan negeri dan juga aktiviti-aktiviti ke arah memajukan infrastruktur commerce dan industry housing kerana ini Dato' Yang di-Pertua, bukannya fungsi dan badan, bukannya fungsi dan tanggungjawab yang selayaknya diletakkan ke atas lembaga ataupun Tabung Warisan ini. Kita hendaklah faham kenapa dan apakah rohnya penubuhan Tabung Warisan ini. Dato' Yang di-Pertua, mengikut Enakmen 15% ataupun RM30 juta daripada hasil royalti petroleum dan gas yang diperolehi setiap tahun mengikut yang mana yang lebih besar hendaklah diwajibkan dicarumkan ke dalam Tabung ini untuk tujuan generasi akan datang. Bila kita memikirkan untuk generasi akan datang, maka dengan sendiri pentadbir kepada Tabung ini kita yang berada dalam Dewan yang mulia ini, yang membuat keputusan baginya mempunyai satu amanah, amanah kepada pewarisan generasi yang akan datang. Kalaulah kita sendiri sebagai orang yang beriman, beragama tidak mahu mencampuradukkan antara yang hak dengan yang bathil, antara yang halal dengan yang haram. Kenapa Tabung ini, kenapa enakmen ini tidak membuat sesuatu sekatan kepada kuasa melabur di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak. Ini saya merasakan dan menyarankan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, suatu perkara yang paling penting dan perlu sebagai Penjaga Amanah dan Pemegang Amanah kepada Pewaris yang akan mewarisi Negeri kita ini. Satu lagi aspek Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebagai Tabung yang mementingkan generasi akan datang, yang difikirkan bahawa perolehan daripada royalti petrol dan gas ini, sumber-sumber yang akan kehabisan, maka kita kena fikirkan juga bahawa tidaklah keseluruhan perolehan yang ada ditangan dilaburkan tanpa memikirkan jaminan kestabilan dan keuntungan serta kesinambungan dana yang ada pada tabung itu sendiri. Oleh itu adalah wajar dan saya menyarankan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua supaya dalam

10 April 1996

kita menguruskan pelaburan ini, sama ada 40% ataupun 50% mengikut yang mana difikirkan oleh Jawatankuasa ataupun Lembaga yang lebih munasabah, hendaklah dilaburkan dalam pelaburan-pelaburan yang tidak mempunyai 'risk' dengan izin ataupun jangkaan kerugian yang jelas sepertimana yang berlaku kepada Bank Negara, yang kehilangan berbilion duit yang melaburkan wang simpanan kepada pelaburan wang asing. Oleh itu, ini adalah suatu peringatan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua sebagai pengamanah kepada tabung ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, mengikut laporan yang kita terima, empat tahun berturut-turut, perolehan daripada royalti minyak dan petrol ini mengalami defisit ataupun penurunan dengan izin -

1991 - 9.53 juta,
1992 - 59.82 juta,
1993 - 55.35 juta,
1994 - 68.28 juta,

sekaligus Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, penurunan ataupun kekurangan yang diperolehi melalui royalti ini akan menjejaskan dana bagi Perbadanan Tabung Warisan ini. Dan inilah antara jangkaan-jangkaan yang mesti dilihat dari sudut amanah yang ada pada kita tadi. Sekiranya pelaburan yang tanpa had di dalam bidang-bidang ruang perniagaan yang juga tanpa had, maka sudah tentulah tabung ini akan terdedah dengan beberapa kesulitan kewangan yang tidak ada tempat untuk mengadunya, Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan, saya meneliti Laporan Tabung Warisan yang dikemukakan sebagai Kertas 10/96 dengan izin di muka 8, paragraph 4 - "Syarikat-syarikat Bersekutu Jasa Merin, Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., Kijal Resort Sdn. Bhd.," saya ingin menyentuh dua syarikat, walaupun pernah saya sentuh terdahulunya tetapi saya merasa kecewa sungguh hampa, kerana tidak ada pembetulan pembaikan ke atas teguran yang telah saya kemukakan di dalam Dewan-dewan yang lepas.

Dato' Yang di-Pertua, Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., di dalam Dewan yang lepas kita bertanya berapakah kerugian terkumpul? Jawapannya RM325 juta, lebihkurang. Saya mengemukakan bahawa angka itu tidak tepat, ianya lebih daripada RM2 bilion. Mereka katakan saya menfitnahkan. Hari ini telahpun diisytiharkan RM2.5 bilion Perwaja Steel yang mana Tabung Warisan mempunyai 19% kos di atas ekuitinya RM126 juta. Walaupun tanggungan ataupun 'liability' dengan izin, Tabung Warisan hanyalah terhad kepada sahamnya tetapi modal yang kita laburkan RM126 juta ke mana perginya? Suatu peringatan supaya apa yang diamanahkan ini dapat dikendalikan secara profesional dan sekaligus Dato' Yang di-Pertua saya ingin menyarankan supaya apa yang kita lihat kepada komposisi Lembaga yang dikemukakan ini hendaklah dinilai dan difikir semula supaya mereka-mereka yang mempunyai pengetahuan yang pakar di dalam perniagaan commerce dan industri dijadikan mereka-mereka yang bertanggungjawab. Dan sebagai Setiausaha juga hendaklah dilantik orang yang mempunyai

10 April 1996

kepakaran 'Professional Secretaries' kerana bila kita sampai ke tahap 'corporate' ataupun perniagaan yang canggih, maka tidak ada mereka yang tidak mempunyai kepakaran dapat mengendalikannya dengan sempurna.

Yang Kedua Dato' Yang di-Pertua, Kijal Resort Sdn. Bhd., saya ingin mengulangi apa yang pernah saya katakan, lebih kurang 568 ekar tanah yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Tabung Warisan yang dijadikan ekuiti untuk usahasama di dalam Kijal Resort Sdn. Bhd., 260 ekar tanah ini ialah tanah yang pernah diambil balik daripada Kijal Resort oleh Kerajaan Negeri Terengganu yang dibayar oleh PTD, dengan harga RM9,000 satu ekar di atas rayuan rajuan tanah, harga ini dinaikkan kepada RM21,000 dan harga ini ialah pada tahun 1982. Penyertaan Tabung Warisan ke dalam Kijal Resort ialah 1994 yang pada ketika itu dengan 313 ekar lagi tanah yang diberi kepada Tabung Warisan menjadikan 268 ekar tanah, harga nilai pada masa itu, harga pasaran pada masa itu setempat ialah lebih kurang RM70,000.00 hingga RM100,000.00 satu ekar tetapi apa yang dinilai dari sisi 30% ekuiti ialah RM15.270 juta. Ini suatu kajian yang perlu dibuat oleh Pihak Yang Berwajib dan bertanggungjawab. Menjadikan hanya lebih meragukan Dato' Yang di-Pertua, saya membuat dua kali carian dengan Pendaftaran Syarikat-syarikat Malaysia. Yang Pertamanya dengan izin, saya membuat Carian dalam tahun 1994, 5 September, 1994 saham Kijal Resort Sdn. Bhd., ialah 400,000 saham dengan nilai RM1.00 satu saham, pemegang sahamnya Tan Sri Taib Andak - 80,000, Chang Kiaw Nomini Tempatan Sdn. Bhd. - 100,000, Genting Berhad - 220,000 saya tidak percaya kerana di dalam Dewan yang lepas saya bertanya EXCO Pelancongan mengjawab, kita telah mendapatkan ekuiti kita 30% katanya, tak faham lagi ke? Saya buat lagi Carian pada 25 November 1995 kedudukannya Dato' Yang di-Pertua dengan izin

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, kes sultan di bawah perkara apa, pindaan Seksyen mana Dato' Yang di-Pertua, ini hal Kijal Resort?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Para 4 Syarikat-syarikat Berserutu Tabung Warisan. EXCO hendak penjelasan lebih daripada itu, muka 8.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Tetapi kita membalaskan Enakman pindaan, kepada Enakmen tetapi itu sudah jauh dah tu, sudah jauh sangat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, pada 25 November 1995, kedudukan pemilik saham masih lagi sama. Pengarah-pengarah, 3 orang daripada EXCO., Pegawai Kewangan Negeri - 8 Februari, 1994, EXCO Pelancongan - 8 Februari, 1994, rupa-rupa ada saham juga dia. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan - 15 Jun, 1994, tidak ada perubahan. Apa yang hendak saya perjelaskan di

10 April 1996

sini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, yang telahpun saya katakan tadi, kalaulah dalam masa hayat hidup kita ini, kita tidak mahu terlibat dengan makanan-makanan yang haram, maka Tabung Warisan perlu mengulang kaji walaupun keuntungannya menggunung, tetapi keuntungan menggunung itu ke mana akan pergi? Ketua Kerajaan lebih arif daripada saya untuk menjawab berkenaan dengannya. Sama ada rakan kongsi, Chung Kiaw Nomini, Genting Berhad merupakan rakan kongsi yang baik, merupakan modal yang dilaburkan bersama yang baik, tetapi yang mendukacitakan kita sehingga hari ini belum ada satu duit ekuiti yang dikeluarkan kepada Tabung Warisan, Dato' Yang di-Pertua.

Saya kira Dato' Yang di-Pertua itulah secara ringkasnya `observasi' ataupun pemerhatian yang dapat saya memberi peringatan dan saya harap tidak dituduh untuk menghina semata-mata dari hati yang ikhlas sebagai seorang yang bertanggungjawab, wallahualam.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' ENGGU BIJAYA SURIA (Yang di-Pertua): Terima kasih. Ada lagi Yang Berhormat hendak bercakap? Kalau tidak ada, saya jemput Pihak Kerajaan membuat jawapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh, yang telah berucap membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Bagi Meminda Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990, yang dibentangkan di Dewan ini. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua saya mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang telah disebutkan, diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Besi kerana menyatakan sokongan kepada Rang Undang-Undang ini dan juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli daripada Wakaf Mempelam yang memberikan pandangan-pandangan, serta juga Ahli daripada Batu Buruk yang membincangkan soal aspek `legality' kepada Rang Undang-Undang ini. Dato' Yang di-Pertua saya suka `response' kepada satu dua perkara yang penting iaitu Dato' Yang di-Pertua berhubung dengan pindaan Seksyen 6 iaitu Pembangunan Wang Tabung, saya suka memperjelaskan bahawa walaupun Ahli daripada Wakaf Mempelam dan juga Batu Buruk memberi pandangan bahawa wang lebihan dalam kredit akaun kepada Tabung tidak munasabah ataupun tidak boleh digunakan pada pandangan mereka untuk perbelanjaan-perbelanjaan memajukan infrastruktur dan lain-lainnya itu, pihak Kerajaan Negeri berpendapat sebahagian daripada wang dalam kredit tabung ini perlu dan patut dibelanjakan untuk menampung keperluan-keperluan perbelanjaan bagi maksud pembangunan dan kemajuan ekonomi negeri dan juga rakyat

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, adakah ini secara `indirect' untuk mengurangkan 15% caruman?

10 April 1996

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, itu tidak bermaksud yang demikian, saya hampir hendak menjelaskan bahawa pada sesuatu masa memang terdapat lebih kewangan dalam tabung ini, dan pada pandangan Kerajaan dan juga Lembaga Tabung sendiri lebih ini perlulah dibelanjakan. Ianya tidak bermaksud sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan menyedari bahawa tanggungjawab Kerajaan untuk mencarumkan kepada Tabung ini dan caruman-caruman telah pun disempurnakan pada masa-masa yang lalu, cuma Dato' Yang di-Pertua setengah-setengah daripada keperluan untuk kemajuan negeri ini memerlukan pelaburan oleh pihak Tabung. Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita fikirkan walaupun kelihatannya sebahagian daripada wang tabung akan digunakan untuk infrastruktur, tetapi ini tidak semestinya kewangan ini dibelanjakan daripada caruman Kerajaan, oleh kerana tabung ada melaburkan daripada masa ke masa dengan mendapatkan keuntungan-keuntungan sebagaimana yang ditunjukkan pada masa ini daripada pelaburan yang dibuat oleh tabung ianya telah menghasilkan keuntungan-keuntungan. Jadi tidak semestinya perbelanjaan yang dikeluarkan daripada tabung untuk membiayai keperluan pembangunan yang lain, selain daripada dimaksudkan itu datangnya daripada caruman asal Kerajaan Dato' Yang di-Pertua.

Perkara pindaan seksyen yang ke 7 iaitu perkara yang kedua, oleh kerana ini merupakan soal legality, saya fikir ini satu perkara yang bukan untuk saya memberikan pandangan. Tetapi walau bagaimanapun setelah meneliti pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dan juga meneliti peruntukan ini pada pandangan saya, pada pandangan Kerajaan kita bolehlah melakukan pindaan terhadap 'Bil' ataupun Rang Undang-Undang yang dikemukakan ini di peringkat Jawatankuasa nanti.

Sekian, Dato' Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI (PINDAAN)
1996 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI (PINDAAN;
1996 TELAH DITIMBANGKAN DARI SEKSYEN KE SEKSYEN DAN
TELAH DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK DENGAN
PINDAAN SEBAGAIMANA BERIKUT:-

10 April 1996

Fasal 6 Seksyen Baru 7A(a) dengan memotong perkataan "Perbadanan" digantikan dengan perkataan "Syarikat" dan dipotong perkataan "Badan-badan" dan diganti dengan perkataan "Anak-anak Syarikat".

Seksyen 7A(b) dipinda dengan memotong perkataan "Untuk".

Pindaan dalam naskah bahasa Inggeris yang dicadangkan Clause 6 New 7A(a) dipinda dengan memotong perkataan "Corporation" digantikan dengan perkataan "Companies" dan dipotong perkataan "Bodies" dan diganti dengan perkataan "Subsidiary Companies".

Section 7A(b) dipinda dengan memotong perkataan "To" yang memberikan maksud pindaan sama seperti di dalam naskah asal Bahasa Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI (PINDAAN)
1996 DIBACA KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 1 Tahun 1996.

10 April 1996

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama
Islam (Pindaan) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERTHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Mulia saya memohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN INI DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pindaan) 1996 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 kemudian daripada ini akan disebut 'Enakmen'. Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 5 Enakmen dengan menggantikan sub-section 1 dengan sub-section 1A, B, C, D, E, F dan G yang baru. Pindaan ini juga bertujuan memantapkan kewibawaan keahlian Majlis. Pindaan ini juga melibatkan pemotongan sub-section 1A. Pindaan ini juga bertujuan menggantikan sub-section 2 bagi membolehkan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama menjadi Setiausaha Majlis.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

YANG BERTHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila -

10 April 1996

YANG BERHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya kepada Ketua-ketua Jabatan yang saya kasihi sekalian. Memandangkan kepada Enakmen ini amat penting sebab itulah pihak kerajaan perlu kepada satu pindaan supaya Undang-undang Pentadbiran Islam dapat berjalan dengan baik dan licin lagi. Dulu sebenarnya sebelum daripada tahun 1986, kita ada satu Enakmen iaitu dinamakan Pentadbiran Hukum Syarak 1955 tetapi oleh kerana Undang-undang itu begitu lama dan tidak lagi sesuai pada zamannya sebab itulah pada tahun 1986 dipinda kepada satu undang-undang ataupun enakmen baru iaitu dinamakan Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam tahun 1986 dan dikuatkuasakan pada tahun 1987.

Dato' Yang di-Pertua, manakala kita membincangkan tentang kemajuan umat Islam negeri ini kita tidak dapat tidak akan menyentuh setiap aspek kehidupan mereka dari ekonomi, teknologi hinggalah kepada soal sosial dan keagamaan. Kemajuan tidak sesuai dilihat secara berpecah-pecah antara satu-satu aspek kehidupan sahaja. Dia sebaliknya perlu dilihat secara keseluruhan yang merangkumi seluruh aspek kehidupan. Sebagaimana sebuah kereta, kecantikannya atau kehodohnya dilihat bukan saja lampunya sahaja ataupun bumper sahaja atau sebaliknya. Di sebalik kecantikan atau kehodohan itu adalah satu gambaran keseluruhan hasil dari kombinasi yang terbaik atau tidak baik, dan semua bahagian kereka tersebut. Demikian jugalah kehidupan sesebuah umat itu. Suatu aspek kehidupan adalah saling berkaitan dengan yang lain, manamana kelemahan, keseluruhan tubuh masyarakat umat itu. Oleh yang demikian apa-apa tindakan untuk memajukan umat Islam negeri ini hendaklah berbentuk berkaitan yang menyeluruh dan prestasi setiap agensi kehidupan. Sesungguhnya, sungguhpun demikian bagi suatu tindakan berstrategi dan berkesan memang boleh dihalakan sesuatu usaha besar pada suatu masa ke satu aspek yang utama sahaja dahulu sebagai langkah keutamaan atau priority manakala yang lain-lain dikemudiankan mengikut jangkamasa yang menasabah.

Yang di-Pertua, dari perspektif tersebut di atas itu maka pembangunan umat Islam Malaysia perlu ditilik, dianalisa dan dibangunkan mengikut aspek-aspek utama kehidupan iaitulah yang menyeluruh. Aspek-aspek ini Yang di-Pertua iaitu aspek material, aspek pemikiran, cara dan gaya hidup, pembangunan sesama manusia dan amalan keagamaan.

Dato' Yang di-Pertua, sebelum aspek-aspek kehidupan tersebut di atas ini dapat diperincikan lebih penting ditentukan terlebih dulu visi dan senario kehidupan umat Islam negeri ini dengan jangkauan masa, katakanlah sehingga tahun 2010. Ini bukanlah satu perkara yang mudah. Ia perlu difikirkan secara mendalam dan meluas. Ia merupakan satu impian dan idaman yang perlu dibayangkan dengan sejelas-jelasnya. Saya tidak berniat untuk membuat cadangan terhadap perkara tersebut. Walau bagaimanapun ianya boleh, ia hanya ingin membuat saranan-saranan berdasarkan tanggapan saya sahaja boleh digunakan sebagai contoh iaitulah masyarakat Islam khususnya Melayu negeri ini seharusnya mempunyai, disegani bangsa-bangsa lain kerana

10 April 1996

kejujuran dan standard moraliti yang tinggi. Inilah yang ditekankan oleh masyarakat kita pada masa ini.

Yang kedua, disegani oleh bangsa-bangsa lain kerana ilmunya. Sebab itulah kita lihat sekarang ini pihak kerajaan menumpukan sangat-sangat kepada tentang ilmu pengetahuan. Inilah yang selaras dengan kehendak Islam dan seterusnya disegani oleh bangsa-bangsa lain kerana kerajinan dan keusahawannya. Sebab itulah kita lihat bahawa kita dalam jangkamasa Malaysia Ketuhanan ini kita mahu mewujudkan sekurang-kurangnya 10 orang usahawan di Terengganu. Dan seterusnya ialah disegani bangsa-bangsa lain kerana persaudaraannya. Ini jugak satu perkara yang amat penting kerana sepanjang yang saya lihat saya dapati masih ada lagi persaudaraan tidak wujud khususnya di kalangan-kalangan parti Pembangkanglah kerana parti Pembangkang ini saya anggapkan pihak kerajaan seolahnya kadang-kadang kita membuat rumah ataupun permainan kanak di pantai. Kita cuba buat rumah kemudian rumah terjadi dalam bentuk apa ini kemudian disepak balik. Itulah keadaannya. Ini saya harap tidak berlaku demikian pada masa-masa akan datang. Dan seterusnya disegani oleh bangsa-bangsa lain dan seterusnya terdiri dari umat yang tegas tanggungjawab serta tidak merasa rendah diri. Ini satu, kita biar berbangga kepada diri sendiri. Bangga kepada bangsa sendiri sebab sebagaimana Pas tadi mengatakan dia menganggap negeri dia ni negeri Terengganu ni, tidak begitu maju dibandingkan Kelantan. Dia puji-puji Kelantan. Tidak puji Terengganu. Kita seharusnya kena puji negeri sendiri. Kalau kita tidak puji negeri sendiri siapa lagi nak puji. Ini penting.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan, Dato' Yang di-Pertua. Tadi dia buat contoh. Isu perpecahan. Buat mahligai daripada pasir. Kita dok sepak pun dia jatuh sendiri. Dia roboh sendiri. Dok kata kita jugak.

YANG BERTHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Terima kasih. Saya akan teruskan ucapan saya. Yang di-Pertua, setelah mempunyai visi dan kehendak yang dicapai seperti contoh di atas ini maka barulah ditentukan misinya yang meliputi perkara-perkara seperti tujuan utama dan matlamat. Perkara ini adalah berkaitan secara langsung dengan unsur-unsur struktur organisasi agensi yang dipertanggungjawabkan terhadap pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam. Walau bagaimanapun sebelum ini perkara-perkara lebih utama seperti strategi ataupun metologi besar harus ditentukan terlebih dahulu. Terdapat seolah-olah, ternampak seolah-olah kita mencuba untuk membangunkan semua atau 're-building' masyarakat Islam Malaysia, maka mahu tidak mahu kita akan bertembung dengan persoalan sama ada institusi-institusi yang sedia ada sekarang sesuai atau tidak. Mencakupi atau tidak atau digunakan dengan sebaik-baiknya atau tidak.

Yang di-Pertua, sebelum sesuatu struktur organisasi dan perjawatan dapat ditetapkan dengan baik adalah perlu supaya tujuan utama organisasi itu diketahui dengan jelas dan tepat. Lebih penting lagi perlu diketahui dengan jelas ialah tentang bagaimana tujuan-tujuan tersebut hendak

10 April 1996

dicapai. Ini penting kerana ia akan menentukan cara terbaik dan tercekap sumber-sumber dapat digunakan dan tujuan-tujuan organisasi itu dapat dipastikan tercapai. Dengan lain kata perlu diketahui strategi besar yang hendak digunakan.

Dato' Yang di-Pertua, pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri ini adalah merupakan satu organisasi yang mengandungi beberapa agensi yang dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan hal Islam. Agensi-agensi tersebut ialah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Pejabat Mufti, Mahkamah Syariah dan Yayasan Islam Terengganu. Pelaksanaan kerja kebanyakan agensi-agensi tersebut dikawal oleh Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Tahun 1986. Selain daripada tugasnya menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak, Majlis Agama Islam juga dikehendaki berikhtiar untuk menganjur, mendorong, membantu dalam mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam dalam negeri ini selaras dengan Hukum Syarak. Ini Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 tersebut mengkanunkan Majlis adalah sebuah badan berkanun yang mempunyai kuasa; satu membuat perjanjian atau kontrak, memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan memberi, menikmati harta alih dan tak alih daripada segala jenis dan takluk dan apa dan takluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang disabitkan dengannya. Itulah di antara lain tujuan-tujuan Enakmen itu.

Dato' Yang di-Pertua, organisasi Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dikendalikan oleh sekumpulan ahli-ahli dilantik dari berbagai golongan. Menggabungkan Majlis Agama Islam, memandangkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu adalah pihak berkuasa utama negeri ini yang menjaga semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam, tetapi Yang di-Pertuanya tidak diberi tanggungjawab kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai ketua kerajaan maka keputusan-keputusan yang telah diputuskan oleh Ahli-ahli Majlis tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Oleh demikian, maka pentadbiran Agama Islam Negeri Terengganu sebagai tunggak yang membangunkan Islam tidak dapat dijalan dengan sebaik mungkin. Sepertimana yang kita sedia maklum pihak berkuasa utama Pentadbiran Agama Islam negeri ini ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Semua dasar-dasar mengenai perancangan negeri dan pentadbiran yang berkait dengan negeri diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Wallhal mengenai pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam agak tersisih.

Dato' Yang di-Pertua, oleh demikian satu langkah yang konkrit telah dicadangkan melalui Rang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pindaan 1996 ini dibuat bagi membolehkan satu mekanisma kerja yang tersusun dapat disediakan. Mekanisma yang dicadangkan ini seperti berikut; Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan ini menubuh sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam semua perkara berhubung dengan Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Melayu, amnya majlis ini hendaklah mengandungi Menteri Besar sebagai Yang di-Pertua, seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

10 April 1996

Negeri sebagai Timbalan Yang di-Pertua, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Kemajuan Negeri, Mufti dan seterusnya lah tidak boleh, tidak lebih daripada 10 orang yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang ekonomi atau mempunyai pengalaman dalam undang-undang Islam dan Agama Islam. Dan seterusnya ialah Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

Jadi kalau kita lihat kepada rangka undang-undang ini kita yakin dan percaya bahawa pada masa akan datang, Agama Islam akan bertambah terserlah lagi di Terengganu, insya-Allah. Dengan ini adalah diharapkan dengan cadangan pindaan enakmen tersebut Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu mampu menyising lengan mengharung arus bagi menghadapi pertembungan ummah dalam abad 21 ini. Selain daripada itu aktiviti-aktiviti pembangunan keagamaan diharap dapat disemarakkan lagi bagi mencapai hasrat Wawasan Sihat Negeri Terengganu. Segala cita-cita Ketua Kerajaan negeri yang nantinya mengetuai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu akan menjadi lebih mudah untuk disemarakkan dalam perkara tindakan khususnya dalam perancangan membangun agama Islam. Dengan sebab itu saya menyokong Rang Undang-Undang ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):
Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdudulillah wabihi nastain.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan serta seterusnya para Pemerhati yang dikasihi sekalian. Pertamaanya saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1996 Seksyen 5 yang dikatakan bertujuan bagi memantapkan kewibawaan keahlian Majlis Agama Islam dan Adat Melayu. Saya cuba memberi pandangan kepada Rang Undang-Undang ini yang memang akan diluluskan sebentar lagi. Dilihat kepada tujuan pada pindaan ini ialah memantapkan kewibawaan keahlian majlis ini memberi gambaran kepada kita bahawa selama ini keahlian majlis dan juga yang ada sekarang ini tidak mantap. Jadi oleh kerana itulah barangkali perkara ini hendak dipinda. Dan sesungguhnya memanglah kita mengalu-alukan sebarang langkah untuk memperbaiki satu kelemahan ataupun sesuatu yang tidak mantap dalam apa-apa institusi sekalipun termasuklah institusi Majlis Hal Ehwal Agama Islam ini.

Walau bagaimanapun, di dalam beberapa perkara yang kita lihat berhubung kait dengan pindaan enakmen ini apabila diletakkan orang politik sebagai Pengerusinya ataupun Yang di-Pertuanya dan juga Timbalannya sudah tentulah ini akan memberi implikasi yang positif dan juga negatif kepada pengamalan dan juga pelaksanaan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada majlis ini.

10 April 1996

Dato' Yang di-Pertua dari segi struktur organisasi Majlis ini pada pandangan saya jika sekiranya Menteri Besar dilantik sebagai Yang di-Pertua maka sepatutnya Pesuruhjaya yang menjadi Timbalannya tetapi di sini EXCO yang akan menjadi Timbalannya. Kerana bagi pandangan saya Pesuruhjaya sepertimana yang terdapat dalam peruntukan Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 banyak kuasa-kuasa yang ada padanya dan memang luas dari segi bidang kuasa yang ada padanya. Sudah tentulah perkara ini sepatutnya Pesuruhjaya yang dilantik sebagai Timbalan kepada Yang di-Pertua majlis ini. Dato' Yang di-Pertua menyentuh soal keahlian Majlis sebagaimana yang diperuntukkan di dalam sub-seksyen 1(g) tidak lebih daripada 10 orang yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang ekonomi atau mempunyai pengetahuan dalam bidang Undang-undang Islam dan Agama Islam nampaknya di sini didahulukan keahlian dari kalangan ekonomi daripada orang-orang yang berpengalaman dalam bidang Undang-undang Islam dan Agama Islam. Apakah ini memberi makna bahawa majlis ini akan menjadi satu syarikat perniagaan ataupun akan dikorporatkan kerana sepatutnya di dalam peruntukan ini didahulukan orang-orang yang berpengalaman dalam bidang Undang-undang Islam daripada orang-orang yang berpengalaman dalam bidang Ekonomi kerana memanglah bagi kefahaman saya mengikut Bahasa Undang-undangnya ini adalah diambil kira.

Dato' Yang di-Pertua, saya berpendapat juga dalam soal ini apabila sebuah kerajaan berusaha untuk memantapkan kewibawaan Ahli Majlis bukan setakat itu sahaja tapi berusaha untuk memantapkan dalam menjalankan tugas, tugas-tugas Majlis sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Perkara 21 - Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam supaya segala pindaan-pindaan dilakukan dalam seksyen-seksyen yang ternyata tidak sesuai dan bercanggah dengan Islam bukan setakat itu sahaja. Umpamanya di sini saya memberi contoh beberapa seksyen yang jelas bertentangan dengan Islam umpamanya Seksyen 129 dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 di bawah tajuk 'Rujuk Tanpa Persetujuan'. Di mana dalam seksyen ini dengan izin, Dato' Yang di-Pertua, saya ingin baca; "Seorang suami yang melafazkan rujuk dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada isterinya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali".

Dato' Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada al-Quranulkarim, Allah s.w.t. telah berfirman:-

وَبِجَوْلَتَيْنِ أَحَقُّ بِرُدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا

Maksudnya; "Suami mereka berhak merujuk isterinya dalam masa edah jika suami menghendakki".

10 April 1996

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Cuba baca semula gok seksyen tadi tak berapa dengar. Seksyen mana tadi? Seksyen

YANG BERTHORMAT ENCIK ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Seksyen 129 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam. Jadi kalau dilihat di sini banyak lagilah seksyen-seksyen lain yang perlu dibuat kajian secara teliti supaya ianya sesuai dan tidak bercanggah dengan Islam umpamanya Seksyen 120 mengenai Poligami Tanpa Kebenaran Hakim Syarie. Seksyen 121 mengenai Penceraian Luar Mahkamah dan Tanpa Kebenaran Mahkamah. Seksyen 126 mengenai Isteri Tidak Menurut Perintah, Seksyen 127 jadi Murtad untuk membatalkan perkahwinan. Seksyen

YANG BERTHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Penjelasan, dia tujuan apa tu?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tujuannya untuk memantapkan lagi perjalanan dan Pentadbiran Majlis ini.

YANG BERTHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Ini bukan Hukum Syara' ni, kita bincang ini ialah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, saya rujuk kepada tugas sepertimana yang disebut dalam Perkara 21, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 itu tugas Majlis. Jadi kita mengharapkan supaya Kerajaan mengambil langkah segera meminda semua Enakmen yang bercanggah dengan Islam supaya ia benar-benar menetap, dengan Hukum Syara'.

YANG BERTHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Penjelasan, mana yang bercanggah itu?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Saya sebut tadilah tu.

YANG BERTHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Bercerai di luar mahkamah dia kena dendakan?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dato' Yang di-Pertua, sehubungan dengan tujuan pindaan ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 21, saya sebut tadi maka saya ingin mencadangkan supaya dimasukkan lagi seksyen-seksyen lain yang bertujuan untuk mengemaskinikan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di bawah

10 April 1996

tanggungjawab Majlis ini iaitu umpamanya berhubung dengan kelayakan Hakim-hakim Syarie tidak terdapat dalam Enakmen ini kerana kalau tidak dinyatakan syarat-syarat sejelas sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam maka sudah tentulah perjalanan Majlis ini tidak begitu berwibawa. Sebagai contohnya dahulu tidak ditetapkan syarat-syarat yang sepatutnya umpamanya ada Hakim-hakim dan Qadi dilantik daripada mereka yang bukan ahli dalam Undang-undang Islam. Ada di kalangan mereka dilantik dari orang jurusan-jurusan Usuluddin, Jurusan Bahasa Arab dan satu ketika dahulu pernah dilantik dari orang yang lulus Ilmu Alam 'Geography' jadi Qadi. Jadi ini suatu perkara yang perlu diberi perhatian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Wakil Tepuh, saya ingin tegur bahawa Yang Berhormat terlalu jauh sangat pergi dalam mentafsir ataupun menghuraikan Rang Enakmen yang kita nak pinda ini. Sentuh sedikit-sedikit tu boleh tapi kalau panjang, habis masuk seksyen semua sekali Rang Enakmen. Kita tidak pinda semua sekali lagi, baru pinda sikit baru. Berekap berkenaan dengan hak pinda sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Terima kasih Yang Berhormat. Satu perkara yang terakhir sekali yang saya ingin sentuh berhubung dengan tanggungjawab Majlis ini ialah supaya dibuat kajian semula berhubung dengan Seksyen 66(i) berhubung dengan perlantikan Peguam Syarie bagi membolehkan dan memastikan bahawa mereka yang benar-benar layak memohon menjadi Peguam ini dapat kita wujudkan dan dapat mengembalikan kewibawaan sistem kehakiman dan guaman di negeri kita ini. Jadi itulah sedikit sebanyak yang saya ingin sentuh dalam kesempatan ini, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bismillahirrahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

Yang Berhormat Mulia Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin di dalam masa yang singkat ini membuat beberapa saranan. Yang pertamanya hendaklah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama ini dibebaskan daripada belunggu ikatan warisan penjajah. Tidak ada sebabnya Enakmen yang berkait dengan Hal Ehwal Agama ini dirangkaikan dengan Adat Melayu. Sampai masanya kita pisahkan antara dua perkara ini jika perlu ianya berjalan sendirian. Yang kedua, seksyen 3 induk kepada Enakmen ini hendaklah dibuat 'review' ataupun ulangkaji supaya kuasa yang diberi itu hendaklah tertakluk kepada Majlis ataupun nasihat Majlis ini. Maka barulah fungsi Majlis menjadi lebih berkesan. Oleh itu, itu adalah saranan saya supaya ianya mempunyai keberkesanan. Yang ketiganya, hendaklah diadakan juga suatu badan khas yang menyelia kemasukan dan Pendaftaran Peguam-peguam Syarie supaya prestasi dan peningkatan kebolehan, keupayaan Peguam-peguam Syarie ini dapat diserlahkan. Saya juga Dato' Yang di-Pertua, mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Dewan bukan sekadar satu Jawatankuasa Kerajaan

10 April 1996

tetapi satu Jawatankuasa Dewan hendaklah ditubuhkan sebagai Jawatankuasa Tetap, penyemakan dan penggubalan Undang-undang Syara'. Ini sesuai dengan kejutan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar satu ketika dahulu :-

إِذَا أَمَرَ الدِّينَ وَسِيَاسَةَ الدَّرْيَابَةِ

"Tegakkanlah agama dan bersiasahlah ataupun tadbirlah negara dengan agama". Oleh yang demikian, setelah kita mencapai kemerdekaan selama hampir empat dekad, masa yang hampir empat dekad ini tidak ada lagi 'excuse' ataupun alasan bagi kita untuk mengatakan kita masih lagi menyusun untuk berdekad-dekad, untuk perlahan-lahan dan mencari satu tapak ke satu tapak yang lain di dalam kita membuat program mengislamkan pentadbiran dan juga mengislamkan sistem perundangan yang berjalan pada hari ini sesuai dengan perintah Allah S.W.T. Oleh itu, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya melihat dan memerhatikan bahawa usaha untuk memberi pengiktirafan kepada Hakim-hakim Mahkamah Syariah pada hari ini, yang sampai ke tahap Hakim Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi, Qadi adalah 'higher' dengan izin, terlalu tinggi kerana undang-undang yang hendak ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah ini hanyalah 3 ataupun 4 undang-undang sahaja. Sedangkan seorang Majistret terpaksa mengendalikannya undang-undang lebih daripada dua buah kereta lembu, apatah lagi Hakim Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa tidak terhad dan terhingga. Oleh yang demikian, untuk kita menjuruskan kita ke arah pemerintahan yang lebih diredhai oleh Allah s.w.t., saya mencadangkan supaya keseluruhan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 ini dimansuhkan dan digantikan dengan beberapa Enakmen yang tertentu dan khusus seperti perlantikan Hakim-hakim Syarie yang dijelaskan satu persatu dengannya. Kemudian bidangkuasa ataupun 'co-adjudicator' sepertimana 'co-adjudicator act' bidangkuasa mahkamah-mahkamah yang khusus, yang boleh diperbutirkan satu persatu supaya pentadbiran mahkamah lebih sempurna. Kemudian peraturan-peraturan ataupun prosedur mahkamah, Enakmen Jenayah Syariah kita kalaulah Al-Fadhil Yusof Kharadawi tahu undang-undang ini dia mari baru-baru ini saya rasa Yang Amat Berhormat tak dapat kepujian macam tu. Kesalahan-kesalahan yang ada dalam ini, tidak Sembahyang Jumaat, tak puasa bulan Ramadan, makan di khalayak ramai dalam rumah tak apa, makan dalam pejabat tak apa. Bersekedudukan, bersekedudukan yang diiktiraf sebagai khalwat, sedangkan bersekedudukan takrif mengeluarkan zuriat ini bermaknanya bersekedudukan tapi untuk melarikan diri daripada perintah Allah kita kata bersekedudukan hanya khalwat sahaja boleh hukum. Kalau kawan ini kata dia berzina tidak ada undang-undang yang Qadi boleh menjatuhkan hukuman. Adakah ini kerja-kerja ke arah menrealisasikan Islam yang diperintah oleh Allah ke atas kita.

Saya rasa kecewa dengan penyokong Enakmen tadi. Sebagai bekas seorang Qadi saya rasa dia lebih arif daripada saya, dia boleh mengetahui satu persatu, boleh baca satu persatu dalam Enakmen ini. Oleh itu saya mengharapkan supaya inilah masanya orang-orang yang berilmu

10 April 1996

seperti Wakil Rantau Abang mengemukakan hujah yang bermakna supaya sesuai dengan kejutan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat:-

إِوَامَةُ الدِّينِ وَمِيَاَسَةُ الدَّرِيَايَةِ

Ini saya sokong kerana nak berniaga begini, begini, nak berniaga. Ini bukan cara dia. Sekarang ini pindaan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 2 mendukacitakan. Yang pertama - Mufti, hak 'last' sekali, hak gusuk - Mufti. Adakah ini taraf Mufti dalam Islam? Ini perlu dikaji. Pesuruhjaya diturunkan pangkat kepada Setiausaha yang dahulunya Setiausaha Jabatan menjadi Setiausaha Majlis. Setiausaha Pesuruhjaya sepatutnya sebagai Ketua Pentadbir 'Chief Administrator' dengan izin di Jabatan Hal Ehwal Agama sepatutnya tidak diturunkan pangkatnya sepatutnya menjadi Ahli Majlis dan sepatutnya kita dah sampai masanya kita mempunyai seorang Setiausaha yang khusus, yang profesional, yang tahu kerja-kerjanya untuk mengendalikan perkara-perkara berkait dengan Pentadbiran Majlis Hal Ehwal Agama ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, yang mendukacitakan, perkara-perkara yang berkait dengan 'Wakaf' yang telah disalahgunakan, yang telah tidak ditadbirkan dengan sempurna kerana tidak ada jentera yang tahu dan pakar di dalam mentadbirkan harta Wakaf, Wakaf Am, Wakaf Khas dan Wakaf Zuriat. Ini dirasai kenapa perkara-perkara yang seumpama ini tidak diambilkira. Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak ada, saya mencadangkan beberapa Enakmen hendaklah dikemukakan segera supaya kita bincang untuk menyempurnakan tanggungjawab kita dengan Allah s.w.t., sempurna dengan bidangkuasa dan peningkatan Qadi-qadi dan Hakim-hakim hendaklah kita adakan Enakmen Jenayah Syariah, Enakmen Civil supaya orang datang ke mahkamah ini untuk mendapat keadilan yang direndhai oleh Allah s.w.t., prosedur jenayah, prosedur civil, Enakmen Wakaf yang sempurna dan berbagai-bagai lagi yang akan ditentukan nanti oleh Jawatankuasa Tetap Dewan yang ditubuhkan oleh Dewan yang mulia ini, wallahua'lam.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang baik, yang baik diterima kerana itu adalah sebahagian daripada tujuan pemerintahan Kerajaan Negeri ini dan yang tidak baik kita anggapkan itu sebagai satu kesilapan daripada pihak yang berkenaan. Saya sangat tertarik hati mengenai dengan komen daripada Yang Berhormat Batu Buruk tadi, komen yang terakhir mengenai dengan susunan kedudukan ahli-ahli yang disebutkan dalam Enakmen ini

10 April 1996

yang menyebutkan Shahibul Samahah Dato' Mufti diletakkan di bawah daripada yang lain-lain. Kalau ini menjadi perkara yang penting sangat maka saya fikir mungkin kedudukan Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya pun kena tukar juga iaitu mungkin yang kedua yang ada dalam Dewan ini di sebelah sana kena tukar iaitu yang pakai kot ke belakang sikit yang pakaran lain tu ke depan. Jadi saya sebenarnya bukanlah tujuan kita untuk menafikan

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Dato' Yang di-Pertua, takkanlah setangga itu 'mentality' bekas Menteri.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat saya pun tak sangka, bukanlah seorang 'Lawyer' bersikap sedemikian. Urusan kita yang sebenarnya ialah urusan yang lebih penting iaitu untuk memperbaiki urusan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam. Dalam masa kita menjalankan urusan tentulah kita akan dapati perkara-perkara yang dilihat oleh setengah-setengah pihak sebagai cacat tetapi tidak dilihat oleh pihak yang lain sebagai cacat kerana urusan-urusan pentadbiran ini sangat subjektif sifatnya. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat daripada Batu Buruk percayalah bahawa kita tidaklah bermaksud untuk merendahkan taraf sesiapa dan meninggikan taraf sesiapa tapi kita bermaksud untuk memberi ruang kepada pihak yang difikirkan sesuai mengambil bahagian dalam urusan mentadbirkan Hal Ehwal Agama Islam iaitu satu Enakmen yang jelas bermaksud supaya urusan pentadbiran yang pada masa ini kebanyakan orang bercakap mengenai dengan pentadbiran ini dalam bidang-bidang yang lain, mereka bercakap mengenai pengurusan dalam pentadbiran awam, ada yang bercakap mengenai dengan 'management' ataupun urusan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Dato', boleh duduk sekejap.

10 April 1996

**CADANGAN DI BAWAH PERKARA 7(1)(A)
PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH
TETAP DEWAN**

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, menurut Perkara 7(1)(A) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, saya memohon membawa cadangan supaya masa mesyuarat yang tamat pada pukul 5.00 petang ini dilanjutkan untuk membolehkan Dewan Undangan Negeri terus bersidang sehingga selesai Tertib Pekerjaan sebagaimana yang telah diatur. Saya mohon mencadangkan, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasa 7(1)(A) tiap-tiap Persidangan Dewan hendaklah dimulakan pada pukul 9.30 pagi, dan diteruskan sehingga pukul 5.00 petang atau lebih awal lagi. Setelah selesai atau ditangguhkan Pekerjaan dalam Tertib Pekerjaan. Oleh kerana ada lagi perkara-perkara yang perlu diselesaikan Persidangan Dewan hari ini malah Peraturan Dewan kita tidak mengizinkan kita berbincang lewat pukul 5.00 petang. Maka sekarang satu cadangan dikemukakan oleh pihak Kerajaan bagi membolehkan Dewan diteruskan selepas pukul 5.00 petang.

**CADANGAN SUPAYA MASA MESYUARAT YANG AKAN TAMAT
PADA PUKUL 5.00 PETANG DILANJUTKAN UNTUK MEMBOLEHKAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI TERUS BERSIDANG SEHINGGA
SELESAI TERTIB PEKERJAAN BAGAIMANA YANG TELAH DIATUR
DIHADAPKAN KEPADA MESYUARAT DAN DIPERSETUJUI DENGAN
SEBULAT SUARA.**

10 April 1996

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Pentadbiran Kerajaan Negeri merasa kurang senang bila melihat bahawa urusan pengurusan atau pentadbiran

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya ingin minta penjelasan mengapa tidak disebut salah satu daripada syarat untuk menjadi Ahli Majlis ini ialah seorang yang beragama Islam kerana umpamanya Penasihat Undang-Undang ini pegawai daripada Kerajaan Pusat mungkin dihantar pegawai yang bukan daripada orang bukan Islam dan begitulah dengan yang lain yang tidak disyaratkan beragama Islam. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana saya tengah 'concentrate' kepada satu perkara yang lain soalan itu yang lain tapi saya tangguh sekejap untuk memberi jawapan kepada soalan Yang Berhormat daripada Rhu Rendang sebab saya tengah bercakap mengenai dengan pengurusan.

Kerajaan Negeri pada masa ini sedar bahawa pengurusan selalu dikaitkan dengan bidang-bidang yang lain, menguruskan hospital, menguruskan ketenteraan, menguruskan ekonomi dan ilmu pengurusan seolah-olah satu perkara yang berasing dan tidak perlu dikaitkan dengan urusan Islam maka sebab itu melihat kepada nama dan tajuk Enakmen sudah jelas bahawa perkara yang menjadi 'concern' utama kita ialah bagaimana hendak menguruskan Hal Ehwal Agama Islam dan ini tentunya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua berbeza menguruskan satu perkara yang datang daripada Allah s.w.t. dengan menguruskan satu perkara yang tercipta, yang wujud daripada urusan keduniaan. Pengurusan membina rumah, pengurusan membina jalan raya berbeza dengan pengurusan hal ehwal agama Islam. Maka sebab itu daripada perkataan inipun sudah nampak bahawa kalau sesiapa yang perhati dengan cermat, memang kita sedar British suatu masa dahulu tidak mementingkan urusan Islam ini ditadbirkan dengan baik, British telah mengajak orang-orang Islam seolah-olah melupakan pentingnya Islam itu ditadbirkan dengan baik dia hanya diuruskan secara sambilan sahaja dan secara kebetulan oleh mereka yang pada pandangan mereka yang tidak perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi. Mereka boleh diurus sebagai satu bahagian adat resam dalam sesebuah masyarakat. Maka sebab itulah saya ingin menekankan bahawa penekanan kepada perkataan pentadbiran ini harus diambil kira oleh semua pihak terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membincang hal ini pada masa akan datang bahawa kita perlu bertolak daripada satu sistem pengurusan yang teratur hendak menguruskan amanah Allah s.w.t. Perbezaan di antara kita sebagai manusia dengan pihak yang menurunkan wahyu sudah tentu tidak perlu saya jelaskan. Sebab itu kita perlu menyusun strategi, menyusun satu sistem yang teratur dan kita mesti berbincang dengan baik supaya perkara yang dibincang jangan dibuat tidak berdasarkan kepada perkara yang saya sebutkan pada pagi tadi iaitu kita harus faham dan kefahaman itu ada banyak kategori. Dan bila kita faham, kita mesti rancang, dan bila kita rancang, kita mesti urus. Kalau ada kefahaman tanpa ada

10 April 1996

perancangan tidak boleh selesai jugak urusan kita ini dan kefahaman ini tidak ada kemuncak. Kefahaman yang mutlak bila Muhammad s.a.w. bila baginda berkata, dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua -

عَنْ يَرْدِ الدُّرِّ خَيْرًا لِفِيهِ فِي الدُّرِّ

kerana urusan pemahaman yang mendalam Islam ini memang suatu perkara yang harus dituntut sampai bila-bila. Maka sebab itu, orang-orang Islam tidak harus berpecah, kita mesti faham dan fahaman ini mesti kita tingkatkan mengikut perkembangan masa. Jadi perlu ada jentera pengurusan yang baik, sebab itulah kita hari ini menggunakan perkataan 'Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam' untuk menguruskan, mengatur bagaimana cara yang baik bagi memastikan bahawa Islam tidak pudar dalam masyarakat dan itulah sebabnya pengaruh British sebenarnya sebagaimana Yang Berhormat Wakil daripada Batu Buruk menyebutkan tadi harus dikikis unsur penjajahan. Alhamdulillah, syukurilah kerana pandangan Yang Berhormat itu, sebenarnya itulah juga pandangan yang telah diperjuangkan oleh Barisan Nasional daripada dulu lagi sehingga akhirnya tercetus kemerdekaan. Kemerdekaan wujud kerana Barisan Nasional mempertahankan negara ini supaya kita dapat mengikis unsur penjajahan dengan cara yang teratur dalam semua bidang, bukan sahaja dalam kehidupan pentadbiran awam tetapi dalam urusan agama juga. Maka sebab itu janganlah dilihat sangat tentang susunan kedudukan yang kita senaraikan ini sebagai satu alasan untuk mendakwa bahawa Kerajaan tidak menghormati orang-orang yang tertentu. Kalau sekiranya ini salah dilihat mungkin itu dilihat daripada kacamata politik, tetapi kalau dilihat daripada kacamata pentadbiran, saya fikir tentulah ada alasan-alasan yang munasabah kenapa susunan itu dibuat demikian kerana susunan dalam majlis, apa-apa majlis bila dilihat mungkin ketidaktepatan dalam penyusunan maka pandangan adalah berbeza bergantung kepada/daripada perspektif mana kita lihat. Maka saya minta supaya janganlah diukur pendirian kita ini berdasarkan kepada perkara-perkara yang sedemikian.

Tentang kedudukan Pengerusi bagi Majlis/Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam ini, sayapun berfikir bahawa elok jugak kita check. Kita bertanya kepada satu negeri jiran sesuai ke tidak Menteri Besar Negeri jiran ini untuk menjadi Pengerusi. Kalau sekiranya ada sebuah negeri jiran berkata bahawa; 'Dia tak hendak jadi Pengerusi' maka mungkin ada keadaan-keadaan yang tertentu tapi saya fikir Menteri Besar negeri berkenaan pun dia hendak jugak jadi Pengerusi. Kerana tujuan kita di sini ialah bukan kita lihat daripada segi politiknya tapi kita lihat Ketua Pentadbiran Negeri itu dari posisi tanggungjawabnya dan juga kuasa eksekutif yang ada padanya yang kadang-kadang kalau kita tidak meletakkan Ketua Eksekutif Pentadbiran Negeri itu di

10 April 1996

tempat yang seperti ini maka mungkin ada konflik, mungkin ada kesukaran bila suatu keputusan dibuat di peringkat Majlis Agama Islam yang mungkin akan diketepikan oleh Ketua Pentadbiran Negeri dan kita bayangkan hal ini

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Saya dah 'brief' tadi, seksyen 3 tidak akan memberi apa-apa manfaat daripada apa yang dijelaskan oleh Wakil Kampung Raja tu melainkan seksyen 3 dipinda juga.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang di-Pertua, saya refer apa yang saya kata ini ialah kepada apa yang disebut oleh Wakil daripada Tepuh tadi. Iaitu yang menyebut tentang Pengerusi bagi pentadbiran ini

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, inilah apa yang saya katakan tadi melainkanlah dipinda seksyen 3, barulah apa yang dipinda yang menjadikan Pengerusi, Menteri Besar itu berkesan - kalaulah itu kebimbangan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Pihak Kerajaan tidak bimbang, struktur ini adalah struktur yang Kerajaan yakin. Tidak akan berlaku kebimbangan yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang kerana bila dibincang di semua peringkat bukan sahaja di peringkat negeri kerana urusan pindaan ini ialah urusan yang telah dibincang secara masak dengan pihak-pihak yang lain yang diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri. Langkah ini ialah langkah penyelarasan, penyelarasan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di seluruh negara. Pada masa yang lepas kita menghadapi kesukaran bila wujud sesuatu perbincangan mengenai dengan agama, kita dapati kita makan masa yang lebih panjang untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Selesai suatu mesyuarat, kita terpaksa rujuk kepada Menteri Besar dan memerlukan kepada komen atau ulasan daripada beliau. Dengan cara ini saya fikir kita dapat menjimatkan masa dan kita dapat menerima arahan-arahan secara langsung dengan tidak kita membuat andaiian yang bukan-bukan kerana sebagai seorang yang diberi kepercayaan terutama seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu yang sudah tentu mempunyai kewibawaan di dalam berbagai-bagai bidang yang berkaitan dengan Islam, di dalam bidang-bidang yang lain juga. Dalam bidang kepimpinan sudah tentu dia tahu membezakan, yang mana harus diketepikan dan yang mana harus dipakai. Maka saya fikir Pengerusi yang dicadangkan dalam Enakmen ini adalah wajar supaya ia diterajui oleh seorang Menteri Besar.

Mengenai dengan jawatan Timbalan Pengerusi, wakil daripada Tepuh juga tadi menyebutkan bahawa kalau boleh Timbalan Pengerusi dipegang oleh Pesuruhjaya Hal-Ehwal Agama Islam.

10 April 1996

Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa yang penting ialah kehadiran Pegawai-pegawai yang diberi tugas mengenai dengan Hal Ehwal Agama Islam. Sama ada Timbalan Pengerusi itu harus diberi kepada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama ataupun diberi kepada orang lain itu adalah perkara teknikal sahaja dan keahlian-keahlian yang lain yang disebutkan oleh wakil daripada Tepuh yang menyebutkan bahawa kenapa kita dahulukan bidang ekonomi mengatasi bidang-bidang yang lain. Perkara ini juga merupakan perkara yang bersifat teknikal kerana pada masa ini bila kita menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran, hari ini kita dapati dengan tidak menafikan pentingnya bidang-bidang yang lain sebenarnya kemantapan umat Islam di dunia ini banyak bergantung daripada pandangan-pandangan mereka yang mengkaji, yang pakar di dalam bidang ekonomi campur dengan kesedaran mereka dalam bidang Islam. Dunia hari ini kita lihat daripada segi sejarah dahulu atau sekarang. Walaupun dahulu tidak ditekankan perkataan ekonomi tetapi urusan perekonomian ini sudah merupakan perkara yang datang sekali gus bersama-sama dengan pembentukan Kerajaan. Urusan ekonomi diuruskan daripada awal lagi. Sama ada di zaman Muhammad s.a.w. atau selepas daripada Baginda meninggalkan kita, sebab itu jangan kita risau tentang kenapa didahulukan ekonomi dan jangan pula anggapan ini bila kita anggapkan sebagai perkara utama tentulah ada di antara rakan-rakan kita yang komited dengan Islam yang datang daripada bidang ekonomi mungkin terasa hati. Saya tidak bertikir bahawa perkara ini wajar diberi 'highlight' atau diberi keutamaan yang penting ialah berkerja sebagai satu pasukan dengan mempunyai mission yang sama, objektif yang sama tanpa mengira daripada bidang mana mereka datang.

Dato' Yang di-Pertua mengenai dengan kes-kes yang disebut, mengenai dengan perceraian dan sebagainya, saya sebenarnya agak terkejut kerana kita buka dalam Enakmen ini tengok Perkara 129 yang disebut tidak ada, rupa-rupanya perkara itu dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga. Saya terima baik pandangan-pandangan yang positif daripada Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun tidak apalah disebut Enakmen yang lain tidak ada kaitan dengan enakmen ini tetapi saya anggapkan semangat daripada ulasan itu bertujuan yang baik. Dengan itu saya harap terimalah tujuan baik daripada kami yang merancang untuk meneruskan urusan-urusan membina, menguruskan hal Islam ini dengan lebih teratur, walaupun masa yang kita ambil agak panjang tetapi lebih pendek daripada yang diambil oleh setengah-setengah Negeri yang lain. Kita tidak menjadikan 'excuse' daripada adanya sistem pengurusan Islam, penyebaran Islam, tindakan-tindakan yang dibuat oleh Pemerintah Islam secara berperingkat, kita tidak mahu menjadikan itu 'excuse' kita. Tetapi kita memang perlu kepada tindakan yang hati-hati lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk ini. Saya fikir tidaklah perlu membuat ulasan yang lebih panjang lagi dan saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberikan ulasan. Terima kasih, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

10 April 1996

Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 itu dibaca bagi kali yang kedua.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 itu telah ditimbangkan dari seksyen ke seksyen dan telah dipersetujui tanpa pindaan dengan suara terbanyak.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERTHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERTHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 itu dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 2 Tahun 1996.

10 April 1996

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Persidangan Dewan ini kepada sesuatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.20 PETANG.

